


KREDIT : PENULIS ASAL
DISUNTING : @STUDYWITABAN

BERDASARKAN SOALAN TRIAL SPM

SOALAN & JAWAPAN UBBM 2024



DIAKHIR FILE INI
ADA SOALAN KBAT
YANG SERING
DITANYA
PENTAKSIR
SEWAKTU UJIAN
LISAN
PERSENDIRIAN DI
SOALAN 3/4

BILANGAN 4
BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN
(30 Markah)

Program Jom Baca 10 Minit adalah antara aktiviti yang dilaksanakan pada setiap tahun bertujuan untuk memupuk budaya membaca. Budaya membaca boleh melahirkan insan yang mulia dan mengembangkan pemikiran seseorang. Orang yang rajin membaca mempunyai imaginasi yang lebih tinggi dan boleh mengeluarkan pendapat serta hujah yang baik.

Ulaskan.

MEMBACA

Pada era globalisasi ini, pendidikan dalam semua lapisan masyarakat semakin penting dan diutamakan. Walaupun pelbagai usaha telah dilakukan oleh pihak berkuasa dalam memupuk amalan membaca namun, budaya membaca dalam masyarakat masih rendah lagi. Melalui pembacaan, seseorang dapat memperoleh pelbagai ilmu pengetahuan yang secara tidak langsung dapat membantu memajukan negara. Dengan ini, isu budaya membaca dalam kalangan masyarakat tidak boleh dipandang ringan. Jika budaya tersebut dibiarkan begitu sahaja hasrat masyarakat untuk menjadikan negara kita negara maju pasti akan terganggu. Pengamalan budaya membaca dalam kalangan masyarakat akan mendatangkan pelbagai faedah terhadap diri kita. Oleh itu, semua lapisan masyarakat haruslah berusaha mengamalkan budaya membaca kerana Membaca Jambatan Ilmu.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa dengan membaca, seseorang akan dapat ~~Pada jangkamasa pendek, kebajikan dan kesejahteraan tidak dapat tercapai sebagai mallethian, tumanak~~ ~~idur, tawar dan pengisblan tentang kehidupan sosial. Sehingga dapat di dalam buku, masalah~~ ~~prestasi akademik. Terdapat banyak bahan bacaan telah dipasarkan di pasaran. Dewapan.~~ Pada jangkamasa pendek, kebajikan dan kesejahteraan tidak dapat tercapai sebagai mallethian, tumanak idur, tawar dan pengisblan tentang kehidupan sosial. Sehingga dapat di dalam buku, masalah prestasi akademik. Terdapat banyak bahan bacaan telah dipasarkan di pasaran. Dewapan. haruslah sanggup membelikan bahan bacaan yang sesuai untuk anak-anak dan diri sendiri. Dengan membaca, seseorang dapat meneroka pelbagai ilmu yang dapat dimanfaatkan untuk mencapai kejayaan kerana Bangsa Membaca Bangsa Berjaya. Sewajarnya masyarakat rajin berusaha dalam memupuk amalan membaca dan seterusnya menjayakan kempen-kempen yang telah dianjurkan oleh kerajaan tentang amalan membaca. Pembacaan yang luas juga dapat memupuk nilai-nilai murni dalam diri seseorang. Oleh itu, masyarakat hendaklah rajin membaca supaya dapat menambahkan ilmu pengetahuan

Selain itu, membaca akan membantu menambahkan perbendaharaan kata yang kita miliki. Hal ini kerana dengan membaca kita akan menemukan pelbagai jenis perkataan baharu. Jika kita membaca bahan bacaan yang berkaitan dengan bidang Sains kita akan mengenali lebih banyak istilah atau kosa kata baharu dalam bidang berkenaan seperti Anemia dan X-ray. Malah, apabila seseorang telah mengenali banyak perbendaharaan kata, mereka akan dapat bertutur dengan lancar dalam bahasa berkenaan. Individu itu juga akan dapat menguasai sesuatu bahasa dengan mudah. Penguasaan perbendaharaan kata sangat berguna dalam menongkah arus globalisasi kini. Persaingan antara masyarakat dalam pelbagai disiplin ilmu juga akan menjadi lebih mudah. Dengan ini, kita haruslah rajin membaca supaya dapat menambahkan perbendaharaan kata dalam minda kita

Tambahan pula, budaya membaca dapat membantu pelajar lulus dengan keputusan yang cemerlang. Hal ini demikian kerana pembacaan bahan bacaan yang banyak dapat menambahkan pengetahuan tentang sesuatu mata pelajaran. Terdapat juga mata pelajaran tertentu yang memerlukan pembacaan yang banyak. Sebagai contoh, Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Sejarah. Mata pelajaran tersebut memerlukan pembacaan yang luas kerana kita akan dapat maklumat atau isu semasa yang amat berguna dalam penulisan esei. Pembacaan boleh dilakukan di perpustakaan mahupun di rumah. Dengan ini, perpustakaan hendaklah dinaik taraf dengan kemudahan yang lebih selesa seperti meja, kerusi, penghawa dingin dan kemudahan ICT supaya pelajar-pelajar dapat menjalankan pembacaan mereka dalam keadaan yang kondusif. Secara eksplisit, pelajar akan mengingati lebih banyak ilmu pengetahuan daripada bahan bacaan tersebut. Pelajar yang cemerlang adalah pelajar yang rajin membaca. Oleh itu, semua pelajar hendaklah menjadikan tabiat membaca sebagai rutin harian agar mendapat keputusan yang cemerlang.

Membaca juga dapat memenuhi masa lapang kita. Masa lapang ialah masa senggang antara dua pekerjaan. Masa lapang perlu diisi dengan perkara yang berfaedah. Kita boleh menjadikan amalan membaca sebagai hobi kita. Selain membaca, kita boleh menjadikan perkara lain sebagai hobi sekiranya perkara itu berfaedah. Terdapat 24 jam diperuntukkan kepada seseorang, namun masa yang singkat itu sememangnya tidak cukup untuk kita melaksanakan pelbagai aktiviti. Dengan ini, kita haruslah menggunakan masa lapang dengan efisien kerana masa itu emas. Sekiranya seseorang itu tidak mempunyai masa untuk membaca, mereka boleh membaca ketika menunggu bas. Oleh itu, sebagai insan yang begitu mengutamakan masa mereka seharusnya mengisi masa dengan amalan membaca.

Di samping itu, budaya membaca dapat membantu memajukan negara. Hal ini demikian kerana tokoh-tokoh yang pakar dalam bidang tertentu dapat membantu meningkatkan ekonomi negara kita. Lanjutan itu, negara kita dapat membangun dengan pesat. Kemajuan dalam bidang sains dan teknologi telah menyebabkan banyak ciptaan baharu direka. Sebagai contoh, Negara Jepun yang maju dalam bidang sains dan teknologi telah mencipta pelbagai jenis barangan yang berfungsi secara automatik. Membaca akan menambahkan ilmu pengetahuan kita dan ilmu-ilmu yang diperolehi ini bolehlah digunakan dalam memajukan sektor-sektor tertentu seperti sektor pelancongan. Apabila sektor-sektor dibangunkan, ekonomi negara kita akan pesat membangun seperti Cendawan Tumbuh Selepas Hujan. Secara umumnya, negara kita akan layak bersaing dengan negara maju yang lain. Kemajuan

negara pula perlu disusuli dengan budaya menulis buku. Oleh itu, kita hendaklah rajin membaca supaya tanah air kita dapat dibangunkan dan dimajukan. Malah, kita dapat hidup dalam keadaan yang lebih baik.

Kesimpulannya, budaya membaca banyak mempunyai faedah kepada individu mahupun negara. Melalui membaca kita akan dapat menambahkan ilmu pengetahuan kita. Ilmu pengetahuan yang diperolehi itu bukan sahaja dapat membantu seseorang mendapat keputusan yang cemerlang malah dapat memajukan negara. Walaupun pada hari ini pelbagai prakarsa telah dilaksanakan untuk memupuk amalan membaca namun, usaha tersebut diumpamakan hujan jatuh ke pasir. Ibu bapa mempunyai tanggungjawab yang besar dalam memupuk budaya membaca. Hal ini disebabkan budaya membaca perlu dipupuk sejak anak-anak kecil lagi kerana Melentur Buluh Biarlah dari Rebungunya. Ibu bapa juga bertanggungjawab menjadi suri teladan kepada anak-anak dengan banyak membaca buku. Selain itu, pihak kerajaan perlu menyediakan pelbagai kemudahan seperti perpustakaan supaya kita dapat membaca dengan selesa. Kempen-kempen membaca juga perlu dipergiat. Jika usaha-usaha memupuk budaya membaca giat dijalankan, negara Malaysia pasti akan menjadi negara yang maju. Oleh itu, semua orang wajiblah membaca dan berusaha meningkatkan budaya membaca agar masyarakat yang celik ilmu dapat dilahirkan.

**NASKHAH
CALON**

BILANGAN 26
BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN
[30 MARKAH]

Kepesatan kemajuan teknologi maklumat kini telah menyebabkan remaja pada hari ini semakin leka dengan ciptaan alat peranti terkini dan mengabaikan amalan membaca dalam kehidupan.

Bincangkan usaha-usaha bagi menyemarakkan budaya membaca dalam kalangan remaja.

USAHA-USAHA UNTUK MENYEMARAKAN BUDAYA MEMBACA DALAM KALANGAN REMAJA

Dalam abad ke 21 ini, amalan membaca telah semakin diabaikan disebabkan perkembangan teknologi terutamanya penciptaan komputer dan telefon. "Membaca Jambatan Ilmu", menunjukkan bahawa membaca membolehkan kita memperoleh ilmu pengetahuan yang banyak. Namun, menurut kajian, rakyat Malaysia hanya membaca dua buah buku setahun. Selain itu, amalan membaca dapat mempercepat usaha kerajaan untuk merealisasikan wawasan 2020 melalui pembentukan rakyat yang berilmu pengetahuan. Oleh hal yang demikian, banyak modus operandi perlu dilakukan bagimemupuk amalan membaca dalam kalangan masyarakat.

Bak kata pepatah "Bagaiman acuan, begitulah kuihnya". Ibu bapa memainkan peranan yang signifikan untuk amalan membaca dalam kalangan masyarakat. Menurut Confucious, "keluarga merupakan unit asas pembentukan masyarakat". Oleh hal yang demikian, ibu bapa perlu menunjukkan contoh dan teladan yang baik kepada anak seperti membaca buku bersama bersama dengan anak. Ibu bapa juga boleh membeli bahan bacaan untuk anak supaya dapat meningkatkan minat anak tentang pembacaan. Oleh hal tang demikian, amalan akan dicontohi oleh orang lain apabila dilihat oleh orang lain. Tegasnya, ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam memupuk amalan membaca.

Jika ditelurusi, peranan kerajaan dalam memupuk amalan membac juga tidak boleh disishkan. Pihak kerajaan boleh mengadakan kempen yang berkenaan seperti "Mari Membaca Malaysia" dan "Bangsa Membaca Bangsa" kerana dapat memupuk amalan membaca. Justerunya, pameran buku juga perlu dianjurkan oleh pihak penganjur. Hal ini kerana ,menganjurkan pameran buku merupakan salah satu cara untuk menarik minat masyarakat malaysia. Bagi golongan miskin, kerajaan boleh memberi buku yang percuma supaya golongan miskin juga boleh mendapat pengetahuan yang banyak. Izharnya, pihak kerajaan haruslah melakukan banyak usaha supaya amaln ini dapat dipupuk dalam diri masyarakat sebelum nasi menjadi bubur.

Selain itu, pihak sekolah juga menggalas tanggungjawab yang besar untuk memupuk minat membaca dalam kalangan masyarakat. Guru sebagai insan yang penting bagi pelajar perlu mengajar pelajar supaya mengamalkan amalan membaca. Selain itu, pihak sekolah perlu menganjurkan program "NILAM" supaya dapat menggalakan pelajar. Pihak sekolah mengadakan pertandingan membaca dan memberi hadiah atau wang tunai. Pada mulanya, mungkin pelajar menyertai pertandingan untuk mendapatkan hadiah tetapi lama-kelamaan mereka akan menimbulkan minat tentang amalan membaca. Oleh hal yang demikian, usaha-usaha untuk menggalakan amalan membaca yang lebih sistematik dan teratur dapat membentuk pelajar yang suka membaca dan menjadi insan yang cemerlang pada masa depan.

**NASKHAH
CALON**

BILANGAN 6
BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN
(30 Markah)

Karnival Kerjaya memberikan peluang kepada golongan belia untuk mendapatkan maklumat pekerjaan melalui pelbagai aktiviti menarik yang sarat dengan ilmu. Karnival ini telah banyak memberikan faedah kepada golongan belia.

Bincangkan.

Isi-isi penting

- Memberi pendedahan terhadap landskap pekerjaan di Malaysia
- Peluang untuk berhubung dengan bakal majikan
- Dapat menguji kemahiran komunikasi
- Mendapat akses seminar atau bengkel percuma
- Melatih diri untuk sesi temu duga
- Dapat membantu dalam pemilihan kursus atau IPT

Contoh Karangan Kebaikan Pameran Kerjaya Kepada Pelajar

Pendahuluan

Kerjaya boleh didefinisikan sebagai perkembangan dan kemajuan seseorang dari segi pekerjaan. Lazimnya ia merujuk kepada jawatan tetap dan berkaitan dengan perkembangan secara beransur menaiki peringkat jawatan dalam sesebuah organisasi atau profesion. Persediaan tersebut didorong oleh bakat, minat dan kebolehan semulajadi serta pengaruh persekitaran seperti pendidikan dan latihan. Pameran kerjaya pula adalah satu acara yang mengumpulkan majikan-majikan untuk merekrut pekerja baharu dan pencari kerja mencari peluang-peluang kerjaya yang ditawarkan. Sejak kebelakangan ini, pameran kerjaya telah menjadi program yang dianjurkan secara besar-besaran kerana mendapat sambutan yang tinggi dari kalangan pelajar dan lepasan institusi pengajian tinggi (IPT). Persoalannya, apakah manfaat atau kebaikan pameran kerjaya kepada pelajar yang masih dalam pengajian di peringkat IPT dan juga sekolah?

Isi 1

Antara kebaikan yang diperoleh pelajar jika berkunjung ke pameran kerjaya adalah pendedahan terhadap landskap kerjaya di Malaysia. Hal ini demikian kerana peluang kerjaya yang ditawarkan adalah mengikut perkembangan dan permintaan ekonomi semasa negara kerana ia berkaitan dengan dasar-dasar yang diperkenalkan oleh kerajaan. Para pelajar boleh melihat profil dan latar belakang syarikat atau majikan yang menyertai program kerjaya. Seterusnya menyelidik dan menjangkakan apakah bidang kerjaya yang memberikan peluang yang tinggi dan sesuai dengan kemampuan serta latar belakang akademik para pelajar. Ia juga merupakan satu peluang untuk pelajar mengkaji pasaran kerjaya yang ditawarkan dan mengetahui bidang-bidang yang mendapat permintaan yang tinggi seperti bidang teknologi, perubatan dan sebagainya. Oleh itu, pendedahan ini mustahak agar pelajar dapat melakukan persediaan yang kukuh sebelum melangkah masuk ke alam pekerjaan. Mereka juga mendapat gambaran yang jelas tentang realiti pekerjaan hari ini dan tidak menjadi seperti katak di bawah tempurung.

Isi 2

Pada masa yang sama, pameran kerjaya juga memberikan kebaikan kepada para pelajar kerana dapat berhubung dengan bakal majikan. Selalunya syarikat atau majikan akan menghantar wakil pekerja mereka untuk menyampaikan maklumat dan berkongsi kelebihan bekerja dengan syarikat masing-masing. Dengan pendekatan ini, pelajar boleh bertanya secara terus akan kemusykilan yang berlegar di fikiran mereka terhadap bidang atau peluang kerjaya yang ditawarkan. Selain itu, terdapat syarikat-syarikat yang menawarkan biasiswa kepada pelajar sebagai salah satu cara merekrut pekerja yang cemerlang dan mempunyai potensi yang besar untuk syarikat mereka, bak kata bidalan sambil menyelam minum air. Sebagai contoh, biasiswa daripada Yayasan Khazanah yang ditubuhkan oleh Khazanah Nasional Berhad di mana pelajar berpeluang untuk menempatkan diri sejeurus tamat pengajian di syarikat-syarikat berkaitan kerajaan. Justeru, pameran kerjaya ini bukan sahaja menawarkan peluang pekerjaan tetapi ia juga membantu pelajar yang berkecukupan dan berpotensi untuk memohon tajaan biasiswa yang membantu mengurangkan beban kewangan diri dan juga keluarga pelajar.

Isi 3

Di samping itu, pameran kerjaya menawarkan pelbagai kebaikan kepada pelajar kerana ia adalah medan di mana pelajar boleh menguji kemahiran komunikasi mereka. Situasi ini boleh ditaksirkan apabila terdapat majikan yang akan menjalankan temu duga terbuka secara langsung di pameran kerjaya tersebut. Maka, pelajar boleh melihat, menilai atau menguji kemampuan diri apabila ditemu duga untuk mendapatkan pekerjaan. Peningkatan jumlah manusia dari hari ke hari telah menimbulkan sentimen kompetitif dalam kebanyakan perkara yang perlu dilalui oleh masyarakat hari ini. Generasi muda terutamanya perlu bersaing dengan calon-calon lain yang mempunyai latar belakang akademik yang sama tetapi peluang pekerjaan yang ditawarkan adalah terhad. Maka untuk menonjolkan diri, setiap individu memerlukan kemahiran komunikasi yang baik di samping ketrampilan diri yang meyakinkan dan menarik. Pelajar perlu memberanikan diri untuk mencuba supaya kelak sudah terbiasa untuk menjawab dengan yakin, memberikan huraian kemahiran dengan tepat dan bertanyakan soalan yang bernas kepada bakal majikan anda. Persis kata peribahasa, kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya.

Isi 4

Seterusnya, pameran kerjaya memberikan kebaikan yang berganda kepada pelajar kerana ia menawarkan bengkel atau seminar kerjaya secara percuma. Aktiviti seperti bengkel kerjaya adalah merupakan tarikan utama pengunjung yang hadir ke pameran kerjaya. Hal ini demikian kerana pihak penganjur akan menjemput panel-panel yang berkelayakan seperti wakil syarikat dan mereka yang bekerja dalam bidang sumber manusia untuk memberikan ceramah dan tips untuk mendapatkan pekerjaan. Sesi ini dapat memberikan informasi yang berguna kepada pelajar dalam memburu pekerjaan mereka serta berinteraksi dengan pakar tentang masalah yang dihadapi dan cara-cara untuk menyelesaikan masalah tersebut. Aktiviti ini juga memberikan peluang kepada pelajar untuk mendengar dan melihat potensi bidang-bidang lain sekiranya terdapat panel yang membincangkan peluang pekerjaan dalam industri-industri tertentu. Intihanya, pelajar akan mendapat tauladan yang baik bagi diri mereka supaya mereka dapat mempraktikkan tips atau kemahiran terbaik apabila mereka keluar untuk mencari pekerjaan di masa akan datang.

Penutup

Kesimpulannya, pameran kerjaya dapat memberikan pelbagai kebaikan kepada pelajar yang akan menamatkan alam persekolahan dan mula menceburi alam pekerjaan. Pendedahan yang penting ini dapat membantu mereka dalam merancang dan bersedia dengan baik untuk memasuki fasa kehidupan yang lebih mencabar. Semua pihak yang berkenaan perlu berganding bahu ibarat ke bukit sama-sama didaki, ke lurah sama-sama dituruni untuk memantapkan pengisian pameran kerjaya supaya generasi muda hari ini dapat memperoleh manfaat yang maksimum. Keberkesanan program pendidikan kerjaya akan memberi kesan yang positif dalam diri pelajar. Impak yang positif ternyata akan membantu pelajar tersebut untuk membuat pilihan kerjaya dan seterusnya akan memberi kepuasan kepada mereka apabila memasuki alam kerjaya. Semoga generasi hari ini sedar bahawa kebolehan dan kemampuan mereka menjadi garis penentu kejayaan dan kegemilangan negara untuk duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan negara lain.

**NASKHAH
CALON**

BILANGAN 6
BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN
[30 MARKAH]

Kerjaya merupakan sesuatu yang sangat penting dalam kehidupan manusia. Pemilihan kerjaya yang tepat akan mempengaruhi corak kehidupan seseorang itu. Oleh hal yang demikian, terdapat beberapa faktor pemilihan kerjaya kerana memilih kerjaya bukanlah sesuatu yang boleh dipandang remeh.

Bincangkan.

FAKTOR PEMILIHAN KERJAYA

Era pascaperindustrian dan pascaglobalisasi yang serba mencabar akal dan minda kita telah menyumbang kepada perkembangan ekonomi pesat yang menjana pelbagai sektor pekerjaan di Malaysia. Dalam sistem pendidikan di Malaysia, kita menghabiskan masa selama enam tahun di sekolah rendah dan lima tahun di sekolah menengah. Selama sebelas tahun ini, pelajar sentiasa disoal oleh guru-guru, “apakah kerjaya yang anda inginkan?” Semasa dalam tingkatan empat, pelajar perlu memilih gabungan mata pelajaran yang sesuai berdasarkan minat mereka untuk mengejar kerjaya impian. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, kerjaya merujuk kepada profesion atau pekerjaan yang dipilih sebagai cara mencari nafkah

hidup. Kerjaya merupakan panduan dalam kehidupan kita. Pada masa ini, pelajar sepatutnya telah menetapkan matlamat tentang kursus dan kerjaya yang diingini mereka supaya mereka ada hala tuju dalam hidup tidaklah seperti layang- layang yang terputus tali dan tidak menyesal dengan keputusan yang diambil dikemudian hari. Antara kerjaya yang menjadi pilihan ialah doktor, juruterbang, jurutera, ahli kimia dan sebagainya. Persoalannya, apakah faktor-faktor yang mempengaruhi dalam pemilihan sesuatu bidang kerjaya dalam kalangan pelajar SPM?

Fokus perbincangan pertama saya berkaitan faktor minat dan cita-cita pelajar semasa di bangku sekolah terutama dalam kalangan pelajar SPM. Minat dan cita-cita merupakan dua perkara saling berkait dan merupakan faktor paling dominan mempengaruhi pemilihan kerjaya seseorang pelajar terutama pelajar yang bakal menghadapi Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Oleh sebab itu, ketika mereka berada di tingkatan empat, pelajar perlu menentukan aliran yang mereka pilih, sama ada aliran sains atau sastera. Bertitik tolak daripada itu, pelajar akan belajar dengan tekun untuk meraih kejayaan cemerlang ke semua pakej mata pelajaran yang ditawarkan dalam jurusan yang diambil. Hal ini kerana kecemerlangan mereka tersebut membolehkan mereka meneruskan pengajian di menara gading untuk menggapai cita-cita mereka. Di Menara gading jugalah tepat mereka menimba ilmu berdasarkan kerjaya yang mereka cita-citakan, sama ada untuk menjadi golongan pekerja profesional seperti doktor, peguam, pendidik, pentadbir dan sebagainya. Jikalau pelajar berusaha sudah pasti mereka akan menggapai kerjaya yang mereka impikan kerana di mana ada kemahuan, di situ ada jalan. Tegasnya, faktor minat dan cita-cita merupakan dua aspek penentu utama kejayaan pelajar untuk merealisasikan kerjaya mereka cita-citakan.

Selain faktor minat dan cita-cita, pelajar juga perlu memilih mata pelajaran yang ada kaitan dengan kerjaya yang mereka pilih. Umumnya kita mengetahui bahawa semasa di alam persekolahan lagi pelajar harus memilih subjek yang berkaitan dengan kerjaya yang akan diceburi oleh mereka. Hal ini secara tidak langsung akan menyebabkan mereka lebih mahir dalam menguruskan kerjaya yang akan diceburi kerana sudah mengetahui dan membuat persediaan yang rapi umpama sediakan payung sebelum hujan. Dengan perkataan yang lain, pelajar seharusnya mengambil subjek yang berkaitan dengan cita-cita masing-masing semasa mengambil Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia. Pada zaman yang serba canggih ini, bukan sahaja kemahiran yang dilihat oleh majikan tetapi keputusan yang cemerlang dalam subjek yang dipilih itu bersesuaian dengan kerjaya turut diberi keutamaan kerana hanya jauhari sahaja yang mengenali manikam. Contohnya, jika pelajar memilih kerjaya sebagai seorang jurutera, subjek yang mereka mesti pilih ialah Lukisan kejuruteraan. Jikalau pelajar berjaya menguasai mata pelajaran berkenaan sudah pasti mereka ada kelebihan untuk menggapai kerjaya yang diidam-idamkan. Sekiranya, pelajar dapat menentukan minat mereka daripada awal, sudah pasti minat berkenaan akan dapat membantu pelajar untuk menumpukan perhatian kepada mata pelajaran di sekolah dan memilih jurusan yang perlu diambil dan diberi perhatian sebagai persediaan untuk ke Menara gading. Kesimpulannya, sudah terang lagi bersuluh, pemilihan mata pelajaran juga penting untuk menentukan kejayaan pelajar merealisasikan kerjaya yang mereka minati.

Bahkan juga, pelajar yang mengidamkan kerjaya yang diminati perlu mempunyai tokoh atau idola sebagai motivasi untuk berjaya. Kebiasaannya, idola yang dipilih perlulah seorang yang unik, seorang yang tabah, dan berjaya dalam bidang kerjayanya. Sebagai contoh Hijjaz Kasturi, seorang arkitek luar biasa negara, mendapat pendidikan di Adelaide University dan seterusnya ke Melbourne University, Australia. Sekembalinya ke Malaysia tahun 1967, beliau telah memiliki kemahiran tersendiri dan menerajui bidang arkitek negara. Beliau telah memenangi pertandingan rekebentuk menara Maybank, bangunan Tabung Haji dan menara Telekom. Setiap rekabentuk bangunannya menerapkan ciri-ciri ke-Islaman hingga ke hari ini sehingga namanya tersohor di Persada dunia. Sekiranya pelajar mempunyai idola sendiri, sudah pasti kerjaya pilihan mereka sebagai seorang arkitek akan dapat direalisasikan kerana setiap sejarah kejayaan serta teladan seperti ketekunan, kegigihan dan kekreatifan idola mereka memotivasikan mereka untuk berjaya bukan sahaja di Malaysia malah keseluruh dunia. Jika seorang pelajar mampu memilih ikon atau idola mereka, sudah pasti tindakan yang diambil oleh pelajar berkenaan akan dapat memotivasikan mereka berjaya dalam pendidikan dan kerjaya mereka. Tegasnya, seseorang pelajar yang ingin berjaya menggapai kerjaya idamannya memerlukan idola agar dapat mempengaruhi minda dan semangat mereka untuk berjaya.

Selain itu, sokongan dan doa ibu bapa amat perlu untuk memastikan kerjaya idaman remaja dapat direalisasikan. Ironisnya, jika minat seseorang itu tidak mendapat sokongan daripada kedua-dua ibu bapa, sudah tentulah punah harapan mereka. Hal ini bermakna, seseorang yang hanya mempunyai minat tetapi tidak mendapat restu daripada kedua-dua ibu bapa mereka tentang pemilihan kerjayanya, sudah pasti mereka akan kecundang di peringkat awal lagi. Oleh hal yang demikian, ibu bapa sewajarnya menyokong minat anak-anak walaupun pemilihan kerjaya mereka bertentangan dengan harapan kedua-dua ibu bapa. Bagi menyokong pemilihan kerjaya anak-anak mereka, ibu bapa boleh memperluaskan segala keperluan anak-anak dalam memenuhi kriteria yang diperlukan. Sebagai buktinya, ibu bapa bolehlah memberikan dorongan, semangat dan motivasi kepada anak-anak sama ada dalam bentuk material mahupun spiritual. Sekiranya, ibu bapa tidak turut serta membantu usaha anak mereka untuk menggapai kerjaya idaman mereka sudah pasti usaha berkenaan tidak akan kesampaian. Izharlah bahawa ibu bapa juga berperanan menyokong minat anak-anak mereka dalam merealisasikan kerjaya masa depan anak-anak mereka.

Perbincangan saya telah meniti ke puncaknya, maka sebagai akhirulkalam, minat menjadi prioriti utama dalam pemilihan sesuatu kerjaya. Dalam konteks ini, ibu bapa memainkan peranan penting dalam pemilihan kerjaya anak-anak mereka. Hal ini demikian kerana anak-anak mereka memerlukan sokongan dan dorongan daripada mereka sama ada dari aspek mental, spiritual mahupun fizikal. Contoh ketara dari aspek sokongan mental dan spiritual ialah ibu bapa perlu memberikan motivasi kepada anak-anak, manakala sokongan dari aspek fizikal pula ialah mereka perlu menyediakan kelengkapan belajar anak-anak seperti buku rujukan dan menghantar mereka ke pusat tuisyen. Sekiranya hal ini dapat dilaksanakan maka tidak ada lagi orang yang akan sesat di perjalanan untuk memilih kerjaya kerana mereka menetapkan sasaran dari awal lagi. Walaupun demikian, jika seseorang mempunyai minat dan hala tuju yang jelas, tetapi mereka bersikap genggam-genggam bara, terasa panas

dilepaskan dan tidak ada semangat kegigihan, ketabahan, keiltizaman dan kecekalan, sudah pasti segala hasrat termasuk kerjaya yang menjadi idaman akan hancur lebur umpama kubur tanpa nisan. Tuntasnya, perkara-perkara yang dinyatakan di atas hendaklah dilaksanakan secara efektif dan janganlah bersikap keras-keras kerak nasi yang mudah putus asa supaya pemilihan bidang kerjaya impian akan menjadi lebih jelas lagi.

**NASKHAH
CALON**

BILANGAN 32
BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN
[30 MARKAH]

Belia merupakan tulang belakang kepada keutuhan sesuatu bangsa dan negara. Cabaran pada masa hadapan yang akan ditempuh oleh para belia adalah lebih hebat yang memerlukan persiapan atau persediaan diri yang hebat. Oleh itu, usaha-usaha hendaklah terus ditumpukan kepada peningkatan keupayaan dan kecekapan mereka.

Ulaskan pernyataan tersebut.

USAHA USAHA KEPADA PENINGKATAN KEUPAYAAN DAN KECEKAPAN BELIA

ering diungkapkan bahawa golongan belia adalah sebagai penentu masa depan sesuatu masyarakat dan negara.

Pentingnya belia bukan sahaja terletak kepada bilangan mereka yang ramai dan sebagai tenaga utama di dalam masyarakat, tetapi juga dari segi peranan sebagai penyambung antara satu generasi dengan satu generasi.

Malaysia, sebagai sebuah negara berbilang kaum yang pesat membangun dan sedang menghadapi cabaran ke arah pembinaan satu bangsa Malaysia yang bersatu-padu, sangat bergantung kepada golongan belia yang aktif, berdisiplin dan progresif.

Belia merupakan golongan yang paling aktif dalam masyarakat dan bilangan mereka adalah hampir separuh daripada jumlah penduduk negara kita.

Sejak kemerdekaan, belia negara kita telah turut sama berperanan dan menyumbang kepada proses pembinaan dan pembangunan negara. Sumbangan ini meliputi segala aspek baik dari segi politik, ekonomi, sosial, budaya atau pendidikan.

Belia merupakan asas sebenar atau tulang belakang kepada keutuhan dan kekuatan sesuatu bangsa dan negara. Oleh itu usaha-usaha hendaklah terus ditumpukan kepada peningkatan keupayaan dan kecekapan mereka. Ini amat perlu memandangkan cabaran masa hadapan yang akan ditempuh oleh para belia adalah lebih hebat dan canggih yang memerlukan satu persiapan atau persediaan diri yang hebat.

Negara kita sudah pasti akan terdedah kepada pelbagai pengaruh dan tekanan dari dalam dan luar yang boleh menentukan maju mundurnya proses pembangunan dan kemajuan negara.

Tanpa ilmu pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan adalah agak sukar bagi belia untuk mengharungi kesulitan kehidupan masa depan apatah lagi hendak memajukan negara. Ini boleh menjejaskan kesinambungan usaha-usaha pembangunan yang hendak dicapai selaras dengan matlamat menjadikan Malaysia sebuah negara maju di dalam era Revolusi 4.0 ini.

Sebagai langkah pertama ke arah persediaan itu, sikap lama para belia harus ditukar atau disesuaikan mengikut keperluan zaman. Mereka tidak boleh lagi bergantung semata-mata kepada orang lain seperti Kerajaan untuk mendapatkan sesuatu.

Para belia harus mempunyai sikap berdikari dalam segala usaha mereka. Mereka harus mempunyai matlamat hidup yang jelas, cita-cita tinggi untuk maju, disiplin diri dan berani menghadapi perubahan ke arah kebaikan.

Pendek kata sikap-sikap yang negatif seperti takut menghadapi risiko, tidak toleran, kekurangan minat terhadap sesuatu yang boleh mendatangkan faedah, tidak suka bekerjasama dan mementingkan diri sendiri hendaklah dikikis dan dibuangkan.

Langkah kedua ialah meningkatkan ilmu pengetahuan para belia. Di era letupan informasi sekarang ini para belia tidak dapat tidak harus mengikuti pelbagai perkembangan maklumat dan ilmu yang berlaku dalam kehidupan seharian mereka.

Kemajuan pesat yang berlaku dalam berbagai-bagai bidang seperti industri pembuatan, penyelidikan dan pembangunan, pendidikan moden, komputer, komunikasi, pengangkutan, seni bina dan sains dan teknologi, tidaklah boleh dipandang sepi oleh para belia. Ilmu-ilmu dalam pelbagai bidang ini harus dicari dan dipelajari oleh belia- belia negara.

Golongan belia harus sedar tanpa ilmu yang tinggi mereka tidak akan dapat ke mana atau membawa negara ke mercu kejayaan pada masa depan.

Para belia juga perlu menambahkan kemahiran mereka. Kemahiran atau kepakaran ini mesti dimiliki oleh golongan belia di segenap lapangan usaha dan kegiatan. Tanpa kemahiran ini belia-belie kita tidak akan dapat menjalankan atau mengendalikan apa-apa tugas yang memerlukan kecekapan, kepandaian dan kepakaran mereka.

Kesemua langkah-langkah ini boleh dicapai melalui teknik-teknik atau cara-cara latihan dan pembelajaran seperti latihan sambil bekerja, lawatan sambil belajar, kursus dan bengkel, ceramah, seminar, 'apprenticeship' dan sebagainya. Inilah peranan yang harus dan boleh dimainkan oleh persatuan-persatuan belia dalam melengkapkan anggota- anggota mereka untuk menjadi penggerak negara.

Negara kita yang menghadapi berbagai-bagai cabaran memerlukan kaum belia yang penuh disiplin kerana dengan belia yang berdisiplinlah akan lahir masyarakat dan bangsa yang berdisiplin.

Kita perlukan masyarakat yang berdisiplin bukan kerana kita mahu bermegah- megah dengan disiplin atau kita mahu hapuskan daya pemikiran yang tersendiri tetapi kerana disiplin boleh membawa kebaikan, ketenteraman dan kemakmuran kepada negara.

Tanpa disiplin huru-hara akan berlaku dan tidak ada negara yang boleh maju dan berjaya jika huru-hara melandanya sepanjang masa.

Tanpa masyarakat yang berdisiplin, atau yang menghormati disiplin, pemerintahan yang berkesan dan berfaedah tidak akan wujud. Tidak ada pemerintahan yang boleh mengurangkan jenayah, rusuhan, kerosakan akhlak dan lain-lain melainkan masyarakat sendiri menyertai dan merestui tindakan pemerintah.

Rakyat yang tidak berdisiplin sudah tentu tidak akan menyertai dan mengizinkan tindakan pemerintah. Akan menjadi sia-sia sahajalah perbelanjaan dan tindakan mengadakan pemerintahan jika pemerintahan tidak berkesan. Nyatalah bahawa disiplin adalah penting bagi masyarakat dan negara.

Oleh kerana belia juga adalah anggota masyarakat maka disiplin belia sebenarnya adalah untuk kebaikan dan kejayaan diri sendiri.

Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Tun Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia kita telah menekankan soal daya pengeluaran atau "productivity". Daya pengeluaran bermakna keupayaan membuat apa juga dengan cekap, cepat, baik dan murah. Tidak syak lagi keupayaan ini akan dapat menjadikan masyarakat dan negara kita lebih maju dan sejahtera.

Disiplin mempunyai kaitan yang amat rapat dengan daya pengeluaran. Lebih tertib dan teratur cara-cara bekerja lebih baik dan bertambahlah hasil kerja.

Oleh itu sekali lagi kita dapat melihat pentingnya disiplin dan perlunya ia diamalkan oleh belia kita. Mungkin ada kumpulan yang akan berkata bahawa jika kita berdisiplin, kita akan menjadi pesaing dengan kepakaran asing. Mereka mahu kita kekal sebagai hamba mereka.

Dan sesiapa di antara kita yang menyambut seruan supaya kita tidak berdisiplin dan sebaliknya mengikut dakyah orang asing ini adalah alat penjajah fikiran atau "the tools of the thought imperialist" yang menyusul "territorial imperialist" yang kita tentang dan singkir dahulu.

Negara Malaysia sekarang pesat membangun. Pembangunan juga bukan untuk bermegah-megah. Tujuan pembangunan kita ialah untuk kebaikan dan untuk memelihara maruah dan keselamatan kita. Selagi kita tidak mempunyai kebolehan dan kemampuan membangun negara sendiri, selama itulah kita akan ditindas dan dihina secara langsung atau tidak langsung.

Untuk pembangunan kita memerlukan tenaga, terutamanya tenaga belia. Kecekapan dan kemahiran boleh kita perolehi melalui latihan dan pengalaman. Kerajaan telah banyak mengadakan segala kemudahan latihan sesuai dengan kelayakan dan keperluan masing-masing. Tetapi yang penting sekali ialah kesanggupan belia memikul tanggungjawab dengan bekerja keras bagi mempertahankan maruah negara.

Kita dapati sekarang terlalu ramai belia yang terlalu memilih kerja. Sebenarnya jika terdapat sikap sanggup bekerja tidak ada seorang pun yang akan menganggur di Malaysia. Tetapi kerana terlalu memilih, baik dari segi jenis kerja ataupun tempat kerja, pengangguran sentiasa mengiringi kita. Keadaan seperti ini hanya mengakibatkan pembangunan Malaysia tergendala dan maruah kita terancam.

Belia hendaklah menganuti falsafah hidup yang tidak mengutamakan kepentingan diri semata-mata. Kepentingan negara hendaklah diambil kira bersama. Kepentingan negara akhirnya akan membawa kebaikan yang lebih kekal kepada diri sendiri.

Mereka yang mengutamakan kepentingan diri akan merasai nikmat cuma sedikit dan sekejap sahaja. Sebaliknya jika negara sudah maju nikmat yang lebih akan dirasai dengan cara yang lebih kekal. Oleh itu sambutlah panggilan negara dan bersama-sama berusaha bagi membina bangsa dan negara yang dihormati oleh dunia. Ingatlah bahawa yang akan mewarisi negara yang bermaruah ini ialah belia sendiri.

Suatu gejala yang tidak sihat yang kini melanda para belia negara kita ialah sikap suka mengagung-agungkan budaya dan nilai hidup secara barat. Sebagai negara yang pesat membangun, kita banyak mempelajari dan menyerapkan nilai-nilai barat yang positif ke dalam kehidupan kita. Tetapi malangnya ramai belia negara kita sekarang suka menerima apa sahaja dari barat, tanpa mengira sama ada nilai-nilai itu baik ataupun boleh memberi kesan buruk kepada kita. Perkara-perkara seperti budaya hendonisme, punk, skinhead, penagihan dadah, seks bebas dan kegiatan tidak bermoral telah meningkat dan menjadi

amalan sesetengah belia kita. Belia-belie seperti ini tidak akan menolong menjayakan generasi baru yang bakal memimpin negara. Nilai-nilai hidup belia yang kurang sihat ini hendaklah dibanteras supaya ia tidak akan menggugat keutuhan warisan budaya kita. Persatuan-persatuan belia yang ada perlu membantu kerajaan melahirkan satu masyarakat yang bermoral, beretika dan bebas daripada sebarang pengaruh seperti kehidupan yang terlalu bebas sehingga apa sahaja sanggup dibuat tanpa mengambilkira kesan baik atau buruk.

Sejak dulu lagi kerajaan sentiasa memberi galakan kepada belia-belie untuk bergerak cergas dalam persatuan-persatuan belia. Sambutan Hari Belia Negara di harapkan sebagai platform ini kesedaran belia negara dapat ditingkatkan supaya lebih aktif dalam aktiviti-aktiviti belia pelbagai peringkat dan yang melibatkan belia pelbagai kaum.

Interaksi antara belia berbilang kaum adalah sangat penting dalam usaha kita melahirkan sebuah bangsa Malaysia yang bersatu padu. Ke arah pencapaian matlamat ini adalah lebih baik sekiranya kita dapat memperbanyakkan persatuan-persatuan belia yang melibatkan pelbagai agama dan kaum. Budaya kaum termasuk bahasa tidak akan hilang hanya kerana kita merapatkan hubungan antara kaum. Ada kebimbangan jika semasa muda belia diasingkan kerana kaum maka sudah tentu perpaduan kaum bagi orang dewasa tidak akan tercapai. Matlamat berpersatuan ialah untuk melahirkan satu negara bangsa Malaysia yang bersatu padu. Inilah peranan yang harus dimainkan oleh para pemimpin belia tidak kira pemimpin dari persatuan politik, sosial, budaya dan ekonomi.

Kita harus sentiasa sedar dan menginsafi bahawa matlamat akhir negara ialah untuk mencapai kestabilan politik, perpaduan kaum dan keamanan hidup rakyat yang berkekalan. Ini adalah asas yang paling penting yang diperlukan untuk membawa negara memasuki era pembangunan yang maju dalam tempoh mendatang. Kita mahu menjelang tempoh itu masyarakat dan negara kita akan menjadi lebih maju, matang, progresif, berteknologi tinggi dan saintifik serta dihormati dan disanjung oleh negara-negara lain.

**NASKHAH
CALON**

BILANGAN 28
BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN
[30 MARKAH]

Bagi melahirkan usahawan yang cekap, kompeten dan mempunyai komitmen yang tinggi dalam menguruskan perniagaan, pihak MADA telah melaksanakan aktiviti-aktiviti seperti pembangunan modal insan, peningkatan kapasiti pengeluaran dan pemodenan infrastruktur, persijilan dan akreditasi, penyelidikan dan pembangunan produk serta promosi dan pemasaran.

Berikan ulasan anda.

dan menjadi bakal peneraju negara kita.

MELAHIRKAN USAHAWAN

LEMBAGA Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) mengenalpasti tujuh aktiviti niaga tani yang diharap dapat melatih siswazah menganggur menjadi usahawan industri pertanian yang berjaya.

Aktiviti berkenaan yang diletakkan di bawah Program Pembangunan Usahawan Siswazah (PPUS) dilancarkan oleh Pengerusi FAMA, Datuk Badaruddin Amiruldin baru-baru ini.

Timbalan Ketua Pengarah FAMA, Sahbani Saimin berkata, bagi pembangunan, aktiviti ini melibatkan peserta pasar tani, vendor buah-buahan segar, pembekal hasil ladang segar, pengedar barangan makanan yang telah diproses, pembekal hasil ternakan, penyedia khidmat menulis laporan, menterjemah dan menyunting dan sebagai promoter jualan bagi produk yang berasaskan kepada pertanian.

"PPUS, yang terbuka kepada semua warga Malaysia dari institusi pengajian tempatan dan asing, disedia untuk menawarkan kepada siswazah menganggur peluang untuk mengambil bahagian dalam aktiviti niaga tani terpilih dalam usaha mengurangkan pengangguran dan membangunkan kemahiran keusahawanan", kata Sahbani dalam satu temubual eksklusif bersama Bernama baru-baru ini.

"Menawarkan peluang kepada usahawan pertanian untuk memasar dan mempromosi produk mereka secara langsung kepada pengguna sentiasa merupakan keutamaan FAMA", jelas Sahbani.

"Kami menjalankan kursus serta program untuk sesiapa sahaja yang mahu menceburi niaga tani. Lagipun, kini terdapat 1,270 peniaga tani siswazah yang berniaga di pasarpasar tani seluruh negara. Tetapi kali ini, FAMA mengambil usaha komprehensif yang disasarkan khusus kepada siswazah menganggur", tambah Sahbani.

Pendapatan lumayan Pasar-pasar tani menawarkan persekitaran niaga yang unik serta menarik.

Dikendalikan di kawasan terbuka, ia menawarkan wadah yang mudah bagi pengeluar dan pengguna dan popular di kawasan bandar di mana kuasa membeli lazimnya lebih tinggi.

Terdapat 298 tapak mingguan bagi pasar tani di seluruh negara, dengan 80 lagi pasar tani baru dijangka dibuka pada 2009.

Perniagaan pasar tani mencatatkan pulangan berjumlah RM285.75 juta bagi 12,637 peserta dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun ini.

Mengenai perolehan bulanan setiap usahawan itu, 3,791 mencatatkan pendapatan bulanan antara RM1,500 dan RM3,000 sementara 7,582 lagi termasuk usahawan siswazah berpendapatan antara RM3,000 dan RM5,000 sebulan.

Bagi mereka yang lebih inovatif, menjalankan perniagaan di pasar tani boleh membawa pulangan lumayan seperti yang dibuktikan oleh 1,264 peserta yang berpendapatan lebih daripada RM5,000 sebulan.

"Pertanian merupakan perniagaan, jadi tiada had sejauh mana seseorang itu boleh maju. Kami berharap dengan sikap yang membina serta komitmen baik selain bantuan dan pendedahan kepada pasaran, sebahagian daripada usahawan tani siswazah ini akan menempuh kejayaan dan akhirnya muncul sebagai pengeksport produk berasaskan pertanian", kata Shahbani. Produk, khidmat dan lokasi Di bawah PPU, FAMA yang menentukan apa, dalam bentuk apa dan di mana produk boleh dijual.

Para peserta pasar tani mempunyai pilihan 21 produk untuk dijual di 55 lokasi terpilih di seluruh negara, sementara vendor buah-buahan segar mempunyai 15 jenis buah-buahan tempatan untuk dipilih dan dijual di 11 lokasi pasaran di Semenanjung.

Mereka yang berminat membekalkan hasil ladang yang segar, pusat-pusat perolehan FAMA di 10 lokasi di beberapa negeri di Semenanjung akan menerima 14 jenis sayur-sayuran segar serta komoditi ladang yang lain, yang telah ditimbang, digred dan dibungkus mengikut spesifikasi.

Para pengedar produk makanan yang telah diproses boleh mengedarkan produk berasaskan pertanian di bawah jenama FAMA Agromas dan Olemas di Kshops, Agrobazaars, pasar tani, pasar malam dan pasar harian.

Pusat-pusat perolehan FAMA itu juga akan menerima daging yang telah digred seperti daging ayam, lembu dan puyuh selain telur dan hasil akuakultur seperti ikan keli, tilapia dan patin dalam kuantiti tertentu setiap bulan.

Siswazah yang tidak berminat untuk berniaga masih berpeluang menyertai PPUS dengan menawarkan diri bagi kerja menulis dan menterjemah pelbagai laporan mengenai pengeluaran dan penggunaan, prestasi pasaran dan indeks harga, termasuk menulis rencana adhoc yang disumber luar oleh FAMA. Selain itu, mereka boleh bertindak sebagai promoter jualan bagi produk asas tani pada pameran perdagangan dan konvensyen yang berlangsung hingga dua minggu dan boleh menerima bayaran RM50 sehari.

Latihan

Latihan merupakan elemen penting dalam pembangunan keusahawanan. Ke arah ini, FAMA akan menjalankan pelbagai kursus induksi pada Disember ini untuk memberi taklimat kepada pemohon mengenai garis panduan dan prosedur program ini.

Ini akan disusuli oleh program latihan yang komprehensif dalam bidang niaga tani yang menjadi pilihan mereka.

"Kami akan menampilkan usahawan tani yang berjaya untuk menceritakan pengalaman mereka dan membawa pelatih melawat perusahaan niaga tani yang telah berjaya", jelas Shahbani.

"Kemudian, bagi satu bayaran nominal, FAMA akan membantu mereka mendapatkan segala yang diperlukan, daripada khidmat nasihat percuma hinggalah untuk memulakan perniagaan", kata Shahbani.

"Apa yang kami minta ialah perhatian dan komitmen mereka yang tidak berbelah bahagi untuk menjayakan program itu", tambah Shahbani.

FAMA telah melakukan segala yang boleh bagi membantu siswazah yang menganggur dan selebihnya mereka perlu tampil dan merebut peluang ini.

Bagaimanapun, mereka nampaknya tidak begitu berminat. Sehingga hari ini, hanya 21 siswazah telah mengemukakan permohonan mereka untuk menyertai program ini.

"Mungkin kebanyakan daripada siswazah masih memilih pendapatan bulanan yang tetap dan kerja di pejabat", ulas Shahbani.

"Bagaimanapun, FAMA akan melatih mereka yang telah memohon supaya dapat membuka mata rakan-rakan mereka apabila perniagaan mereka berjaya", tambah Shahbani.

Nampaknya masih ramai siswazah masih mahu mengelakkan kerja-kerja yang mengotorkan tangan dengan ramai yang tidak mahu bekerja dalam bidang yang tidak disukai mereka.

Bagaimanapun, sekarang ini ijazah tidak lagi menjanjikan pekerjaan. Para siswazah perlu menerima realiti bahawa peluang pekerjaan bagi mereka tidak lagi terjamin selepas menamatkan pengajian.

Sekarang, mereka perlu keluar mewujudkan peluang pekerjaan mereka sendiri.

**NASKHAH
CALON**

BILANGAN 22
BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN
[30 MARKAH]

Perniagaan atas talian semakin popular dan mendapat sambutan yang hangat daripada masyarakat dalam era globalisasi ini. Kerajaan turut menyuntik banyak dana dan peruntukan untuk menggalakkan perkembangan perniagaan atas talian. Antara perniagaan atas talian yang terkenal dalam kalangan pengguna di Malaysia ialah Lazada, Shopee dan banyak lagi menggunakan perniagaan atas talian.

Bincangkan kelebihan perniagaan atas talian.

KELEBIHAN PERNIAGAAN ATAS TALIAN

Sebagai pelajar berminda kelas pertama, saya akan membicarakan kelebihan aplikasi perniagaan atas talian menggunakan minda pelajar kelas pertama dengan kata kunci mauduk, aplikasi perniagaan di Internet menjimatkan masa dan kos. Sebagaimana kita sedia maklum, penggunaan e-dagang berpaksikan penggunaan aplikasi dan gajet berasaskan Internet sama ada dengan menggunakan komputer riba dan terkini dengan menggunakan telefon pintar. Seyogianya, gajet teknologi maklumat dan komunikasi atau dalam bahasa Inggerisnya disebut “information and communication technology” atau akronimnya ICT merupakan perniagaan yang tidak memerlukan ruang atau tempat contohnya seperti kebiasaan perniagaan lain yang memerlukan kedai atau pasar raya untuk menjalankan proses jual beli. Sebagai contoh premis perniagaan yang menawarkan jual beli atas talian seperti Lazada, Shoppe, mudah.my, Lazada.com.my dan sebagainya. Proses jual beli menggunakan e-dagang boleh berlaku di skrin komputer atau telefon bimbit sahaja. dan jual beli boleh berlaku apabila pengguna menekan papan kekunci komputer riba atau telefon pintar, justeru, pembelian secara internet akan menguntungkan kedua belah pihak sama ada pengguna atau peniaga dengan istilah “menang menang”. Bagi pihak peniaga mereka tidak perlu menggunakan kos untuk menyewa tepat perniagaan atau pekerja dan bagi pihak pengguna mereka tidak perlu menghabiskan masa berjam-jam kerana masa itu emas hanya untuk membeli dan membayar barangan keperluan di kedai atau pasar raya. Bahkan juga pengguna tidak perlu membuang duit untuk membayar kos petrol untuk mengerakkan kenderaan malah tidak perlu untuk membayar parkir kereta. Besar kemungkinan mereka hanya perlu membayar kos penghantaran dan adakalanya peniaga akan menyerap kos penghantaran tanpa memerlukan pengguna untuk membayarnya. Sekiranya, pengguna dan peniaga menggunakan e-dagang sebagai aktiviti pembelian atau jualan sudah pasti kos sara hidup yang ditanggung pengguna akan berkurang dan peniaga akan mendapat keuntungan yang lebih baik berbanding menjual barangan secara kebiasaan yang dilakukan oleh peniaga lain. Tegasnya, sudah terang lagi bersuluh aplikasi perniagaan di Internet dapat menjimatkan masa dan kos kepada pengguna dan peniaga.

Seterusnya, saya akan melebarkan lensa perbincangan dengan kata kunci aplikasi perniagaan secara atas talian membolehkan pihak pengguna memilih pelbagai pilihan produk yang ditawarkan oleh pihak peniaga. Sebagaimana kita sedia maklum antara premis maya yang menawarkan pembelian atas talian seperti Zalora, Lazada, Shopee, mudah.my, dan sebagainya. Pelbagai barangan yang ditawarkan oleh setiap premis maya ini dengan cara mengiklankan produk keluaran mereka seperti baju, seluar, beg, tali pinggang, cermin mata, sehinggalah kereta semuanya ada di dalam laman sesawang premis maya mereka, namun begitu elakkan membeli barangan yang membazir kerana peribahasa Melayu ada mengatakan ikut hati mati, ikut rasa binasa. Premis maya memudahkan pelanggannya memilih barang secara alternatif dan pengguna hanya perlu mengklik pada papan kekunci atau menggunakan mengklik tetikus untuk memilih pelbagai barangan ditawarkan di skrin komputer riba atau telefon pintar dan bebas memilih barangan yang berkenan di hati mereka serta sesuai dengan harga barangan yang ditawarkan kerana alah membeli, menang memakai. Namun untuk masuk ke laman sesawang premis maya ini, pengguna boleh menggunakan enjin carian seperti google, Opera Browser, Firefox, Internet Explorer, Dolphin Browser dan sebagainya.

Setiap proses pembelian akan berlaku sekiranya, pengguna bersetuju dengan syarat pembelian dan bayaran boleh dilakukan dengan menggunakan kad debit, kad visa, atau "mastercard" tanpa memerlukan pengguna membayar di premis maya. Pelbagai barangan yang dipilih oleh pengguna pokoknya pengguna perlu bijak berbelanja. Sekiranya pengguna merupakan pengguna yang bijak, mereka akan mendapat pelbagai kemudahan dan kelebihan dengan membeli barangan atas talian. Sebaliknya pengguna yang boros berbelanja mereka akan menerima kesan dengan membeli barangan atas talian secara berlebihan kerana sebelum membeli ukur baju di badan sendiri dan berbelanja berlebihan amalan syaitan. Tegasnya, perniagaan secara atas talian membolehkan pihak pengguna memilih pelbagai pilihan produk yang ditawarkan oleh pihak peniaga.

Berdasarkan akhliah pelajar berminda kelas pertama saya meneruskan perbincangan dengan menggunakan kata kunci mauduk iaitu perniagaan atas talian mampu meluaskan pasaran produk syarikat besar ke pasaran global atau antarabangsa. Hal ini kerana dengan menggunakan e-dagang syarikat besar boleh melebarkan sayap pasaran mereka ke segenap penjuru alam kerana dengan Internet dunia tanpa sempadan. Seyogianya, peniaga yang ingin memacu perniagaan secara global memerlukan mereka menyediakan aset yang cukup dan bukan sekadar indah khabar dari rupa, maksudnya syarikat perniagaan berkenaan perlu menerima hakikat bahawa pasaran sebegini memerlukan mereka bersiap siaga dari segi aset dan kewangan yang melibatkan jutaan ringgit malah mungkin bilion ringgit untuk memberi kepercayaan kepada pengguna sama ada mereka dari kalangan syarikat asing atau pengguna antarabangsa. Sebagai contoh, pengusaha pelancongan yang mengiklankan syarikat mereka bukan saja di e-dagang malah di bloger, facebook, instagram dan pelbagai lagi laman sosial yang lain perlu mempunyai aset seperti kenderaan untuk urusan pergerakan pelancong, hotel atau chalet bertaraf mewah, penyediaan makanan yang sistematik, pemandu pelancong yang profesional yang akan memandu pelancong asing sepanjang keberadaan mereka di Malaysia, malah penguasa pelancongan berkenaan juga perlu mempunyai jaringan dan kolaborasi dengan pengusaha kawasan pelancongan tempatan agar pelancong antarabangsa yang inginkan suasana santai, eksotik, dan yang menepati cita rasa mereka. Pada masa yang sama, kedatangan pelancong asing ini akan meningkatkan perniagaan pengusaha pelancongan yang lain malah akan meningkatkan pendapatan negara apabila berlakunya pengaliran wang asing ke negara kita tercinta.

Sebagai pelajar berminda kelas pertama, saya akan memperluas lensa perbincangan dengan mengemukakan isi keempat dengan kata kunci mauduk iaitu perniagaan atas talian juga memudahkan pelancong asing atau pelancong tempatan memilih hotel yang sama taraf mutu perkhidmatannya tetapi kos yang perlu dikeluarkan lebih murah kerana alah membeli menang memakai. Hal ini dapat kita saksikan dengan kewujudan laman sesawang seperti Trivago, Agoda, TripAdvisor, Expedia, Hotels, Booking, merupakan antara laman sesawang yang banyak membantu pelancong untuk membuat pemilihan hotel yang perlu ditempah secara bijak kerana laman sesawang berkenaan membolehkan pelancong memilih hotel yang menawarkan perkhidmatan terbaik dengan kadar sewa yang murah. Sebagai contoh, dua hotel menawarkan ruang bilik dengan kemudahan dan perkhidmatan tambahan yang sama seperti Hotel Angsana dan Hotel Seri Malaysia di dapati Hotel Angsana mengenakan bayaran RM

500.00 sehari semalam sedangkan Hotel Seri Malaysia menawarkan bayaran yang sama untuk ruang tamu yang sama dan perkhidmatan yang sama, sudah pasti pelancong yang bijak berbelanja akan menempah Hotel Seri Malaysia untuk program pelancongan mereka. Sekiranya pelancong menggunakan laman sesawang yang tertera di atas sebagai wahana penentu hotel yang ingin disewa, sudah pasti kos pelancongan mereka akan menjadi lebih murah kerana hanya mutu yang mengnal manikam. Sebaliknya pelancong yang tidak menggunakan laman sesawang berkenaan untuk menentukan hotel yang mereka pilih, sudah pasti mereka akan membazirkan wang kerana membazir amalan syaitan. Sudah terang lagi bersuluh, perniagaan atas talian juga memudahkan pelancong asing atau pelancong tempatan memilih hotel yang sama taraf mutu perkhidmatannya tetapi kos yang perlu dikeluarkan lebih murah.

Intihanya, perkhidmatan dan juga perkembangan media sosial negara sememangnya sudah berada pada tahap yang semakin maju dari semasa ke semasa. Dengan kemodenan bidang teknologi telekomunikasi pelbagai usaha dalam bidang perniagaan dapat berkembang pesat ditambah pula dengan inisiatif daripada pihak kerajaan untuk memastikan media sosial ini diimplimentasikan sepenuhnya oleh masyarakat di Malaysia untuk memacu negara ke arah negara maju pada tahun 2020 . Pelbagai pelan dan juga pembinaan infrastruktur ICT telah dibangunkan dan akan dibangunkan oleh kerajaan pada masa akan datang dengan inisiatif Jalur Lebar Negara atau "National Broadband Initiative" (NBI) telah dilancarkan oleh Mantan Perdana Menteri Malaysia, YAB Datuk Sri Najib Tun Razak pada 24 Mac 2010. Inisiatif yang didokongi oleh Kerajaan Malaysia menerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM - MCMC) ini merupakan suatu pelan "Strategi bagi Pengimplementasian Jalur Lebar Nasional" . Hal ini sejajar dengan perkembangan pesat sistem media sosial yang telah diterapkan oleh beberapa negara maju dan negara lain yang sedang membangun untuk memacu pertumbuhan ekonomi masing-masing. Pihak kerajaan juga telah menyediakan peruntukan yang besar untuk memastikan segala kelengkapan dan juga keperluan dalam sektor yang berkaitan dengan ICT ini dapat dibangunkan dan dapat memberi manfaat yang berguna kepada masyarakat pengguna media sosial di Malaysia khususnya. Semoga Malaysia mampu bersaing dengan negara luar agar Malaysia mampu duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan negara maju dunia.

**NASKHAH
CALON**

BILANGAN 10
BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN
[30 MARKAH]

Permintaan produk pertanian negara kian meningkat dengan peningkatan populasi rakyat tempatan dan perkembangan pasaran global. Oleh itu, apakah usaha-usaha yang perlu dilakukan untuk menggalakkan golongan generasi muda menceburi bidang pertanian yang menjanjikan pendapatan yang lumayan sebagai kerjaya mereka.

Bincangkan.

USAHA USAHA YANG PERLU DILAKUKAN UTK GALAKKAN GENERASI MUDA MENCEBURI BIDANG PERTANIAN

Dalam meniti arus modenisasi dan globalisasi, semua negara di seluruh dunia sedang rancak menggerakkan usaha pengembangan teknologi dan kemahiran bagi menjayakan Revolusi Perindustrian 4.0. Rentetan daripada itu, sektor pertanian semakin dilupakan dan disisihkan daripada usaha pembangunan negara. Jika kita menelusuri liku-liku sejarah, kita dapat mengetahui bahawa antara masyarakat maritim dengan agraria, masing-masing saling memerlukan. Namun kini, marhaen yang berfikiran jumud menganggap sektor pertanian sebagai solusi pekerjaan bagi mereka yang hidup di kampung dan tidak berpendidikan, Walhal, pembangunan negara tidak boleh dilaksanakan hanya dengan pengembangan sektor perindustrian kerana sektor pertanianlah yang menjadi nadi terpenting dalam membangunkan ekonomi negara. Pihak kerajaan telah meningkatkan kedudukan sektor ini semul dalam pelan pembangunan negara kita iaitu Rancangan Malaysia Kesembilan apabila menyedari bahawa negara terpaksa berbelanja melebihi RM15 bilion setahun untuk mengeksport barangan dan makanan. Oleh itu persoalannya, apakah peranan pihak-pihak dalam mengambil inisiatif untuk menarik minat para siswazah menceburkan diri dalam bidang tersebut?

Salah satu langkah bagi menarik perhatian para siswazah menceburkan diri dalam bidang tersebut ialah ibu bapa perlulah mendedahkan anak-anak dengan bidang pertanian sejak mereka di usia dini lagi kerana melentur buluh biarlah dari rebungunya. Ibu bapa perlulah menunjukkan khudwah hasanah dengan melakukan aktiviti pertanian bersama-sama di halaman rumah masing-masing. Sikap cinta akan pertanian dalam diri anak-anak juga dapat disemai dengan membawa mereka ke Pameran Pertanian, Hortikultur dan Pelancongan Agro Antarabangsa (MAHA) yang diadakan setiap 2 tahun supaya mereka dapat meneroka pelbagai cabang pertanian dengan lebih lanjut. Konsekuensinya, anak-anak akan sedar betapa menariknya bidang pertanian dan mereka akan berazam untuk menceburi bidang ini apabila mereka dewasa kelak. Tegasnya, ibu bapa memainkan peranan yang amat ampuh bagi melahirkan siswazah-siswazah yang meneruskan legasi bidang pertanian di negara kita.

Dalam nada yang lain, pihak bank pertanian perlulah memberi pinjaman dan modal kepada para siswazah yang baru memulakan projek pertanian mereka. Siswazah-siswazah pada umumnya tidak mempunyai simpanan wang yang banyak kerana tidak mempunyai sumber pendapatan yang tetap yang menjadi batu penghalang bagi mereka memulakan usaha pertanian. Skim pinjaman berkadar faedah rendah perlulah ditawarkan kepada para siswazah. Tamsilnya, bank Agrobank telah menawarkan Modal Usahawan 1 Malaysia kepada para petani baru untuk mengusahakan industri kecil dan sederhana (IKS) berasaskan pertanian. Natiujahnya, ramai siswazah yang boleh mengusahakan bidang pertanian tanpa perlu rungsing memikirkan jalan penyelesaian bagi membekalkan dana yang cukup untuk memulakan usaha pertanian. Sesungguhnya, peranan pihak bank pertanian amat ampuh dalam membolehkan siswazah-siswazah memulakan usaha pertanian sendiri.

Sementelahan, para siswazah perlulah didedahkan dengan bidang-bidang dalam sektor pertanian seperti bidang agropelancongan. Majoriti masyarakat berfikiran bahawa pekerjaan dalam sektor pertanian hanya melibatkan aktiviti turun padang untuk menanam dan menuai

serta perlu bergelumang dengan peluh dan lumpur di bawah cahaya matahari yang terik. Namun sebenarnya, peluang pekerjaan dalam sektor pertanian amatlah luas. Siswazah yang mempunyai ijazah pelancongan boleh menceburkan diri dalam bidang agropelancongan. Kemudahan di kawasan pertanian perlulah disediakan seperti komoditi penginapan yang lengkap. Para pelancong asing bolehlah menginap di kawasan kampung sambil mendapatkan pengalaman menjalankan aktiviti pertanian persis gaya hidup orang kampung. Scenario ini adalah seperti kata peribahasa menyelam sambil minum air. Jelaslah bahawa pendedahan bidang-bidang dalam sektor pertanian akan menarik lebih ramai siswazah untuk menceburkan diri dalam bidang pertanian.

Selain itu, pihak kerajaan perlulah membuat reformasi terhadap sektor pertanian agar siswazah-siswazah tertarik untuk menceburkan diri dalam bidang pertanian. Ramai anak-anak berdarah muda yang kurang berminat untuk menceburkan diri dalam bidang pertanian kerana berfikir bahawa mereka perlu bertani dengan kaedah tradisional seperti yang telah diamalkan sejak berzaman-zaman dahulu. Bukan sahaja kaedah ini sudah ketinggalan zaman, namun kadar pengeluaran hasil pertanian adalah sangat rendah berbanding dengan masa dan tenaga yang dicurahkan. Jika keadaan ini dikekalkan sebegini, petani akan dibelenggu kemiskinan. Untuk mengikut rentak perkembangan sektor industri, sektor pertanian perlulah digabungkan dengan ilmu sains dan teknologi yang canggih bagi memantapkan lagi proses pertanian dan melonjakkan hasil tanaman yang berkualiti dan berkuantiti. Melalui ilmu bioteknologi, para petani dapat menanam baka benih berkualiti yang mempunyai daya ketahanan terhadap serangga persoak dan dapat tumbuh cepat seperti benih padi Bahagia dan Malinja yang dihasilkan oleh Institut Penyelidikan Pertanian Malaysia (MARDI). Kaedah ini amat sesuai untuk para siswazah yang sudah terbiasa hidup dikelilingi dengan teknologi canggih yang membuatkan sesuatu pekerjaan dapat dilakukan dengan efisien dan tangkas. Tegasnya, reformasi terhadap sektor pertanian perlulah dilaksanakan oleh pihak kerajaan agar siswazah-siswazah lebih tertarik untuk menceburkan diri dalam bidang pertanian.

Akhir sekali, kempen kepentingan sektor pertanian perlulah giat dijalankan oleh pihak kerajaan. Input mengenai masalah-masalah sektor pertanian perlulah disebarkan melalui media massa dan media sosial. Rata-rata para siswazah mempunyai akaun peribadi dalam aplikasi sosial seperti „Instagram“, „Whatsapp“ dan „Facebook“. Oleh itu, maklumat-maklumat ini mudah untuk disebarkan ke seluruh negara hanya dengan mengklik tombol perkongsian tanpa perlu mengeluarkan kos bagi mencetak edaran kempen. Konsekuensinya, persepsi siswazah-siswazah terhadap pekerjaan dalam sektor pertanian akan berubah dan mereka mula peka dengan betapa luasnya skop dalam bidang pertanian. Mereka akhirnya celik dengan peluang luas dalam bidang pertanian dan boleh mengaplikasikan ilmu kemahiran mereka dengan sektor pertanian. Sebagai tamsilnya, pelajar jurusan sains boleh menggabungkan bidang sains dan pertanian untuk mewujudkan bidang pertanian moden iaitu bidang bioteknologi. Pelbagai inovasi dan pengembangan dapat dilakukan oleh anak muda apabila kempen kepentingan sektor pertanian menyedarkan mereka tentang potensi-potensi yang tersembunyi di sebalik sektor pertanian. Sesungguhnya, kempen kepentingan sektor pertanian dapat mengubah persepsi siswazah-siswazah untuk menceburi bidang pertanian ini.

Berdasarkan huraian-huraian yang telah dikupas di atas, izharlah bawa semua golongan mempunyai peranan masing-masing dalam memupuk minat para siswazah menceburkan diri dalam bidang pertanian. Kita haruslah meluaskan horizon pemikiran kita dengan mengubah persepsi masyarakat terhadap pekerjaan dalam sektor pertanian yang sebenarnya mempunyai seribu satu masalah kepada masyarakat kita. Siswazah-siswazah yang baru sahaja menamatkan pelajarannya dan baru hendak memulakan langkah pertama menginjak fasa kehidupan yang seterusnya perlulah diberi peluang untuk meneruskan legasi sektor pertanian di negara kita supaya terus berkembang maju seiring dengan perkembangan perindustrian negara kita. Kesimpulannya, semua pihak perlulah menggembeleng tenaga untuk menggalakkan penglibatan siswazah-siswazah dalam bidang pertanian. Marilah kita bersama-sama menyemai sikap cinta akan pertanian agar kejayaan gemilang kerajaan agrarian yang dulunya megah bertapak di tanah Nusantara dapat kita wujudkan kembali.

SULIT**35****1103/3****SET 5****ITEM BERTUTUR (Kumpulan)***[30 markah]*

Pada masa ini, pengeluaran daging oleh syarikat atau penternak tempatan menyumbangkan 30 peratus kepada pasaran, manakala bekalan selebihnya diperoleh daripada import, khususnya dari Australia, Kemboja, Thailand dan Vietnam. Walaupun sektor ini boleh menjamin masa depan tetapi kerjaya dalam sektor penternakan kurang diminati generasi muda.

Sehubungan dengan itu, bincangkan usaha-usaha kerajaan untuk menarik minat generasi muda menceburkan diri dalam bidang penternakan.

SULIT**36****1103/3**

Cadangan Jawapan:

Usaha-usaha kerajaan

1. Kerajaan perlulah menyediakan modal
2. Kerajaan hendaklah memberikan latihan/bimbingan
3. Kerajaan haruslah mengiktiraf penternak yang berjaya
4. Kerajaan wajarlah menghebahkan kisah penternak yang berjaya

SULIT**37****1103/3****SET 6****ITEM BERTUTUR (Kumpulan)***[30 markah]*

Bidang pertanian mampu dijadikan kerjaya yang amat menguntungkan. Namun, generasi muda amat kurang menceburi bidang ini kerana tidak mahu menanggung risiko dan memerlukan kerja keras di bawah terik matahari.

Sekiranya anda menjadi pemimpin, cadangkan langkah-langkah untuk menarik golongan muda untuk menceburi bidang pertanian.

SULIT**38****1103/3**

Cadangan Jawapan:

Langkah-langkah

1. memasarkan produk di luar negara
2. mengiklankan produk di luar negara
3. menjalinkan usaha sama dengan syarikat luar
4. menyertai karnival tani di luar negara
5. membuka cawangan syarikat di luar negara
6. memberikan latihan/bimbingan
7. menyediakan modal

**NASKHAH
CALON**

BILANGAN 8
BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN
(30 Markah)

Tidak dapat dinafikan para tani di negara kita menghadapi seribu satu masalah. Mereka menabur bakti dan menyumbang tenaga kepada ekonomi. Dalam konteks para tani, kerajaan perlu mengambil inisiatif untuk membantu dan mengubah nasib mereka.

Bincangkan.

Antara langkah-langkah secara holistik yang sedang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi membantu golongan petani, penternak dan nelayan adalah seperti berikut:-

Program Bantuan

Program bantuan dalam bentuk pemberian input dan peralatan masih diteruskan dengan jumlah peruntukan pembangunan sebanyak RM27.8 juta telah disalurkan kepada jabatan yang berkaitan. Hampir 70% daripadanya adalah untuk program bantuan seperti bantuan baja, ternakan, peralatan menangkap ikan dan peralatan untuk pemprosesan produk atau Industri Asas Tani (IAT).

Program Pemasaran

Program pemasaran seperti Selangor Agro Market (SAM) telah terbukti memberikan impak yang amat positif kepada golongan tersebut termasuk golongan pembeli. Melalui program SAM, hasil pertanian dijual secara terus kepada pengguna dari ladang di mana melalui kaedah tersebut para pengusaha boleh menjual dengan harga yang lebih baik serta pembeli boleh membeli barangan dengan harga yang lebih murah sehingga 40% dari harga pasaran biasa. Program SAM telah dirancang untuk dilaksanakan di lebih 100 lokasi di seluruh Negeri Selangor.

Pembukaan Kawasan Pertanian Baharu

Salah satu impak positif Program SAM ialah pembukaan beberapa kawasan pertanian baharu yang akan dilaksanakan melalui Program Ladang Kontrak di mana Kerajaan Negeri akan menyediakan bantuan dari segi pemilihan lokasi serta kos awal penyediaan infrastruktur asas dan bimbingan kepada pengusaha agar mengusahakan hasil yang telah dikenalpasti mempunyai permintaan pasaran (market demand).

Dalam pada itu juga, pembukaan kawasan-kawasan pertanian baharu akan dibuat berdasarkan potensi pasaran semasa dan masa hadapan. Ini termasuk hasil-hasil pertanian untuk industri pemprosesan seperti tanaman roselle dan juga melon yang akan melibatkan pihak FAMA Selangor selaku agen pemarkar serta jabatan dan agensi lain sebagai pelaksana projek. Kaedah tersebut lebih tersusun dan dapat mengelakkan lambakan hasil di pasaran yang boleh mengakibatkan hasil jualan yang terlalu rendah sehingga menyebabkan hasil pendapatan pengusaha akan berada pada tahap rendah.

Program Penggalakkan Pemasaran Eksport

Program Penggalakan Pemasaran Eksport (produk tier 1) adalah merupakan program yang dirancang bagi memastikan produk yang berkualiti tinggi dan menepati syarat-syarat eksport akan terus diperkasakan. Menerusi program ini, bukan sahaja produk yang menepati pasaran eksport akan dibantu, bahkan secara tidak langsung produk-produk yang berada pada tahap tier 3 iaitu produk yang masih memerlukan bantuan dari segi kualiti dan juga kuantiti boleh dikenalpasti dan seterusnya turut sama dibantu sehingga mencapai tahap tier 1. Ianya boleh membantu golongan pengusaha untuk memperoleh pasaran yang lebih luas serta meningkatkan pendapatan mereka.

Program Pemodenan Pertanian

Program Pemodenan Pertanian merupakan program yang menerapkan penggunaan peralatan moden dan berteknologi tinggi di dalam sektor pertanian. Memandangkan secara puratanya kos awal penyediaan sesuatu projek yang berkonsepkan moden dan berteknologi tinggi adalah tinggi, Kerajaan Negeri akan menyediakan infrastruktur asas di tapak untuk membolehkan pengusaha belajar dan menimba pengalaman serta akhirnya pengusaha yang terlibat mampu berdikari dan membuka kawasan sendiri. Program ini akan melibatkan agensi kewangan seperti Agro Bank untuk turut serta sebagai pemberi pinjaman di samping bantuan awal oleh Kerajaan Negeri.

Program Tanaman Makanan Ternakan

Bagi membantu golongan penternak yang menghadapi masalah kenaikan kos makanan ternakan, Kerajaan Negeri akan melaksanakan Program Tanaman Makanan Ternakan lembu dan kambing di beberapa kawasan terpilih. Tanaman ternakan yang akan diusahakan oleh para penternak akan menggunakan kaedah cut and carry dan dijangka akan dapat mengurangkan kos makanan ternakan dan seterusnya meningkatkan keuntungan.

FAEDAH SEKTOR PERTANIAN

Isi-isi penting

- Memanfaatkan sumber yang dimiliki oleh negara
 - Mewujudkan peluang pekerjaan
 - Meningkatkan pendapatan eksport negara
 - Mewujudkan keberdikarian bekalan makanan negara
 - Melahirkan imej yang baik untuk negara
 - Memelihara ekologi alam sekitar
-

Pendahuluan

Mendepani era modenisasi dan globalisasi telah membuatkan kita alpa dan leka mengejar kemajuan teknologi dan membina bandar serta pencakar langit yang tidak memberikan impak begitu signifikan kepada negara. Mungkin ada sebahagian individu yang melihat bahawa kemajuan adalah apabila kita mempunyai bandar yang tersergam indah dan masyarakat hidup dikelilingi gajet berteknologi tinggi. Sebaliknya, keseimbangan dalam pelbagai industri akan membuatkan negara kita maju dan dipandang tinggi oleh negara-negara lain. Misalnya di negara Jepun dan Korea Selatan, setiap industri seperti teknologi, pertanian, perindustrian dan pelancongan dibangunkan bersama-sama. Oleh itu, barisan pimpinan negara perlu mengubah dasar dan polisi negara supaya tidak kekal ditakuk lama. Salah satu sektor yang berpotensi besar dalam meningkatkan kemajuan dan ekonomi negara adalah sektor pertanian. Sektor yang sebelum ini dipandang enteng dan kurang diberi perhatian sebenarnya mempunyai kepentingan yang memberikan manfaat bukan sahaja kepada negara malah kepada masyarakat tempatan dan juga alam sekitar.

Isi 1

Antara kepentingan untuk negara sektor ini adalah ia dapat membantu kita memanfaatkan sumber yang dimiliki oleh negara. Umum mengetahui bahawa Malaysia merupakan negara yang dikelilingi dan kaya dengan sumber alam seperti lautan, sungai, tanah tinggi dan juga iklim yang kondusif. Justeru itu, kita seharusnya menggunakan sumber tersebut dengan baik supaya memberikan manfaat kepada negara dan juga bangsa. Sebagai contoh, penerokaan tanah untuk penanaman kelapa sawit oleh Perdana Menteri Kedua Malaysia, Tun Abdul Razak berjaya memberikan hasil yang baik kepada negara dan juga masyarakat tempatan. Tetapi usaha tersebut haruslah diteruskan dengan tabdir urus yang cekap serta amanah. Apabila mendapat saingan daripada negara jiran seperti Indonesia, kita seharusnya meningkatkan kualiti dan menjadi pengeluar utama kelapa sawit dalam pasaran antarabangsa. Selain dapat memberikan hasil yang bernilai, pertanian juga dapat memelihara alam sekitar daripada menjadi mangsa pembangunan dan perindustrian. Secara tidak langsung, pemeliharaan sumber alam dan ekologi akan menjadi seimbang dan dapat berkekalan untuk generasi akan datang menerima manfaat daripadanya.

Isi 2

Apabila sektor pertanian diperluaskan dan menjadi agenda utama kerajaan, ia dapat mewujudkan peluang pekerjaan kepada masyarakat tempatan terutamanya golongan luar bandar. Wawasan untuk merapatkan jurang pendapatan penduduk bandar dan luar bandar dapat direalisasikan dengan merencana program pertanian yang efisien. Dari segi infrastruktur dan bantuan, kita sudah pun mempunyai pelbagai jabatan dan agensi kerajaan yang bertanggungjawab membimbing para petani untuk menghasilkan produk pertanian yang berkualiti serta memberi pulangan yang berganda. Sekiranya setiap agensi kerajaan dan organisasi swasta yang terlibat dalam pertanian mempunyai sinergi dan iltizam yang sama pasti ramai petani-petani berjaya dapat dihasilkan. Malahan, terdapat bekas graduan jurutera yang beralih bidang kerjaya ke bidang pertanian dan berjaya. Beliau yang menjadi peserta di Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Peradong, Terengganu, berjaya memperoleh hasil tuaian Melon Manis Terengganu sehingga RM 30,000 semusim. Graduan tersebut yang meninggalkan bidang carigali minyak dan gas dan meraih pendapatan bulanan sebanyak RM8,000 sebulan dengan bertani menjadi bukti sektor ini mampu menghasilkan kerjaya yang baik. Persis kata Peribahasa, hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik negeri sendiri.

Isi 3

Sebagai masyarakat berminda kelas pertama, sektor pertanian adalah penting bagi mewujudkan keberdikarian bekalan makanan negara. Maksud kepada keberdikarian bekalan makanan adalah negara menghasilkan dan membekalkan bekalan makanan tempatan secara domestik dan tidak bergantung kepada industri import. Menurut laporan buletin suku tahunan terkini (Suku Ketiga, 2019) oleh Bank Negara Malaysia, negara kekal sebagai pengimport makanan dengan sekurang-kurangnya seperempat daripada jumlah keseluruhan bekalan makanan iaitu 24 peratus diimport. Ini bermakna Malaysia masih lagi tidak mencapai tahap keberdikarian dalam bekalan makanan. Jika berlaku bencana atau pandemik seperti COVID-19 dan rantai import eksport terpaksa diputuskan maka kita tidak mampu untuk membekalkan makanan kepada rakyat kita sendiri. Justeru, agenda ini adalah penting bagi mengelakkan kita menghadapi kekurangan bekalan makanan pada masa kini dan akan datang. Pihak berkuasa perlu menyusun strategi dan bertindak sekarang dalam merencana kebergantungan bekalan makanan tempatan terhadap sektor pertanian domestik. Bak kata peribahasa sediakan payung sebelum hujan. Dengan matlamat yang jelas serta pelaksanaan tadbir urus yang cekap dan amanah, wawasan ini pasti dapat dihasilkan bagi manfaat bersama.

Isi 4

Sekiranya kita berjaya membentuk bekalan makanan atau sumber pertanian yang cukup untuk permintaan domestik, kita pasti dapat mengeluarkan hasil untuk pasaran antarabangsa. Dengan meningkatkan sektor pertanian, negara dapat meningkatkan pendapatan eksport serta menyumbang kepada pendapatan negara. Perkara ini telah pun dibuktikan dengan pengkomersialan tanaman kelapa sawit dan getah di mana Malaysia menjadi antara pengeluar utama di dunia. Baru-baru ini tanaman buluh pula mendapat perhatian pemimpin negara kerana mampu memberikan hasil pulangan yang lumayan. Sebanarnya pelbagai lagi potensi yang dimiliki oleh negara dibawah sektor pertanian seperti ternakan ikan, ternakan poultri dan juga tanaman sayur-sayuran serta buah-buahan. Raja buah di hutan kita iaitu buah durian juga semakin mendapat permintaan tinggi untuk dieksport ke negara luar. Dengan sumber yang banyak dan disokong oleh infrastruktur yang baik seperti lapangan terbang serta pelabuhan, pengeksportan hasil pertanian pastinya dapat dipertingkatkan. Namun, usaha ini memerlukan perancangan yang teliti dan kesabaran dalam mengecapi kejayaan yang boleh dibanggakan. Kita perlu elak daripada bersikap seperti mendengar guruh di langit, air di tempayan dicurahkan. Izharnya, dengan hasil tani tempatan yang berkualiti, ia mampu dijual di peringkat antarabangsa dan meningkatkan kadar eksport negara.

Penutup

Konklusinya, pelbagai kepentingan sektor pertanian yang menyumbang kepada negara dan juga nusa bangsa. Masyarakat harus membuang stigma lama bahawa bertani hanya untuk orang kampung dan tidak mampu menjadi kerjaya yang stabil. Kita hanya memerlukan pentadbiran yang efisien dan proaktif yang mampu mengumpulkan tenaga kerja serta pakar untuk membentuk ekosistem pertanian domestik yang unggul. Senario ini persis dengan peribahasa Melayu, yakni hanya jauhari mengenal manikam. Teknokrat dan golongan professional seharusnya menjadi pemacu setiap industri dalam negara bukannya golongan eksekutif yang tidak serba tahu-menahu dan hanya mengejar kepentingan sendiri atau jangka masa pendek. Golongan professional dan teknokrat ini lebih layak kerana mereka mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang mendalam. Malahan mereka telah mendedikasikan hidup mereka ke dalam bidang yang mereka ceburi. Di mana ada kemahuan, di situ pasti ada jalan. Semoga setiap golongan membuka mata dan menyedari potensi sektor pertanian dalam negara serta mengambil serius dalam menjaga kepentingan sektor tersebut untuk kemaslahatan bersama.

**NASKHAH
CALON**

BILANGAN 12
BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN
[30 MARKAH]

Tidak dinafikan, ramai orang akan pergi melancong bersama-sama dengan keluarga mereka terutamanya pada musim perayaan dan pada masa cuti sekolah. Oleh itu, apakah kebaikan-kebaikan pelancongan kepada rakyat sesuatu negara dan negara itu sendiri?

Bincangkan pernyataan tersebut.

(Sumber : <http://karangan-contoh.blogspot.com>)

MELANCONG

KEBAIKAN-KEBAIKAN MELANCONG

Ramai orang akan pergi melancong bersama-sama dengan keluarga mereka terutamanya pada musim perayaan dan pada masa cuti sekolah. Mengapakah ramai orang suka pergi melancong ke luar negara mahupun dalam negeri, berjalan-jalan dengan kereta?

Apakah kebaikan-kebaikan pelancongan kepada rakyat sesuatu negara dan negara itu sendiri? Pertamanya, pelancongan boleh menarik pelancong ke sesuatu negara. Dengan itu, rakyat tempatan boleh mendapat pekerjaan secara langsung dan tak langsung. Ini kerana hotel hotel yang dikunjungi mereka memerlukan pekerja-pekerja yang biasanya adalah penduduk tempatan. Restoran dan kedai makanan akan dikunjungi oleh pelancong-pelancong untuk menjamu selera. Restoran dan kedai makan juga memerlukan pekerja untuk menguruskan perniagaan tersebut. Seterusnya secara tak langsung akan menarik orang luar asing mencurahkan modal dalam perniagaan hotel dan restoran kerana mereka boleh mendapat keuntungan yang besar melaluinya dan negara kita mempunyai pasaran yang luas di masa depan memandangkan negara kita sedang membangun . Barang kraftangan juga mendapat perhatian ramai pelancong.

Keduanya, melalui industri pelancongan, kebudayaan sesuatu negara boleh diperkenalkan ke seluruh dunia. Pelancong yang mengunjungi negara kita apabila sudah mengambil gambar seperti Wau, batik akan memerkenalkannya ke dalam facebook dan menceritakannya ke kawan dan saudara mara mereka. Selain itu, makanan tempatan seperti laksa, kolo mee dan cha keuh tiaw, mee jawa juga akan menjadi terkenal di seluruh dunia. Raykat Amerika akan mengetahui laksa Malaysia sebagaimana kita mengetahui piza dan burger mereka. Pelancong yang datang ke negara kita juga berpeluang mengetahui dengan lebih dekat dengan amalan tempatan. Maka itu lah, Malaysia terkenal dengan amalan sopan santun dan berbudi bahasa dan tolak ansur oleh orang asing. Selain itu, masyarakat kita terdiri dari tiga kaum besar tetapi setiap kaum masih mengekalkan identiti dan tradisi mereka yang tersendiri. Perayaan tahun baru cina masih menjadi suatu perayaan yang besar di sini dan kerajaan akan

memberinya sebagai cuti umum.

Ketiganya, jalan raya dan berbagai-bagai kemudahan seperti bekalan air dan elektrik akan dibina oleh kerajaan sempena meningkatkan bidang perlancongan negara. Ini kerana pelancong akan mengunjungi negara kita apabila mengetahui negara kita mempunyai jalan raya yang bertar dan bukan masih jalan tanah. Kerajaan juga akan berusaha mendirikan lapangan terbang membantu industri pelancongan. Melalui kemudahan-kemudahan ini, penduduk tempatan boleh turut serta hidup bersama-sama hasil pembangunan ini, terutamanya penduduk luar bandar boleh menaiki kereta untuk memberi barang keperluan mereka dan tidak akan perlu duduk sampan seperti dahulu apabila mereka pergi ke bandar atau pergi bekerja. Kanak-kanak yang masih bersekolah pula ketika suatu masa masih berbasikal ke sekolah dan berjalan kaki, tetapi sekarang kehidupan mereka sudah berubah, ibubapa mereka sudah boleh membawa anak-anak mereka ke sekolah dengan kereta. Perubahan hidup yang secara mendadak membuat ramai anak mudi kita berpeluang menuntut pelajaran ke kolej dan universiti di bandar. Selain itu pergaulan mereka juga menjadi lebih luas. Mereka juga boleh memperolehi barang-barang elektronik seperti televisyen, handphone, computer dengan lebih mudah. Pegetahuan mereka juga bertambah daripada itu berbanding zaman muda mudi dahulu yang tidak ada TV, computer dan barang berkmonuikasi yang sofistikated. Muda-mudi sekarang juga lebih bertuah kerana mereka boleh meluang masa lapang mereka dengan komputer dan tidak seperti dulu muda-mudi banyak meluangkan masa mereka lepak di kompleks membeli belah ataupun terlibat dalam kes menangih dadah.

Keempatnya, kita juga boleh memperkenalkan kepada seluruh dunia tentang pelbagai spesis tumbuhan di negara kita. Suatu spesis tumbuhan yang paling jarang terdapat di dunia ialah bunga Rafesia yang hanya akan berbunga pada bulan Jun setiap tahun tetapi masih tidak diketahui ramai orang di Gunung Gading. Spesis tumbuhan ini istimewa dalam ia adalah bunga yang terbesar di dunia. Bunga Rafesia hanya terdapat di iklim tropika. Selain itu, negara kita juga terkenal dengan banyak sayur-sayuran seperti cangkuk manis, kangkung dan kailan yang sedap dan murah berbanding luar negara. Negara kita juga banyak ada banyak buah-buahan tropika seperti tembikai, betik, rambutan dan durian. Musang king merupakan durian yang sangat laku dan laris di pasaran luar negara seperti China dan Thailand. Penjual durian oleh kerana itu mendapat sumber pendapatan dan wang yang besar daripada itu. Negara kita juga dengan itu terkenal dengan itu.

Kelimanya, pelancongan boleh memperkenalkan kepada orang luar tentang pemandangan dan kawasan sesuatu negara. Negara kita terkenal dengan Gua -gua. Gua mulu di miri adalah gua yang terbesar di dunia dijangka dapat memuat 9 buah helipkotor. Gua niah pula terkenal dengan tinggalan pada zaman purba seperti tembikai, pinggan mangkuk pada kurun masehi ke-18. Kita juga boleh memperkenalkan kepada luar negara tentang pemandangan kita yang indah kerana masih terdapat hutan rimba dan Gunung Kinabalu yang banyak diterokai oleh orang asing. Selain itu, Taman negara Bako telah menjadi tarikan para saintis kerana terdapat banyak spesis tumbuhan dan bintang di situ.

Keenamnya, tinggalan pada zaman purba seperti Kampung Portugis, Rumah merah menjadi tarikan pelancong terutamanya orang Portugis kerana masih ada datuk nenek mereka yang tinggal di Melaka setelah askar Portugis pulang ke tanah air mereka sendiri. Kebanyakan

pelancong ini datang melawat datuk nenek mereka di sini, kerana mereka masih ada rumah pusaka tinggalan daripada nenek moyang mereka.

Ketujuhnyanya, selain memperkenalkan kepada luar negara tentang 3 kaum terbesar iaitu, melayu, cina dan india. Kita juga memperkenalkan dunia tentang adat istiadat perkahwinan tradisi 3 kaum terbesar ini. Di sini, kaum cina masih mengamalkan “pang teh” pada hari perkahwinan pengantin perempuan dan lelaki. Iaitu, pada hari pertama perkahwinan, pengantin perempuan akan diiringi oleh kaum wanita yang biasanya mempunyai kedudukan yang tinggi di masyarakat itu, yang juga dipanggil mengambil payung kepada pengantin perempuan, agar pengantin hidup gembira dengan suaminya sepanjang hayatnya. Pada hari pertama itu mereka akan memakai pakaian berwarna merah sahaja sebagai tanda yang baik dan sihat sejahtera. Pada hari itu juga pengantin akan mendapat wang dalam bentuk angpau dan juga rantai emas, gelung emas, anting-anting emas, semua barang emas daripada lelaki dan perempuan yang lebih tua di kampung mereka.

Pelancongan merupakan suatu industri yang popular pada zaman modern. Banyak negara yang bergantung kepadanya sebagai sumber pendapatan mereka. Wang yang kerajaan perolehi daripada pelancongan telah membolehkan kerajaan membangunkan ekonomi masyarakat tempatan untuk kesejahteraan penduduk tempatan supaya taraf hidup mereka dapat ditingkatkan. Ekonomi yang baik akan mendatangkan kestabilan politik kepada sesuatu negara juga. Ada juga kerajaan yang hanya dapat bergantung kepada bidang industri ini kerana negara tidak dapat bergantung kepada penanaman tanaman lain atau tidak kaya dengan sumber minyak.

kebaikan

membaca

kebaikan

**NASKHAH
CALON**

BILANGAN 16
BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN
[30 MARKAH]

Sejarah negara dan amalan budaya warisan bangsa perlu dijaga dan dikekalkan sebagai iktibar dan warisan generasi akan datang.

Ulaskan.

membgac aa

SEJARAH NEGARA DAN AMALAN BUDAYA WARISAN BANGSA

Kini, warisan budaya tradisional menghadapi ancaman kepupusan. Budaya tradisional mencakupi amalan dan cara hidup pelbagai kaum di negara kita. Hal ini termasuklah pakaian, makanan, adat resam, seni, dan sebagainya. Tamadun sesuatu bangsa selalunya dapat dilihat pada warisan seni budayanya. Warisan budaya ini harus dikekalkan kerana mempunyai identiti tersendiri.

Budaya melambangkan identiti sesebuah negara. Amalan budaya tradisional kita melambangkan sifat majmuk masyarakat kita. Misalnya, pakaian tradisional pelbagai kaum yang unik dan berwarna-warni. Budaya tradisional kita juga menunjukkan budi pekerti masyarakat Malaysia. Nilai murni yang ditunjukkan dalam majlis korban dan mengadakan rumah terbuka pada hari kebesaran menunjukkan kita prihatin terhadap orang lain dan bersikap mesra. Banyak orang asing terkejut kerana rakyat kita bebas mengunjungi pemimpin kita pada hari kebesaran. Penghantaran kuih-muih dan saling mengunjungi pada hari kebesaran menunjukkan kemesraan sesama kaum. Inilah identiti Malaysia yang dikagumi oleh dunia luar dan identiti ini perlu dikekalkan.

Budaya tradisional juga dapat memupuk perpaduan negara. Rakyat majmuk kita kaya dengan nilai tradisional yang murni. Misalnya, kunjung- mengunjungi dan mengadakan rumah terbuka pada hari kebesaran. Rakyat kita tidak kira keturunan, agama dan amalan adat resam turut merayakan bersama-sama. Jiran tetangga dan sahabat handai saling mengunjungi. Kuih- muih bertukar pinggan. Kita saling menerima dan memberi. Ucapan “Selamat Hari Raya”, “Gong Xi Fa Cai” dan “Selamat Deepavali” keluar dari jiwa yang penuh keikhlasan. Semangat kekitaan ini akan mengeratkan siraturahim, seterusnya memupuk perpaduan

Salah satu tarikan pelancongan ialah budaya kita. Sebenarnya, keindahan pantai, landskap dan hutan Malaysia juga dapat ditemukan di kebanyakan tempat, misalnya di Indonesia dan di Negara Thai. Yang unik ialah budaya tradisional kita, misalnya persembahan teater tradisional seperti bangsawan dan makyung dan tarian seperti kuda kepang dan gawai. Banyak pelancong mengunjungi Malaysia kerana ingin mendekati corak hidup dan kebudayaan kita. Ada yang tinggal bersama-sama kita dikampung untuk merasai kehidupan kita. Tidak kurang pula yang merakamkan perkahwinan mereka mengikut adat resam Melayu. Jadi, budaya penting untuk mengembangkan pelancongan

Budaya perlu dikekalkan demi kesinambungan tamadun kita. Melalui budaya tradisional, kita mengetahui asal usul kita. Dengan ini, kita tidak akan lupa daratan. Sebaliknya, kita akan sedar tentang kesulitan hidup nenek moyang kita. Dari sini kita akan mendapat iktibar. Misalnya, tarian Portugis mengingatkan kita tentang kedatangan Portugis. Bangsawan yang banyak menceritakan tentang Kesultanan Melaka dan kejatuhannya juga mendatangkan pengajaran. Budaya kita yang murni juga merupakan benteng budaya. Dengan ini, rakyat kita tidak dihanyutkan oleh budaya Barat. Yang ada pada hari ini berpunca daripada yang silam. Jadi generasi muda harus mengenali asal usul sendiri.

Untuk mengembangkan budaya tradisional, rakyat mesti didedahkan kepada kekayaan warisan budaya negara. Kita boleh menganjurkan kempen, ceramah, wawancara serta pameran untuk menghidupkan warisan budaya. Dengan ini, rakyat kita akan lebih memahami budaya sendiri. Usaha kita menerapkan seni bina Melayu pada bangunan Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Muzium Negara, Bank Muamalat, dan bangunan lain perlu diperluas. Kemasukan budaya asing yang mampu menggugat kedudukan tradisi dan identiti negarajuga perlu disekat. Tempat dan bangunan bersejarah perlulah dikekalkan dan dipulihkan. Dengan ini, warisan budaya dapat diikuti dan dilihat sepanjang masa.

Warisan tradisional kita boleh disampaikan kepada generasi muda melalui latihan. Kumpulan makyung, wayang kulit, zapin, dan sebagainya boleh dijalankan melalui Rakan Seni Budaya. Sistem pendidikan juga boleh menyelitkan budaya ! tradisional sebagai aktiviti kokurikulum di sekolah. Pertandingan berbalas pantun clan tarian tradisional akan mengembangkan budaya ini. Usaha ini memberikan peluang kepada mereka yang berminat untuk mengikutinya. Dengan ini, budaya kita akan terus berkembang. Persembahan ini juga akan membolehkan orang ramai mengenalinya dengan lebih dekat. Dengan ini, seni jiwa bangsa dapat dihayati kerana “tak kenal maka tak cinta”.

Di samping itu, pameran artifak atau sejarah kebudayaan warisan pelbagai kaum di Malaysia haruslah digalakkan. Kini pengaruh media massa menyebabkan budaya tradisional kita kian dilupai. Sehubungan dengan itu, media massa tempatan perlu menyiarkan budaya kita dengan lebih kerap dan meluas. Misalnya, pameran kebudayaan tradisional boleh diadakan

melalui Pesta Malaysia, Pesta Negeri, Muzium Negeri, dan sebagainya. Pihak media massa juga digalakkan mengadakan sudut seni budaya. Akhbar Berita Harian, yang merencanakan sudut budaya tentang masakan, pakaian, hiasan, kepercayaan, petua kesihatan, dan

sebagainya, harus dipuji. Sudut budaya juga boleh dimasukkan dalam rancangan khas televisyen seperti “Malaysia Hari Ini” dan “Selamat Pagi Malaysia”.

Janganlah kita biarkan kebudayaan kita hanya dapat ditonton di muzium, bak pepatah yang berbunyi “biar mati anak, jangan mati adat”. Oleh itu, usaha memupuk dan memelihara budaya ini tidak seharusnya dipandang enteng. Marilah kita bersama-sama memeliharanya supaya terus subur meredah zaman, tidak lekang dek panas, tidak lapuk dek hujan.

SULIT**30****1103/3****SET 2****ITEM BERTUTUR (Kumpulan)***[30 markah]*

Pelbagai langkah perlu dilaksanakan untuk memulihara rumah dan bangunan bersejarah yang terdapat di negara kita seperti Kota A Famosa, Bangunan Sultan Abdul Samad dan Rumah Pusaka Sutan Mangatas. Hal ini dikatakan demikian kerana, warisan sejarah amat penting untuk tatapan generasi akan datang.

Ulaskan pernyataan tersebut.

CADANGAN JAWAPAN

Langkah-langkah untuk memelihara rumah dan bangunan bersejarah.

1. **Sebagai pembuka tirai wacana ini, langkah-langkah untuk memelihara dan mengekalkan bangunan bersejarah** termasuklah **pihak kerajaan mewartakan bangunan bersejarah sebagai satu warisan kebangsaan** Sebagai contoh, Bangunan Sultan Abdul Samad perlu dipertahankan sehingga hari ini. **Dalam hal ini**, Dewan Bandar raya Kuala Lumpur (DBKL) telah memasukkan bangunan ini dalam Pelan Induk Pembangunan Kuala Lumpur untuk diwartakan. **Kesan positifnya**, bangunan yang berusia beratus-ratus tahun ini terhindar daripada pemusnahan. **Usaha ini perlulah dilaksanakan bersungguh-sungguh kerana usaha tangga kejayaan. Jelaslah, pihak kerajaan perlu mewartakan bangunan bersejarah** kerana andainya tidak diwartakan pasti generasi akan datang tidak dapat melihat lagi bangunan ini.
2. **Lontaran idea yang seterusnya, pihak kerajaan membaik pulih bangunan-bangunan bersejarah** juga merupakan satu usaha untuk memelihara bangunan bersejarah. **Misalnya**, pada tahun 2007, Jabatan Kerja Raya (JKR) telah membaik pulih Bangunan Sultan Abdul Samad yang menelan belanja sebanyak 20 juta. **Langkah yang efektif ialah** membaik pulih kerosakan dan struktur bangunan serta seni bina tersebut. **Impaknya**, masyarakat dapat mengetahui nilai sejarah yang tinggi pada bangunan ini. **Peribahasa** ada menyatakan **tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas. Rumusnya, pihak kerajaan membaik pulih bangunan-bangunan bersejarah** kerana bimbang sekiranya tidak dibaik pulih warisan sejarah akan musnah selamanya.
3. **Bukan itu sahaja**, langkah yang lebih praktikal termasuklah **pihak kerajaan memperindah kawasan persekitaran bangunan bersejarah. Tamsilnya**, mengindahkan taman dan landskap di persekitaran kawasan bangunan bersejarah. **Tindakan yang sesuai**, pihak berwajib perlu menanam lebih banyak pokok yang menghijau dan bunga yang berwarna-warni. **Natijahnya**, keindahan kawasan bangunan akan menjadi lebih menarik, bersih dengan panorama yang indah. Usaha jitu ini perlu dilaksanakan kerana **hendak seribu daya, tidak hendak seribu dalih. Tuntasnya, memperindah kawasan persekitaran bangunan bersejarah merupakan satu cara mengekalkan bangunan bersejarah** dan sekiranya tidak dipercantik pastinya bangunan menjadi usang.
4. **Pihak kerajaan memperkenalkan bangunan bersejarah** juga merupakan cara untuk memelihara bangunan ini. **Contohnya**, memperkenalkan Kota A Famosa, Kellie Castle dan Tugu Negara. **Cara terbaik** ialah media massa menyiarkan dokumentari tentang keistimewaan bangunan bersejarah ini. **Sesungguhnya**, keunikan dan keistimewaan bangunan bersejarah ini mampu menggamit kedatangan para pelancong. Terdapat beberapa khazanah yang bersejarah seperti Bangunan Cheong Fatt Tze yang telah dianugerahi Pingat Unesco Heritage 2000 Award kerana usaha pemeliharaannya. **Konklusinya, memperkenalkan bangunan bersejarah** juga merupakan cara untuk memelihara bangunan ini kerana jika program mempromosikan bangunan bersejarah tidak dilaksanakan khazanah ini akan hancur begitu sahaja.

SET 3**ITEM BERTUTUR (Kumpulan)***[30 markah]*

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan Negeri, Datuk Ahmad Makbul, berkata sektor pelancongan Pulau Langkawi memerlukan bantuan khusus kerana pulau peranginan itu mampu memberikan sumbangan kepada ekonomi negara. Sehubungan itu, kerajaan pusat diminta membantu meningkatkan industri pelancongan di Pulau Langkawi yang terjejas teruk sejak Mac lalu kembali akibat penularan pandemik COVID-19. Jelasnya, kehadiran pelancong yang semakin kurang menyebabkan majoriti penduduk yang bergantung pada aktiviti pelancongan hilang sumber pendapatan.

Ulas pernyataan tersebut.

SULIT**33****1103/3****CADANGAN JAWAPAN**

Tindakan pihak tersebut suatu tindakan yang bijak.

- merancang ekonomi negara
- menangani masalah kemiskinan tegar
- memajukan pelancongan domestik
- memajukan prasarana pelancongan
- melestarikan warisan budaya di Pulau Langkawi

Tindakan pihak tersebut suatu tindakan yang tidak wajar.

- boleh menyebabkan wujudnya kluster baharu Covid-19

Calon dikehendaki menghuraikan idea utama.

**NASKHAH
CALON**

BILANGAN 22
BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN
[30 MARKAH]

Negara kita mempunyai pelbagai kaum yang mengamalkan budaya atau adat resam yang tersendiri. Budaya atau adat resam ini telah menjadi satu identiti kepada kaum tersebut.

Ulaskan pernyataan tersebut.

PELBAGAI KAUM YANG MENGAMALKAN BUDAYA DAN ADAT RESAM

Salah satu kelebihan negara kita ialah masyarakatnya yang berbilang kaum. Kita mempunyai kaum Melayu, Cina, India, dan berdozen-dozen kaum minoriti yang lain terutama di Sabah serta Sarawak. Situasi ini menyebabkan negara kita mempunyai pelbagai adat atau budaya yang menarik untuk diperhatikan. Malah, adat atau budaya yang unik ini mempunyai banyak kepentingan jika dihargai dengan sewajarnya.

Sebenarnya, budaya yang unik ini memang wajar dihargai kerana budaya inilah yang menonjolkan sesuatu kaum itu. Tanpa budaya ini sesuatu kaum itu akan kehilangan identitinya buat selama-lama. Budaya yang diamalkan itu seperti memakai pakaian tradisional, makan menggunakan tangan, pergi ke kubur ketika hari raya dan sebagainya turut menimbulkan rasa bangga kepada pengamal budaya kaum itu. Individu yang terbabit akan berasa mereka telah berjaya mengekalkan budaya turun-temurun nenek moyang mereka selama ini.

Selain itu, tindakan individu tertentu menghargai budaya ini menjadi satu cara yang paling mudah untuk mempamerkan rasa mengormati generasi tua daripada generasi muda. Budaya memakai pakaian tradisional menjadi satu kaedah yang mudah untuk diamalkan oleh remaja dalam usaha mereka mengekalkan budaya tradisional ini. Remaja bukan sahaja mamu membuktikan rasa hormat mereka tetapi turut menerima penghargaan generasi tua lantaran sanggup mengekalkan budaya.

Salah satu kepentingan mengekalkan budaya ialah budaya mempunyai nilai-nilai murni dan sikap menghormati. Kedua-dua sikap ini sudah hampir terkikis daripada diri remaja negara ini. Remaja sudah mula memanggil ibu bapa mereka dengan nada yang kasar, lari dari rumah, dan suka memarahi orang tua. Jadi, pengekal dan pengamalan budaya ini sudah pasti akan menonjolkan rasa hormat dan sikap atau jati diri remaja yang murni. Remaja akan menjadi individu yang terbilang.

Malah, sikap menghargai budaya memastikan sesuatu budaya kaum itu tidak akan luput ditelan zaman. Lihat sahaja budaya bekerjasama menjalankan kenduri sudah mula hilang sedikit demi sedikit lantaran masyarakat kita lebih suka menggunakan perkhidmatan katering. Atas alasan mudah, kita sudah melupakan budaya bekerjasama ketika mengadakan kenduri yang mempunyai banyak impak positif tetapi penat itu. Usaha mengekalkan budaya kaum sudah pasti akan mengembalikan nostalgia majlis kenduri yang dijalankan secara meriah.

Tambahan pula, pengamalan budaya ini memastikan peraturan dan saling bergantung anggota masyarakat diamalkan. Untuk mencapai perpaduan, semua kaum harus mengekalkan budayanya kerana melalui budayalah kita bersatu. Sikap hormat antara satu sama lain menyebabkan kita tidak akan cuba menyakiti kaum lain atas perkara-perkara yang remeh. Sebaliknya, penghargaan terhadap budaya menguatkan semangat perpaduan kita.

Kesimpulannya, budaya atau adat sesuatu kaum itu merupakan satu khazanah yang harus dipertahankan oleh rakyat negara ini. Usahlah kita terlalu memandang ke arah kemodenan sehingga menganggap budaya sendiri sudah lapuk atau tidak sesuai lagi. Kita harus melihat budaya sebagai satu alat yang mampu membentuk kita ke arah kemodenan yang lebih baik lagi iaitu kemodenan rohaniah dan kebendaan. Mungkin selepas menguasai budaya barulah kita boleh menganggap diri kita sudah mencapai kemodenan hidup.

**NASKHAH
CALON**

BILANGAN 24
BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN
[30 MARKAH]

Kementerian Penerangan Malaysia, di samping media elektronik seperti televisyen dan radio memang berkesan untuk menyuburkan dan meningkatkan semangat patriotik dalam kalangan masyarakat. Bincangkan usaha-usaha yang boleh dilakukan untuk memupuk semangat patriotik dalam kalangan masyarakat.

USAHA USAHA UNTUK MENINGKATKAN SEMANGAT PATRIOTIK

Semangat patriotik semakin luntur dalam kalangan masyarakat di negara kita pada masa ini seperti yang didakwa oleh banyak pihak. Hal ini berlaku demikian kerana masing-masing sibuk dengan urusan sendiri yang menyebabkan mereka tidak menghiraukan perkara lain. Pada pendapat mereka, perkara yang penting dalam hidup ialah mereka perlu berusaha untuk mencari kekayaan dan hendak mencari wang untuk menambahkan pendapatan semata-mata. Oleh itu, mereka tidak menitikberatkan semangat patriotik dan tidak tidak mempedulikan sambutan hari kebangsaan, contohnya anggota masyarakat kita tidak mengibarkan bendera Malaysia ketika sambutan ulang tahun kemerdekaan negara dijalankan. Jadi, kita berharap agar semangat patriotik dalam kalangan masyarakat dapat ditingkatkan.

Sebenarnya terdapat banyak cara yang boleh dijalankan untuk meningkatkan semangat patriotik dalam kalangan masyarakat di negara kita. Satu daripada caranya adalah dengan memberikan penekanan tentang proses pemupukan semangat patriotik dari bangku sekolah lagi. Perkara ini membolehkan semangat patriotik sebatu dalam diri pelajar seperti kata peribahasa Melayu, “melentur buluh, biarlah dari rebungunya”. Sekiranya semangat patriotik dapat dipupuk sejak kecil, sudah tentulah semangat patriotik akan terus diamalkan dan dikekalkan hingga dewasa. Tambahan pula, amalan ini penting kerana kita dapat melahirkan masyarakat yang sentiasa cinta akan negara dan tidak melakukan perkara-perkara yang akan memburukkan nama negara.

Cara lain yang boleh dijalankan adalah dengan membuat pengubahsuaian dan memberikan penekanan tentang aspek semangat patriotik ini dalam kurikulum di sekolah dan di institusi pengajian tinggi. Sekiranya perkara ini dilakukan, murid-murid akan memahami dan menghayati semangat patriotik kerana aspek tersebut dipelajari dalam mata pelajaran tertentu. Dengan perkataan lain, perkara itu akan dipelajari secara formal di dalam kelas, diuji dalam peperiksaan dan seterusnya diamalkan dalam kehidupan seharian. Oleh hal yang demikian, semangat patriotik itu akan terus subur dalam sanubari murid-murid hinggalah selepas mereka menamatkan persekolahan atau pendidikan mereka di institusi pengajian tinggi.

Pihak yang bertanggungjawab hendaklah menjalankan kempen secara besar-besaran melalui media massa. Kempen-kempen yang berkaitan dengan semangat patriotik ini akan memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan semangat patriotik dalam kalangan masyarakat di negara kita. Oleh itu, Kementerian Penerangan Malaysia, di samping media elektronik seperti televisyen dan radio memang berkesan untuk menyuburkan dan

meningkatkan semangat patriotik dalam kalangan masyarakat. Dengan perkataan lain, televisyen dan radio hendaklah menyiarkan rancangan atau program yang dapat meningkatkan semangat patriotik seperti menyiarkan rencana tentang pejuang-pejuang kemerdekaan negara. Selain itu media elektronik itu juga hendaklah menayangkan filem seperti “Bukit Kepong”, “Paloh”, dan drama-drama yang berkaitan dengan semangat cinta akan negara.

Agensi-agensi kerajaan yang bertanggungjawab pula perlulah menjalankan aktiviti yang bersesuaian dengan usaha untuk meningkatkan semangat patriotik dalam kalangan masyarakat agar dapat memupuk semangat ini. Aktiviti tersebut boleh dijalankan di kampung-kampung dan juga di kawasan perumahan. Oleh itu, aktiviti seperti sambutan hari kemerdekaan pada peringkat taman perumahan dan kampung perlulah digalakkan. Di samping itu, Jabatan Penyiaran atau stesen televisyen juga perlu mengadakan forum tentang semangat patriotik dengan menjemput tokoh-tokoh akademik daripada pelbagai bangsa dan juga tokoh masyarakat yang memperjuangkan semangat kebangsaan suatu masa dahulu. Aktiviti tersebut bukan sahaja dapat memupuk semangat patriotik malahan dapat mengeratkan perpaduan antara kaum di negara kita.

Semangat patriotik juga dapat dipupuk melalui contoh dan teladan daripada pemimpin-pemimpin negara dan pemimpin masyarakat tanpa mengira bangsa, agama dan fahaman politik. Dengan cara itu, anggota masyarakat akan mencontohi pemimpin-pemimpin mereka yang memiliki semangat patriotik yang tinggi. Para pemimpin perlulah selalu mengingatkan dan menekankan kepentingan menghargai kemerdekaan yang telah dicapai hasil perjuangan dan titik peluh pejuang-pejuang kemerdekaan yang terdahulu dan menghayatinya dengan sepenuh hati. Hal ini penting kerana, kemerdekaan yang dinikmati ini hendaklah dihayati, dijaga dan dikekalkan sampai bila-bila. Sekiranya perkara ini tidak dititikberatkan oleh semua orang sudah pasti kemerdekaan yang dinikmati sukar untuk dipertahankan dan tidak akan memberi makna lagi kepada generasi yang akan datang.

Oleh hal yang demikian, usaha-usaha untuk memupuk semangat patriotik perlulah dijalankan sepanjang masa tanpa henti. Hal ini demikian kerana, semangat patriotik ini penting untuk melahirkan warganegara yang cinta akan negaranya dan pasti akan menjadi individu yang berguna kepada bangsa, agama dan negaranya sendiri. Individu yang memiliki semangat patriotik yang tinggi juga akan sentiasa berusaha untuk memajukan diri dan negaranya agar mencapai kemajuan dan pembangunan dengan cepat, setanding dengan negara-negara maju yang lain. Skiranya semangat patriotik tidak dapat dipupuk dalam kalangan remaja, pastilah mereka tidak ada perasaan cinta akan negara dan menyebabkan mereka hilang jati diri. Oleh itu, semua pihak perlulah berganding bahu dan memainkan peranan masing-masing agar semangat patriotik dapat dipupuk dan disuburkan dalam kalangan masyarakat.

SULIT**45****1103/3****SET 9****ITEM BERTUTUR (Kumpulan)***[30 markah]*

Bahasa Melayu masih menghadapi cabaran untuk memainkan peranan yang sewajarnya sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa ilmu di negara kita. Hal ini dikatakan demikian kerana bahasa Melayu belum betul-betul diangkat atau dimartabatkan sebagai bahasa cerminan jati diri negara dalam kalangan semua golongan.

Ulas pernyataan tersebut.

CADANGAN JAWAPAN**LANGKAH / CARA MENGANGKAT BAHASA MELAYU SEBAGAI JATI DIRI NEGARA – MEMARTABATKAN BAHASA MELAYU**

1. Pembudayaan Bahasa Melayu melalui sistem pendidikan - Kementerian Pendidikan haruslah mengkaji semula dan seterusnya menghentikan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris
2. Pengayaan khazanah ilmu - Pihak kerajaan mengadakan kempen memartabatkan Bahasa Melayu
3. Pindaan dan perluasan peruntukan akta – pindaan akta Bahasa kebangsaan yang memberikan lebih penggunaan Bahasa melayu
4. Ibu bapa memainkan peranan mendidik dan membimbing anak-anak sejak kecil untuk mencintai Bahasa Melayu – bertutur, membaca bahan bacaan dan menulis dengan Bahasa Melayu
5. Komponen Bahasa dan persuratan dalam semua program negara – semua program mestilah menggunakan Bahasa Melayu
6. Pemantauan berterusan terhadap bidang penyiaran dan media massa –
7. Penganjuran pelbagai bentuk pertandingan yang melibatkan Bahasa Melayu

*terima mana-mana jawapan yang relevan

**NASKHAH
CALON**

BILANGAN 20
BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN
[30 MARKAH]

Sedarsawasa yang lalu, karya sastera amat diminati oleh semua bangsa di Tanah Melayu. Di negara kita, juga terdapat Sasterawan Negara yang ternama dan terbilang. Namun saban hari, karya sastera semakin hilang ditelan zaman yang serba canggih dan moden. Hal ini membimbangkan kerajaan dan para Sasterawan Negara kerana sastera adalah satu wadah yang mampu menyalurkan pelbagai wadah atau sarana untuk menyatakan dunia masyarakat dan zamannya.

Bincangkan.

KARYA SASTERA

Pada zaman berteknologi tinggi ini, orang ramai telah memilih untuk memiliki sebuah komputer untuk mendapatkan maklumat daripada internet berbanding mencari maklumat atau membaca daripada buku. Hal ini menyebabkan minat untuk membaca karya-karya sastera dalam kalangan rakyat makin berkurangan. Malah ada yang telah lupa dan tidak kenal akan karya sastera yang dihasilkan oleh sasterawan negara seperti Usman Awang, Shahnnon Ahmad, A.Samad Said dan sebagainya. Hal ini tidak boleh dipandang remeh kerana karya sastera yang dihasilkan merupakan warisan bangsa yang menunjukkan identiti dan bangsa kita. Minat untuk membaca karya-karya sastera ini perlu disemarakkan semula dalam kalangan masyarakat. Persoalannya, apakah langkah-langkah yang perlu diambil oleh pelbagai pihak untuk menarik minat orang ramai untuk membaca karya sastera?

Langkah-langkah yang perlu diambil oleh pelbagai pihak untuk menarik minat orang ramai membaca karya sastera termasuklah peranan pihak sekolah khususnya Pusat Sumber Sekolah. Pusat Sumber Sekolah perlu memperbanyak buku sastera dan karya agung seperti novel „Ranjau Sepanjang Jalan“ oleh Shahnnon Ahmad, „Salina“ oleh A.Samad Said, „Saudagar Besar Dari Kuala Lumpur“ oleh Kamaludin Muhamad dan „Tulang-tulang Berserakan“ oleh Usman Awang agar murid mahupun guru berpeluang untuk membacanya. Pusat sumber boleh mengadakan pertandingan mengulas novel, sajak, puisi dan pantun pada setiap bulan. Langkah ini membolehkan para pelajar untuk membaca karya-karya sastera memandangkan mereka ingin menghasilkan ulasan yang menarik. Secara tidak langsung, minat pelajar terhadap karya sastera akan semakin bertambah. Pihak sekolah turut boleh menggalakkan setiap kelas menyediakan satu ruang atau sudut membaca di kelas bagi memudahkan pelajar untuk menghayati karya sastera ketika guru tiada di dalam kelas. Tegasnya, pihak sekolah memainkan peranan yang penting dalam menarik minat pembaca terhadap karya sastera.

Selain itu, peranan ibu bapa juga amat penting dalam mengambil langkah untuk menarik minat anak-anak membaca karya sastera. Ibu bapa haruslah memberikan pendedahan tentang karya sastera kepada anak-anak sejak kecil lagi bak kata pepatah melentur buluh biarlah dari rebungunya. Contohnya, ibu bapa boleh membaca sastera ralyat kepada anak-anak sebelum mereka masuk tidur Melalui cara ini, hubungan silaturahim antara ibu bapa dengan anak bukan sahaja dapat dipereratkan, malah anak-anak dapat mengetahui cara hidup dan budaya masyarakat kita sendiri. Selain itu, ibu bapa bolehlah membelikan karya sastera untuk dibaca oleh anak-anak supaya mereka dapat menghayati keindahan hasil warisan bangsa selain dapat mengisi masa lapang dengan berfaedah. Ibu bapa boleh menghadihkan novel yang sesuai kepada anak-anak mengikut umur mereka. Ibu bapa juga perlu pilih bahan bacaan yang hendak dibeli untuk anak-anak sewaktu membawa mereka berkunjung ke kedai buku mahupun pameran buku. Seterusnya, ibu bapa harus menyediakan sebuah perpustakaan

mini yang dilengkapi dengan pelbagai bahan bacaan khususnya karya-karya sastera seperti prosa atau puisi tradisional dan moden yang dihasilkan oleh pengarang tersohor di rumah. Dengan itu, minat anak-anak untuk membaca karya sastera dapat dipupuk dan disemai dalam jiwa mereka.

Di samping itu, media massa turut memainkan peranan yang penting dalam mengambil langkah menarik minat semua lapisan masyarakat membaca karya sastera. Sebagai contohnya, pihak media boleh mempromosikan karya sastera kepada masyarakat melalui radio, televisyen dan surat khabar. Melalui cara ini, lapisan masyarakat dapat mengetahui cara untuk mendapatkan karya sastera di pasaran. Bukan itu sahaja, pihak media juga boleh menyiarkan sudut sastera atau ulasan karya sastera yang agung di akhbar dan majalah kepada orang ramai. Dengan itu, orang ramai berpeluang untuk mengenali karya sastera di negara kita dengan lebih mendalam. Tambahan pula, pihak media turut boleh menganjurkan peraduan teka teki atau menulis sajak dan syair yang bertemakan karya-karya sastera. Jelasnya, pihak media haruslah mengambil langkah untuk menarik perhatian orang ramai untuk membaca karya sastera.

Seterusnya, pihak kerajaan haruslah mengadakan pameran karya sastera dan kempen menghayati karya sastera di seluruh pelusuk negara. Melalui langkah ini, rakyat berpeluang untuk mengenali karya-karya sastera ini dengan lebih dekat. Tambahan pula, pihak kerajaan boleh membina perpustakaan rakyat di setiap daerah bagi memudahkan rakyat untuk membaca ataupun meminjam karya-karya sastera untuk dibaca. Pihak kerajaan turut boleh mengambil inisiatif untuk mengurangkan kadar cukai penerbitan karya sastera. Langkah ini dapat menurunkan harga buku tersebut agar semua rakyat khususnya golongan berpendapatan rendah berpeluang untuk memiliki karya-karya sastera itu sendiri. Oleh itu, jelaslah bahawa pihak kerajaan turut memainkan watak yang utama dalam mengambil langkah untuk menarik minat orang ramai membaca karya sastera.

Akhir sekali, pihak-pihak NGO seperti syarikat penerbitan harus menerbitkan lebih banyak karya sastera supaya karya tersebut mudah didapati di pasaran. Pihak penerbit boleh bekerjasama dengan penulis untuk mengeluarkan berbagai-bagai genre sastera. Penerbit juga perlu memberikan bayaran setimpal dan berpatutan kepada penulis. Persatuan Karya-karya Sastera boleh ditubuhkan untuk melindungi karya-karya penulis supaya tidak dplagiat oleh pihak tertentu yang bermotifkan keuntungan dan bagi membolehkan para peminat berkongsi pendapat bersama dengan penulis. Kerajaan juga boleh meningkatkan jumlah penerbitan karya sastera dalam setahun dan bekerjasama dengan seberapa ramai penulis dan penerbit untuk menghasilkan karya sastera yang bermutu.

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa semua pihak menggalas tanggungjawab yang berat dalam usaha untuk menghidupkan minat orang ramai membaca karya sastera. Masyarakat pula harus bersikap berhati terbuka supaya langkah-langkah tersebut mendapat sambutan yang hangat dan seterusnya berjaya direalisasikan. Kita selaku warga Malaysia haruslah mencintai dan menghayati karya sastera kita kerana ia merupakan warisan bangsa dan mencerminkan identiti kita.

BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN

[30 markah]

NASKHAH CALON**(TEMA : BAHASA DAN KESUSASTERAAN)**

Karya sastera semakin kurang diminati oleh generasi kini sedangkan karya tersebut membawa banyak faedah kepada pembaca.

Jelaskan.

NASKHAH PENTAKSIR**(TEMA : BAHASA DAN KESUSASTERAAN)**

Karya sastera semakin kurang diminati oleh generasi kini sedangkan karya tersebut membawa banyak faedah kepada pembaca.

Jelaskan.

CADANGAN IDEA

Kebelakangan ini, masyarakat semakin meminggirkan karya sastera. Remaja tidak mengendahkan karya sastera tetapi sebaliknya asyik dengan pelbagai gajet. Karya sastera yang terdapat di pusat sumber sekolah dan kedai buku sepatutnya menjadi bahan bacaan remaja. Mereka sewajarnya menyedari bahawa banyak faedah yang diperolehi dengan membaca karya sastera.

Karya sastera boleh menimbulkan kesedaran kepada pembaca. Hal ini dikatakan demikian kerana pengarang sering menerapkan unsur pengajaran dalam karya mereka. Dengan membaca karya-karya seperti ini, kita dapat melahirkan masyarakat yang berakhlak.

Selain itu, remaja boleh memperluas kosa kata dan memperbaiki penggunaan bahasa dengan membaca karya sastera. Mereka akan menemukan pelbagai perkataan baharu dan ayat-ayat yang menarik daripada karya yang dibaca. Dengan cara ini, mereka dapat menghasilkan karangan yang lebih baik. Selain itu, mereka juga berupaya untuk berkomunikasi dengan lebih berkesan apabila membaca karya sastera.

Pelbagai ilmu pengetahuan juga boleh ditemukan melalui karya sastera. Dengan memilih karya sastera yang bermutu, pelbagai maklumat dapat diperolehi. Sebagai contoh, pembaca mendapat maklumat tentang tempat-tempat baharu yang digambarkan dalam karya sastera. Oleh hal yang demikian, remaja tidak menjadi seperti katak di bawah tempurung.

Membaca karya sastera merupakan suatu cara untuk mengisi masa senggang. Amalan ini lebih baik daripada menghabiskan masa terlalu lama dengan media sosial. Tambahan pula, remaja memerlukan tumpuan dan masa yang panjang untuk menghayati karya sastera. Oleh itu, remaja yang mendekati karya sastera terhindar daripada gejala negatif kerana masanya telah terisi dengan amalan membaca.

SULIT**43****1103/3****SET 8****ITEM BERTUTUR (Kumpulan)***[30 markah]*

Peribahasa memainkan peranan yang penting dalam masyarakat kita. Peribahasa digunakan untuk menyampaikan sesuatu nasihat, teguran atau ingatan secara kiasan atau sindiran. Biasanya, peribahasa disampaikan tanpa menimbulkan rasa marah atau kecil hati kepada orang lain supaya pengajaran yang tersirat daripada peribahasa dapat dihayati dan dipelajari.

Ulaskan pendapat anda.

SULIT**44****1103/3****CADANGAN JAWAPAN****FUNGSI / KEPENTINGAN / KEBAIKAN PERIBAHASA**

1. Boleh dijadikan pedoman hidup kerana peribahasa sangat besar dan luas penggunaannya
2. Menggambarkan kehidupan masyarakat atau bangsa yang mengamalkannya
3. Menghiasi percakapan atau penulisan seseorang
4. Menguatkan / mengukuhkan tujuan percakapan, perbincangan atau penulisan
5. Memberi pengajaran kepada masyarakat
6. Mengawal sosial dalam kalangan masyarakat
7. Menyampaikan nasihat, teguran atau ingatan secara kiasan atau sindiran tanpa menimbulkan rasa kecil hati

*Terima mana-mana jawapan yang relevan

**NASKHAH
CALON**

BILANGAN 24
BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN
[30 MARKAH]

Industri kraftangan bukanlah antara kegiatan ekonomi gergasi di Malaysia. Namun kini, industri kraftangan negara kian lenyap ditelan zaman. Sesetengah orang berpendapat bahawa kurangnya perhatian kerajaan terhadap industri ini menjadikan industri kraftangan kian dilupakan.

Ulaskan pernyataan ini.

INDUSTRI KRAF TANGAN

Industri kraf tangan bukanlah antara kegiatan ekonomi gergasi di Malaysia. Hal ini menyebabkan industri kraf tangan negara kian lenyap ditelan zaman. Mengapakah keadaan ini berlaku? Sesetengah berpendapat bahawa kurangnya perhatian kerajaan terhadap industri ini menjadikan masalah ini berlarutan. Kurangnya pengusaha-pengusaha muda juga menyumbang kepada isu ini. Oleh itu, orang ramai seharusnya sedar akan kepentingan industri ini meskipun industri ini berskala kecil.

Mari kita fokuskan minda kita kepada perkara yang pertama iaitu industri kraf tangan dapat menjadi sumber kewangan kepada penduduk luar bandar. Seperti mana yang kita sudah sedia maklum, terdapat jurang ekonomi yang besar antara penduduk bandar dan penduduk luar

bandar. Kegiatan industri kraf tangan pula sering dijalankan oleh penduduk luar bandar. Apabila penduduk luar bandar mula menceburi bidang ini, maka penduduk luar bandar dapat menjual produk ini dan mendapat keuntungan yang berlipat-ganda.

Mari kita lensakan skop pemikiran kita kepada perkara yang seterusnya iaitu kehadiran industri kraf tangan dapat mempelbagaikan kegiatan ekonomi yang terdapat dalam negara. Industri kraf tangan bukanlah industri yang setanding dengan industri pertanian atau pelancongan. Namun, jika hasil industri kraf tangan dieksport ke luar negara, hal ini bukan sahaja dapat meningkatkan hasil pendapatan negara, malah dapat menjadi suatu keunikan di Malaysia.

Sementelahan itu, industri kraf tangan juga dapat membentuk masyarakat yang kreatif, inovatif dan mempunyai daya semangat yang tinggi. Hal ini kerana persaingan dalam industri kraf tangan amat sengit. Sesebuah hasil kraf tangan hendaklah mempunyai nilai komersial dan reka bentuk yang mampu menarik perhatian pembeli. Untuk menjadi pengusaha yang terbaik, maka pengusaha tersebut haruslah mempunyai kualiti seperti kreatif dan mampu berdaya saing.

Mari kita luaskan takrifan minda kita kepada perkara yang seterusnya iaitu industri kraf tangan dapat memperbanyak peluang pekerjaan dalam kalangan masyarakat khususnya masyarakat desa. Tenaga kerja sememangnya diperlukan bagi menghasilkan kraf tangan yang diperlukan bagi meningkatkan kadar pengeluarannya. Kraf tangan membuka peluang kepada para remaja serta belia untuk mengenali kraf tangan secara lebih mendalam melalui berbagai-bagai peluang pekerjaan yang ditawarkan dalam bidang ini. Selain itu, tenaga kerja yang terlatih juga diperlukan bagi berkongsi ilmu tentang penghasilan sesuatu produk kraf tangan. Hal ini dapat mewujudkan peluang bagi mereka yang hanya berkemahiran dalam bidang tersebut khususnya penduduk desa yang kebanyakannya hanya memperoleh kemahiran yang diturunkan oleh generasi terdahulu.

Ayuh kita maju ke hadapan dengan perkara yang terakhir iaitu industri kraf tangan dapat mengekalkan warisan dan budaya Melayu serta menyemai perasaan cinta akan budaya Melayu dalam kalangan masyarakat. Arus pemodenan telah menenggelamkan budaya tradisional masyarakat Melayu dalam diri remaja pada masa kini. Oleh itu, peluang haruslah diberi kepada setiap lapisan masyarakat untuk mengenali warisan dan budaya tersebut melalui konsep rekaan sesuatu kraf tangan yang menggunakan bahan tempatan sebagai ramuan utama. Budaya masyarakat Melayu juga dapat dipromosikan kepada negara-negara luar kerana kraf tangan itu sendiri sudah melambangkan identiti negara yang masih mengekalkan warisan unik secara turun-temurun.

Konklusinya, suatu jaringan kolaborasi haruslah diwujudkan untuk memajukan industri kraf tangan negara.

BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN

[30 markah]

NASKHAH CALON**(TEMA : BUDAYA)**

Permainan tradisional semakin dipinggirkan oleh masyarakat Malaysia. Oleh hal yang demikian, pelbagai usaha untuk menyuburkan permainan tradisional perlu dipertingkatkan.

Bincangkan.

NASKHAH PENTAKSIR**(TEMA : BUDAYA)**

Permainan tradisional semakin dipinggirkan oleh masyarakat Malaysia. Oleh hal yang demikian, pelbagai usaha untuk menyuburkan permainan tradisional perlu dipertingkatkan.

Bincangkan.

CADANGAN IDEA

Malaysia kini berhadapan dengan arus globalisasi dan modenisasi yang berkembang pesat. Berkait rapat dengan perkembangan tersebut, generasi muda hari ini lebih terdedah kepada alam siber dan permainan komputer sehingga melupakan permainan tradisional yang merupakan warisan pusaka sejak dahulu lagi. Lantaran itu, permainan tradisional turut dipandang enteng serta mula tersisih daripada arus perdana kehidupan masyarakat. Oleh hal yang demikian, semua pihak perlu mengambil langkah yang proaktif bagi menyuburkan kembali permainan tradisional.

Ibu bapa dianggap pihak yang paling dominan berperanan memperkenalkan serta mempopularkan permainan tradisional kepada generasi muda khususnya kepada anak-anak mereka. Ibu bapa perlu mendedahkan permainan tradisional kepada anak-anak mereka sejak kecil bertepatan dengan peribahasa melentur buluh biarlah dari rebungnya bagi tujuan memupuk minat bermain permainan tradisional. Mereka boleh membelikan anak-anak mereka permainan tradisional sebagai hadiah sempena hari ulang tahun ataupun sebagai hadiah kerana pencapaian cemerlang dalam akademik di sekolah. Ibu bapa juga boleh menganjurkan pertandingan permainan tradisional melalui Hari Keluarga yang diadakan sama ada dilakukan secara bersendirian atau bersama dengan rakan-rakan sekerja. Inisiatif ini dapat memberikan peluang kepada seluruh ahli keluarga yang mengambil bahagian untuk mencuba bermain permainan tradisional seperti congkak, menaikkan layang-layang dan bermain gasing.

Selain itu, pihak kerajaan melalui Kementerian Pelajaran Malaysia mestilah menjadikan permainan tradisional sebagai satu daripada kegiatan kokurikulum di sekolah. Rentetan daripada itu, pihak sekolah hendaklah digalakkan menubuhkan kelab atau persatuan yang bercirikan permainan tradisional. Dengan berpayungkan kelab atau persatuan permainan tradisional seperti Kelab Budaya Bangsa, pelajar boleh belajar tentang cara membuat, cara bermain dan mengetahui syarat-syarat bermain sesuatu permainan tradisional. Setelah mengetahui secara mendalam sesuatu permainan

itu, pelajar akan berminat untuk melibatkan diri dalam permainan tradisional tersebut. Usaha menanam minat terhadap generasi muda penting kerana mereka merupakan akar tunjang yang bakal mewarisi warisan pusaka bangsa serta mewarnai masyarakat masa hadapan, justeru, penglibatan pelajar secara langsung dalam permainan tradisional nescaya dapat mempopularkan permainan tersebut di Malaysia daripada pupus dan lenyap begitu sahaja. Bertepatan dengan kata peribahasa, tak kenal maka tak cinta, maka iltizam pihak sekolah amat dituntut agar putera-puteri yang sedang berjuang di medan ilmu dapat bergiat aktif mempopularkan permainan tradisional di samping mengurangkan sedikit tekanan menghadapi peperiksaan.

Seterusnya, usaha mengadakan pelbagai kempen cinta permainan tradisional merupakan satu kaedah yang ampuh untuk mempopularkan permainan tradisional di negara kita. Kempen ini perlu dijalankan oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara secara terancang dan berkesan dengan kerjasama pihak media cetak dan media elektronik seperti akhbar dan televisyen. Pihak media massa perlu menyiarkan rencana dan dokumentari untuk memperkenalkan permainan tradisional di negara kita seperti wau, gasing, congkak dan lain-lain. Pelbagai aktiviti harus dianjurkan sempena kempen tersebut, seperti peraduan mengarang, pameran, peraduan melukis poster dan lain-lain lagi. Melalui proses tersebut, permainan tradisional boleh menjadi lebih popular di merata-rata tempat bersesuaian dengan kata peribahasa seperti pegaga tumbuh melata.

Pertukaran budaya dengan negara luar merupakan inisiatif lain yang boleh dilakukan bagi mempopularkan permainan tradisional. Apabila program tersebut dilaksanakan maka pelajar dari luar negara yang datang ke Malaysia akan berpeluang bermain pelbagai permainan tradisional di sini. Apabila mereka pulang ke negara mereka kelak, mereka akan mengajar rakan-rakan dan ahli keluarga permainan yang pernah mereka mainkan di sini. Usaha ini secara tidak langsung membolehkan nama Malaysia akan terkenal di persada antarabangsa dan rakyat Malaysia boleh berbangga kerana Malaysia masih mempunyai permainan tradisional yang tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas. Perkara yang sama boleh dilakukan oleh agensi pelancongan yang bertindak sebagai medium penyebar maklumat untuk memperkenalkan permainan tradisional kepada pelancong asing. Lantaran itu, agensi pelancongan boleh mengurus aktiviti seperti bermain gasing, galah panjang dan teng-teng di tempat penginapan pelancong asing. Diharapkan langkah ini akan membuatkan para pelancong terhibur sekali gus berminat dengan acara-acara yang disediakan dan ingin datang kembali ke Malaysia.

Tidak disangkal lagi, penganjuran pelbagai bentuk pertandingan merupakan inisiatif yang praktikal untuk mempopularkan permainan tradisional kepada masyarakat di Malaysia. Melalui pertandingan yang diadakan semua pihak yang mengambil bahagian akan saling bertukar pengalaman dan mengukuhkan ukhwah antara mereka. Agensi-agensi kerajaan dengan kerjasama pelbagai badan bukan kerajaan (NGO) boleh bergabung dengan sektor korporat seperti Proton, TM Net dan Maxis menganjurkan pertandingan permainan tradisional dari peringkat sekolah, daerah, kebangsaan hinggalah ke peringkat antarabangsa. Dalam konteks ini, contoh yang terbaik ialah penganjuran Festival Layang-layang Antarabangsa di Pasir Gudang, Johor oleh kerajaan negeri Johor dengan kerjasama pelbagai badan korporat. Berdasarkan rekod yang ada, pertandingan layang-layang tersebut berjaya menarik peminat-peminat permainan layang-layang dari seluruh dunia untuk turut mengambil bahagian.

Konklusinya, semua etnik tidak sewajarnya membiarkan khazanah budaya mereka termasuk permainan tradisional terus lenyap di muka bumi kerana warisan tersebut ialah khazanah dunia yang tidak ternilai harganya. Kita amat berharap semua pihak tetap teguh memelihara khazanah budaya ini pada setiap masa kerana generasi terkini hanya sekadar meminjam warisan bangsa yang mungkin menjadi sanjungan generasi mendatang.

BILANGAN 18
BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN
(30 Markah)

Dalam kesibukan sehari-hari, kita mungkin terlupa untuk memupuk ciri-ciri keperibadian luhur, baik untuk diri kita sendiri mahupun untuk anak-anak kita. Sebelum budaya masyarakat kita semakin merosot, kita harus sedar dan mempelajari serta mempraktikkan semula nilai-nilai dan budi bahasa warisan kita. Usaha ini harus dimulakan pada peringkat diri, sendiri, keluarga dan masyarakat.

Ulaskan pernyataan tersebut.

USAHA MEMPRAKTIKKAN NILAI-NILAI DAN BUDI BAHASA WARISAN KITA

Marcapada ini, amalan budi bahasa dalam masyarakat negara kita semakin luntur. Hal ini dikatakan demikian kerana sikap ibu bapa yang tidak prihatin terhadap kepentingan amalan berbudi bahasa dalam diri anak-anak mereka. Jika amalan budi bahasa ini tidak dipupuk maka negara kita akan dahagakan masyarakat yang saling bersatu padu. Oleh itu, amalan berbudi bahasa ini haruslah dipupuk sejak di bangku sekolah lagi kerana „melentur buluh biarlah dari rebungnya“. Peranan daripada pelbagai pihak amat penting dalam usaha untuk meningkatkan kesantunan berbahasa di Malaysia yang berbilang kaum. Dalam konteks ini, peranan vital yang dimainkan oleh institusi keluarga untuk menyuntik amalan berbudi bahasa yang luhur dalam sanubari dan jiwa raga generasi muda yang bakal menerajui pelapis kepimpinan negara memang tidak dapat dinafikan. Bagaimanakah cara-cara untuk memupuk amalan budi bahasa ini daripada terus hilang dimamah zaman?

Dalam usaha untuk meningkatkan kesantunan berbahasa di negara kita, ibu bapalah yang memainkan peranan yang penting untuk mendidik anak-anak sejak kecil. Dengan adanya didikan ibu bapa, maka anak akan memiliki amalan budi bahasa dalam diri sendiri mereka. Selain itu, ibu bapa juga harus menunjukkan teladan yang baik kepada anak-anak mereka. Contohnya, apabila ibu bapa menghormati orang tua di hadapan anak mereka, anak mereka akan secara semula jadinya mengikuti perbuatan ibu bapa mereka kerana „bapa borek anak rintik“. Ibu bapa harus menasihati anak mereka supaya menghormati ahli keluarga yang lebih tua seperti datuk dan nenek. Mereka juga perlu mengajar anak supaya menggunakan panggilan yang betul semasa berada di rumah. Ibu bapa mestilah sentiasa membawa mereka untuk mengikuti program seperti kempen dan ceramah yang dianjurkan oleh pihak tertentu yang menjurus kepada usaha untuk memupuk nilai-nilai murni. Jika ibu bapa hanya mengambil ringan akan masalah yang sedang melanda negara kita sekarang maka negara kita akan mengalami satu masalah besar yang akan menyerang negara pada masa akan datang bak kata pepatah “api kecil baik dipadam“. Oleh itu, peranan ibu bapa dalam menangani masalah ini amat diperlukan kerana setiap pembelajaran itu bermula dari rumah dan ibu bapa haruslah sabar dalam mendidik anak-anak kerana „belakang parang jika diasah tajam juga“.

Selain pihak ibu bapa, pihak sekolah juga memainkan peranan untuk meningkatkan amalan budi bahasa di negara kita. Pihak sekolah seperti kelab bimbingan dan kauseling boleh memberi nasihat kepada pelajar agar sentiasa mengamalkan nilai-nilai murni seperti rajin, tanggungjawab dan sebagainya dalam rutin kehidupan mereka. Cara ini dapat

membolehkan pelajar menjadi pelajar yang cemerlang. Guru haruslah memberi didikan moral kepada murid supaya mereka dapat menghayati 36 nilai murni yang terkandung dalam sukatan pelajaran Pendidikan Moral misalnya nilai amanah, nilai kesederhanaan dan lain-lain. Nilai-nilai moral dapat menjadikan pelajar sebagai seorang modal insan yang berakhlak mulia dan juga beradab sopan. Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamed pernah menyatakan bahawa kita perlu mencontohi sikap masyarakat Jepun. Walaupun negara mereka semakin maju, namun, masyarakatnya masih mengekalkan nilai-nilai murni di samping mengamalkan budaya dan adat resam bangsa mereka. Mereka percaya bahawa dengan mengenali asal usul bangsa serta keindahan bahasa dan budaya mereka, mereka dapat melahirkan rakyat yang tinggi semangat cinta akan negaranya. Semangat inilah yang membawa negara mereka kepada kemajuan kerana rakyatnya sanggup berkorban jiwa dan raga demi negara yang tercinta. Jelaslah bahawa dalam usaha untuk memupuk amalan budi bahasa, sekolah memainkan peranan yang penting juga

Seterusnya, pihak kerajaan memainkan peranan dalam meningkatkan kesantunan berbahasa di negara kita yang terdiri daripada pelbagai kaum seperti orang Melayu, orang Cina dan juga orang India. Pihak kerajaan boleh mengadakan kempen kesedaran atau ceramah untuk memberi kesedaran kepada masyarakat supaya mereka dapat menyedari bahawa betapa penting sesebuah masyarakat perlu mengamalkan amalan budi bahasa. Hal ini dikatakan demikian kerana kempen-kempen yang diadakan mampu menyedarkan masyarakat tentang kepentingan amalan ini dipraktikkan dalam kehidupan seharian kita. Masyarakat pada hari lebih mudah dipengaruhi dan dikuasai dengan kempen-kempen yang diadakan. Contoh kempen yang boleh dianjurkan untuk meningkatkan kesantunan berbahasa ialah Kempen Budi Bahasa dan Marilah Berbudi Bahasa. Kempen budi bahasa dan nilai-nilai murni ini merupakan agenda penting kerajaan untuk menyemarakkan dan menyemai semula budi bahasa dan nilai-nilai murni ke dalam jiwa setiap rakyat Malaysia. Kempen ini haruslah dilakukan secara berterusan dan janganlah sekadar „hangat-hangat tahi ayam“. Kita telah menjadikan amalan budi pekerti sebagai satu asas dan tunjang dalam pelbagai dasar dan falsafah pembangunan negara, dari Rukun Negara sehinggalah kepada Wawasan 2020. Pada 27 Januari 2006, Menteri Penerangan, Datuk Seri Abdul Kadir Sheikh Fadzir telah melancarkan Kempen Rukun Negara yang merupakan anjuran Kementerian Penerangan Malaysia. Jelaslah bahawa aspirasi kita dalam bidang pembangunan minda dan rohaniah tidak sejajar dengan realiti kehidupan kita masa kini. Pada 11 Februari 2005, Kementerian Kebudayaan dan Warisan (KEKWA) telah melancarkan kempen Budi Bahasa dan Nilai Murni. Kempen Budi Bahasa dan Nilai Murni sama sekali tidak diwujudkan kalau masyarakat kita berbudi bahasa selayaknya. Terdapat kajian yang telah didapati iaitu Kuala Lumpur telah menjadi bandar raya yang kedua paling biadab. Kajian ini amat membimbangkan. Oleh itu, kempen seumpama ini haruslah diadakan secara berterusan serta giat dan bukannya sekadar „melepaskan batuk di tangga“. Oleh itu, diharapkan kempen yang bersungguh-sungguh ini dapat menyemarakkan dan menyemai semula budi bahasa dan nilai-nilai murni dalam jiwa setiap rakyat Malaysia serta meletakkan budi pekerti sebagai satu asas dan tunjang dalam kehidupan seharian kita.

Langkah yang boleh dilakukan untuk membanteras masalah ini ialah melalui media massa. Pada zaman yang menuju puncak ini, semua informasi-informasi yang berlaku di dunia ini mudah didapati kerana kemudahan seperti internet, televisyen dan banyak lagi memberi kita peluang untuk menerokai hal-hal yang berlaku pada masa sekarang. Video atau iklan yang ditayangkan melalui media massa seperti televisyen berupaya untuk mempengaruhi sikap seseorang. Oleh hal demikian, sudah tentulah usaha untuk memupuk nilai murni ini boleh dilakukan melalui media massa. Untuk merealisasikan impian ini, pihak media massa haruslah bekerjasama dalam menjayakan program ini dan sentiasa berjuang untuk kedaulatan negara. Seperti yang sedia kita maklum, televisyen menjadi daya tarikan yang popular dalam kalangan masyarakat di negara kita. Oleh itu, pihak syarikat televisyen haruslah sentiasa memaparkan kebaikan budi bahasa dan kepentingan nilai-nilai murni melalui iklan-iklan di televisyen. Jika pihak media massa tidak bekerjasama dalam mengatasi masalah ini maka amat sukar untuk mewar-warakan masalah yang sedang dihadapi ini kepada masyarakat. Oleh itu, pihak media massa menjadi tempat untuk mendapatkan pertolongan bagi menyelesaikan masalah ini bak kata pepatah "yang berpayung yang ditembak".

Masyarakat Malaysia tanpa mengira agama, bangsa dan budaya haruslah memberikan kerjasama kepada pihak kerajaan yang telah berusaha untuk menggunakan pelbagai jenis cara untuk meningkatkan kesantunan berbahasa di negara kita. Masyarakat sepatutnya mengamalkan nilai bekerjasama dan sanggup bertolak ansur untuk mengelakkan perselisihan faham dan pertelingkahan berlaku. Penerapan nilai-nilai ini dalam diri masyarakat dapat menjadikan Malaysia sebagai negara yang aman dan damai. Masyarakat generasi yang lebih tua yang mengamalkan amalan budi bahasa juga dapat mempengaruhi sikap generasi muda pada hari ini. Masyarakat pada hari ini harus mengamalkan amalan senyum kepada orang lain tanpa mengira kaum. Senyum merupakan satu aksi yang paling mudah. Malah budi bahasa yang paling asas iaitu melemparkan senyuman dan mengucapkan terima kasih masih sukar dilihat dalam masyarakat kini. Pihak berkuasa boleh mengadakan kempen 'Kenali Saya' bagi anggota penguatkuasaan dan perkhidmatan kaunter supaya mengamalkan budaya senyum, memperkenalkan diri dan mengucapkan terima kasih. Apabila seseorang itu senyum, orang itu akan nampak mesra dan beradab sopan. Tegasnya, masyarakat berbilang kaum harus berganding bahu bersam untuk meningkatkan kesantunan berbahasa di negara kita.

Sudah terang lagi bersuluh bahawa dapat disimpulkan bahawa amalan budi bahasa amat mustahak untuk negara mencapai taraf negara maju. Pepatah peribahasa „yang merah itu saga, yang kurik itu kendi, yang indah itu bahasa, yang elok itu budi“, bermaksud kepentingan berbudi bahasa dalam kehidupan masyarakat kita. Pepatah ini juga mengatakan bahawa budi bahasa tidak boleh dijual beli dengan sesuka hati. Kita haruslah bersatu padu dalam menangani masalah keruntuhan amalan budi bahasa yang kian serius dalam kalangan masyarakat di negara ini. Semua pihak mestilah memainkan peranan yang penting dalam memupuk nilai-nilai murni dalam kalangan masyarakat, bak kata pepatah "bersatu kita teguh, bercerai kita roboh". Kita haruslah memupuk amalan berbudi bahasa ini di dalam diri kita kerana tidak rugi seseorang itu yang mempunyai nilai-nilai murni kerana „hancur badan dikandung tanah, budi baik dikenang juga“. Menjelang tahun 2020, tabiat buruk seperti kegiatan gengsterisme dan bercakap kasar sudah hapus dalam pemikiran setiap rakyat

Malaysia supaya negara akan lebih cemerlang,gemilang dan terbilang.Biarlah pepohon terus bergoyang, biarlah matahari terus bersinar dan biarlah negara Malaysia terus disegani kerana ketinggian budi bahasa rakyatnya.

**NASKHAH
CALON**

BILANGAN 26
BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN
[30 MARKAH]

Cara hidup moden merupakan penyumbang utama kerosakan alam sekitar.
Bincangkan.

DUNIA akan menyambut Hari Alam Sekitar Sedunia esok, 5 Jun 2015 dalam suasana ketidaktentuan fenomena yang belum pernah dialami sebelumnya - daripada banjir besar, hujan lebat luar biasa, suhu panas dan sejuk melampau, angin puting beliung, siri ribut taufan hinggalah penyeludupan dan pembunuhan mangsa pemerdagangan manusia yang begitu menyedihkan.

Tema sambutan Hari Alam Sekitar tahun ini ialah 'Seven Billion Dreams, One Planet, Consume With Care'. Seramai tujuh bilion penduduk dunia menghuni satu-satunya planet bumi yang memberikan penghidupan kepada manusia, flora, fauna dan lain-lainnya. Semua dianjurkan menggunakan segala isi bumi dengan berhemah, beretika, menggunakan segala sumber dengan cekap, tidak melakukan pembaziran yang berterusan dan penggunaannya secara lestari.

Di negara ini pula, saban hari alam sekitar kita mengalami pencemaran pelbagai bentuk dan dimensi - daripada pencemaran udara, air, bunyi bising sehinggalah pencemaran sampah sarap yang seolah-olah tiada penghujungnya, walaupun sudah banyak kempen pendidikan dan kesedaran alam sekitar dalam pelbagai bentuk penerangan, bahan bacaan, media cetak dan sosial diusahakan pelbagai pihak bertanggungjawab.

Namun, usaha murni dijalankan itu seperti mencurahkan air ke daun keladi, walaupun jutaan ringgit dilaburkan untuk kempen berkenaan. Tahap kesedaran masyarakat mengenai kepentingan menjaga alam sekitar masih pada tahap begitu rendah dan hampir mengecewakan.

Sikap tamak

Di satu pihak, pencemaran yang dilakukan melalui penebangan hutan secara tidak terkawal terutama di kawasan pergunungan dan kawasan tadahan air disebabkan sikap ketamakan terhadap wang ringgit yang dapat dikaut begitu mudah melalui perdagangan kayu hutan yang dibalok secara haram.

Tuntutan dan desakan ekonomi keterlaluan mengakibatkan tahap kesedaran menjaga kepentingan hutan terabai begitu sahaja. Pengetahuan mengenai kepentingan hutan sudah tersemat dalam diri, namun kehendak naluri yang melewati kepentingan alam sekitar iaitu kepentingan ekonomi menjadi punca utama kesedaran itu dikesampingkan.

Di pihak lain pula, pembuangan sampah merata-rata disebabkan sikap kurang prihatin terhadap kesan yang mungkin timbul akibat pembuangan sampah terhadap ekosistem lain terutama sungai dan marin yang akan tercemar dan mengakibatkan kepupusan hidupan akuatik. Ia sudah pasti akan menjejaskan pula kehidupan dan kesejahteraan masyarakat kerana tidak lagi dapat menikmati hasil yang disediakan melalui perkhidmatan ekosistem sungai dan marin itu.

Kesedaran masyarakat dilihat berada pada tahap terlalu rendah apabila tanpa segan silu mencampak sampah ke luar kereta yang dipandu. Begitu juga tindakan membuang sampah merata-rata dengan andaian akan ada pihak yang mengambil peranan membersihkan dan

menguruskan sampah sarap itu. Anggaran sampah yang dibuang masyarakat Malaysia melebihi 30,000 tan sehari.

Di sisi lain pula, kesedaran dan kepekaan mengenai sesuatu kejadian yang berlaku di sekeliling kita mungkin disebabkan ketidakprihatinan lantas kurangnya kefahaman mengenai hubung kait dalam sistem ekologi. Sebagai contoh, apabila terpancang paip air pecah dan airnya melimpah keluar, berapa ramai yang sebenarnya menyedari akan kerugian yang diakibatkan paip air pecah itu dengan mengambil tindakan tertentu.

Dalam beberapa kes yang saya perhatikan, orang ramai hanya memerhatikan sahaja tanpa mengambil sebarang inisiatif menghentikan air yang mengalir, melainkan jika limpahan air itu menyebabkan kesesakan lalu lintas atau sebagainya.

Pendidikan alam sekitar yang selama ini diterapkan dalam kalangan pelajar sekolah, sama ada secara formal mahupun tidak formal dilihat belum mencapai matlamatnya dan menuntut kepada perubahan dan pendekatan baharu.

Jika dibahagikan masyarakat Malaysia kepada lima kumpulan iaitu masyarakat awam, pelajar sekolah dan penuntut institusi pengajian tinggi, industri serta agensi kerajaan, dalam satu kajian yang dijalankan mendapati tahap kesedaran masih rendah dalam kalangan masyarakat awam itu sendiri. Ini belum lagi membabitkan pendatang asing yang turut menyumbang kepada pencemaran alam sekitar di negara kita.

Revolusi pemikiran alam sekitar

Justeru, apakah pendekatan yang boleh digunakan untuk meningkatkan kesedaran yang membawa kepada tindakan untuk memulihara alam sekitar kita? Satu daripadanya menuntut kepada revolusi pemikiran alam sekitar. Program transformasi minda yang dilakukan SWCorp misalnya dengan mengenengahkan idea pembaziran yang dilakukan masyarakat Malaysia yang menyebabkan kerugian jutaan ringgit dijadikan perkara utama dalam membentuk dan mengubah pemikiran terhadap kepentingan penjagaan alam sekitar ini.

Bukan sahaja kerugian yang diserlahkan, tetapi juga keuntungan yang bakal diperoleh daripada sampah sarap yang dibuang untuk diubah guna menjadi bahan yang dapat memberikan keuntungan ekonomi melalui proses kitar semula dan sebagainya.

Justeru, melalui tindakan dan perubahan pemikiran ini akan dapat membawa masyarakat kita ke tahap lebih tinggi aras kesedaran, iltizam dan tindakannya.

jihdsbvjidsbjovbdsjkvbdsjkbvjs
kdbvjewkbcjkwdbkacsjkjkcssb
jdbscjohcdsdojshcdsojhcoiss

BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN

[30 markah]

NASKHAH CALON**(TEMA : ALAM SEKITAR)**

Pencemaran alam sekitar di negara kita semakin serius dan mendatangkan kesan negatif kepada kehidupan manusia.

Bincangkan.

NASKHAH PENTAKSIR**(TEMA : ALAM SEKITAR)**

Pencemaran alam sekitar di negara kita semakin serius dan mendatangkan kesan negatif kepada kehidupan manusia.

Bincangkan.

CADANGAN IDEA

Pencemaran alam sekitar yang berlaku pada masa ini telah mendatangkan beberapa keburukan kepada masyarakat dan negara. Banyak masalah yang telah timbul akibat daripada pencemaran alam sekitar.

Pencemaran alam sekitar yang berlaku boleh mendatangkan banyak penyakit kepada manusia. Hal ini dikatakan demikian kerana alam sekitar yang kotor akan menyebabkan pelbagai jenis serangga yang membawa penyakit seperti nyamuk aedes dapat membiak dengan lebih banyak. Umum mengetahui bahawa gigitan nyamuk aedes ini boleh menyebabkan penyakit demam denggi, manakala, udara yang tercemar pula akan menyebabkan masalah pernafasan seperti penyakit asma.

Selain itu, pencemaran alam sekitar juga akan menyebabkan bencana alam. Sebagai contoh, pencemaran di daratan boleh menyebabkan banjir lumpur apabila hujan turun dengan lebat. Bencana alam seperti tanah runtuh boleh berlaku apabila kawasan tanah tinggi telah digondolkan untuk membina kawasan perumahan atau kawasan perindustrian. Selain itu, kejadian banjir kilat juga berpunca daripada kegiatan pembuangan sampah ke dalam sungai hingga menyebabkan pengaliran air sungai ke laut terhalang oleh sampah sarap tersebut.

Pencemaran alam sekitar juga boleh menyebabkan keseimbangan alam sekitar terjejas. Apabila banyak hutan ditebang, kandungan gas oksigen akan berkurangan manakala kandungan karbon dioksida pula meningkat. Pencemaran udara juga akan menyebabkan berlakunya hujan asid. Selain itu menurut kajian, cuaca dunia yang tidak menentu disebabkan oleh kadar pencemaran alam yang semakin bertambah.

Pencemaran alam sekitar yang berlaku juga boleh menyebabkan sektor pelancongan negara terganggu. Hal ini dikatakan demikian kerana banyak tempat menarik telah tercemar dengan sampah sarap. Pantai-pantai yang cantik juga telah tercemar dengan minyak hitam daripada kapal-kapal laut. Oleh itu, para pelancong tidak mahu datang ke kawasan pelancongan ini dan kerajaan terpaksa mengeluarkan wang yang banyak untuk membersihkan tempat-tempat pelancongan ini.

BILANGAN 18

BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN

(30 Markah)

Mobiliti Hijau merujuk pergerakan manusia yang mesra alam sekitar. Mobiliti Hijau ialah peralihan daripada kenderaan yang berasaskan bahan bakar petrol atau disel kepada penggunaan mod pengangkutan yang mesra alam sekitar dan menggunakan teknologi hijau. Mobiliti hijau membabitkan pengangkutan persendirian, pengangkutan awam dan pengangkutan aktif tanpa motor.

Bincangkan kesan-kesan mobiliti hijau terhadap kesejahteraan masyarakat dan negara.

TEKNOLOGI HIJAU

Apabila sesebuah negara semakin pesat membangun, populasinya semakin meningkat. Ini menyebabkan kadar permintaan terhadap sesuatu keperluan adalah tinggi. Gaya hidup manusia yang mahukan kehidupan lebih baik seperti rumah, bekalan elektrik dan air, kereta dan lain-lain menyebabkan permintaan terhadap sumber semula jadi semakin meningkat.

Pengurusan sumber semula jadi yang tidak terancang seperti pembalakan tidak terkawal, penerokaan tanah secara berleluasa, pelepasan gas karbon dioksida ke atmosfera, pembuangan sisa pepejal dan sebagainya menyebabkan pencemaran. Jika pengurusan sumber semula jadi ini tidak diuruskan dengan baik, ia turut menjejaskan kualiti hidup manusia dan alam sekitar.

Justeru, masyarakat dunia kini menghadapi dua cabaran utama, iaitu isu perubahan iklim dan keselamatan tenaga. Kedua-dua isu ini harus ditangani secara kolektif dan efektif. Satu pendekatan yang kritis amatlah penting.

Berdasarkan keperluan ini, teknologi hijau menjadi portfolio Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, (KeTHHA) yang ditubuhkan pada 9 April 2009. Teknologi hijau mempunyai peranan strategik yang lebih jauh daripada setakat mencapai autonomi tenaga dan menangani perubahan cuaca.

Teknologi hijau turut membantu pembangunan masyarakat berilmu yang mendorong ke arah mempraktikkan tenaga lestari dan cara hidup lebih baik. Kita boleh hidup lebih lestari jika kita menjadi seorang yang lebih celik alam sekitar, belajar daripada alam semula jadi, hidup dengan lebih sederhana dan menjadi rakyat yang aktif dalam membangunkan alam sekitar.

Teknologi hijau adalah pembangunan dan aplikasi produk, peralatan serta sistem untuk memulihara alam sekitar dan sumber semula jadi, dan meminimumkan kesan negatif daripada aktiviti manusia.

Teknologi hijau merujuk produk, peralatan atau sistem yang memenuhi kriteria seperti meminimumkan degradasi kualiti persekitaran, mempunyai pembebasan gas rumah hijau yang rendah atau sifar, selamat untuk digunakan dan menyediakan persekitaran sihat dan lebih baik untuk semua hidupan, menjimatkan tenaga dan sumber asli dan menggalakkan sumber yang boleh diperbaharui.

Ia adalah teknologi rendah karbon dan lebih mesra alam berbanding dengan teknologi sedia ada. Apabila kita menggunakan teknologi hijau, kita menggunakan sumber-sumber seperti tenaga, air dan sebagainya secara minimum untuk menghasilkan sesuatu produk.

Dasar Teknologi Hijau

Dasar Teknologi Hijau Negara (DTHN) dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak pada Julai 2009 dan menekankan aspek pemacuan pertumbuhan ekonomi negara dan

pembangunan mapan. Pembangunan mapan hendaklah memenuhi keperluan masyarakat masa kini tanpa mengabaikan keperluan generasi akan datang.

Ia adalah berasaskan empat tunggak iaitu tenaga, alam sekitar, ekonomi dan sosial. Dari aspek tenaga, teknologi hijau mencari kaedah untuk mengurangkan penggunaan tenaga dan pada masa sama mempromosikan kecekapan guna tenaga. Dari aspek alam sekitar, kesan kepada alam sekitar dapat diminimumkan dan dipelihara.

Dari aspek ekonomi, teknologi hijau meningkatkan pembangunan ekonomi negara melalui penggunaan teknologi. Dari segi sosial pula, kualiti hidup rakyat dapat dipertingkatkan.

Seperti kita semua sedia maklum, pemanasan global dikaitkan dengan kenaikan suhu dunia. Dunia dikatakan semakin hari semakin panas. Kenaikan elemen suhu di seluruh dunia ini berkait rapat dengan aktiviti manusia yang mengganggu keseimbangan sistem bumi khususnya sistem atmosfera.

Fenomena pemanasan global

Dari sudut imbangan haba, fenomena pemanasan global memberi makna wujudnya ketidakseimbangan dalam bajet haba. Input haba diterima oleh sistem bumi berlebihan berbanding outputnya. Justeru, kenaikan suhu pada semua skala sama ada mikro atau makro.

Mengikut Profesor James G Titus dari Agensi Perlindungan Alam Sekitar Amerika Syarikat: 'Terdapat peningkatan suhu dunia antara 0.4 hingga 0.5 darjah Celsius pada setiap lima tahun bermula pada tahun 1952. Dianggarkan antara tahun 1990 hingga 2025 suhu dunia akan meningkat antara 0.8 hingga 3.6 darjah Celsius.'

Pemanasan global terjadi melalui dua mekanisme penting iaitu melalui kesan rumah hijau dan juga penipisan lapisan ozon. Walaupun terdapat punca semulajadi, tetapi aktiviti manusia lebih banyak menyumbang terhadap kedua-dua mekanisme di atas. Kesan rumah hijau banyak disumbangkan oleh gas karbon dioksida.

Lantaran itu penekanan terhadap 'teknologi hijau' adalah alternatif tepat dalam menangani masalah kesan rumah hijau ini selaras dengan agenda utama kerajaan seluruh dunia pada masa kini yang memberi keutamaan kepada isu alam sekitar khususnya fenomena perubahan cuaca.

Kita sebagai penduduk dunia perlu bertanggungjawab untuk bersama-sama memainkan peranan dalam menjadikan dunia ini tempat yang lebih baik.

Seperti yang kita tahu, teknologi hijau adalah aplikasi sains alam sekitar untuk memulihara sumber dan alam semula jadi bagi menangani impak negatif aktiviti manusia seperti pengeluaran asap hitam yang membahayakan oleh kilang, penggunaan bahan bakar kenderaan bermotor, pemusnahan alam semula jadi, pencemaran sungai, pelepasan karbon ke udara dan sebagainya. Teknologi hijau adalah teknologi rendah karbon dan lebih mesra alam berbanding teknologi sedia ada.

Untuk menggalakkan pembangunan aktiviti teknologi hijau, kerajaan telah menyediakan insentif berikut:

- 1) Dalam Bajet 2010 memperuntukkan RM1.5 billion sebagai pinjaman mudah kepada pengeluar serta pengguna Teknologi Hijau di seluruh Negara melalui Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFS);
- 2) Pemilik bangunan yang memperoleh sijil Indeks Bangunan Hijau (GBI) mulai 24 Oktober 2009 hingga 31 Disember 2014 diberi pengecualian cukai pendapatan bersamaan perbelanjaan modal tambahan bagi memperoleh sijil berkenaan;
- 3) Pembeli rumah yang memperoleh sijil GBI daripada pemaju hartanah diberi pengecualian duti setem ke atas surat cara pindah milik; dan
- 4) Jumlah pengecualian adalah bersamaan dengan kos tambahan bagi memperoleh sijil berkenaan. Pengecualian ini adalah layak bagi pembeli yang menyempurnakan perjanjian jual beli mulai 24 Oktober 2009 hingga 31 Disember 2014.

Manfaat teknologi hijau

Umumnya, teknologi hijau memfokuskan kepada empat kebaikan. Dari aspek tenaga, teknologi hijau diharapkan dapat membantu mencari ketidakbergantungan tenaga dan mempromosikan kecekapan tenaga negara. Teknologi hijau merangkumi sumber tenaga seperti angin, air, solar, hibrid dan lain-lain yang bersumberkan alam semula jadi.

Teknologi hijau terbukti lebih cekap kerana ia boleh menjana tenaga dalam pelbagai keadaan dengan kos murah, selamat dan mesra pengguna. Ini dapat dibuktikan melalui pengalaman dan amalan di negara maju yang telah membangunkan industri ini sejak sekian lama.

Teknologi hijau dapat membantu memulihara dan meminimumkan kesan buruk kepada alam sekitar. Pencemaran udara, air, bunyi dan sebagainya akan menjejaskan kualiti hidup rakyat jika dibiarkan berterusan. Apabila kita menggunakan teknologi hijau, kesan negatif terhadap alam sekitar adalah minimum. Ia dapat meningkatkan dan melindungi ekosistem dan kepelbagaian hidup, meningkatkan kualiti udara dan air, mengurangkan pembuangan bahan tercemar dan melindungi sumber semula jadi.

Dari aspek ekonomi, teknologi ini mampu meningkatkan pembangunan ekonomi negara melalui penggunaan teknologi dan meningkatkan kualiti hidup untuk semua kehidupan manusia dan biodiversiti umumnya.

Teknologi hijau mempunyai potensi besar dalam memacu pembangunan negara. Ia dapat membantu mengurangkan kos operasi, meningkatkan nilai aset dan keuntungan. Teknologi ini juga dapat meningkatkan produktiviti dan kepuasan pekerja. Industri yang menggunakan atau membangunkan produk berhubung teknologi hijau dapat menyediakan peluang pekerjaan untuk masyarakat tempatan. Prestasi kitar hidup ekonomi juga dapat dioptimumkan.

Kita boleh juga meneroka peluang mengeksport produk 'hijau' yang telah kita hasilkan. Pasaran untuk teknologi dan produk hijau amat besar, khususnya dalam sektor tenaga boleh diperbaharui. Contohnya, industri solar photovoltaic telah dikenal pasti sebagai sumber pertumbuhan ekonomi baru untuk Malaysia.

Dari segi komuniti, teknologi hijau dapat meningkatkan kualiti udara, terma dan bunyi persekitaran. Contoh, penggunaan kereta enjin hibrid. Hal ini dapat meningkatkan keselesaan dan kesihatan penghuni bandar, mengurangkan masalah infrastruktur tempatan dan meningkatkan kualiti hidup.

Antara bangunan hijau di Malaysia ialah Pusat Tenaga Malaysia (PTM), iaitu bangunan hijau berkonsepkan bangunan tenaga rendah dan mesra alam, selain dilengkapi sistem building integrated photovoltaic (BIPV) yang mesra alam kerana tidak mencemar selain mengurangkan penggunaan tenaga daripada sumber bahan api fosil.

Tonggak utama DTHN meliputi tenaga, alam sekitar, ekonomi dan sosial. Walau bagaimanapun, kesungguhan kerajaan menggerakkan pembangunan dan penggunaan teknologi hijau tidak akan menghasilkan impak yang diharapkan tanpa bantuan dan kesedaran rakyat.

Berikutan itu, dana sebanyak RM20 juta diperuntukkan kerajaan untuk memperhebat aktiviti kesedaran rakyat mengenai perlunya menghijaukan persekitaran dan mengamalkan budaya hidup yang mesra alam. Ini selaras dengan strategi pelaksanaan DTHN iaitu mempertingkatkan promosi dan kesedaran awam mengenai teknologi hijau dan kepenggunaannya.

Langkah kerajaan memajukan teknologi hijau

Usaha ini juga sejajar dengan keputusan mewujudkan dana berjumlah RM1.5 bilion dalam memajukan pembekalan dan penggunaan teknologi hijau. Melalui dana ini, syarikat pengeluar dan pengguna teknologi hijau dapat membuat pinjaman untuk membiayai aktiviti yang menyokong pertumbuhan industri teknologi hijau. Pinjaman maksimum untuk syarikat pengeluar sehingga RM50 juta dan syarikat pengguna sehingga RM10 juta membuktikan bahawa kerajaan benar-benar komited memajukan industri ini.

Kerajaan turut menanggung dua peratus daripada jumlah kadar faedah pinjaman tersebut dengan nisbah jaminan 60 peratus dan institusi perbankan 40 peratus. Permohonan pinjaman pula boleh dibuat melalui Pusat Teknologi Hijau Negara. Skim ini yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2010 memberikan faedah kepada lebih daripada 140 syarikat.

Beberapa langkah diambil memperkukuh struktur pelaksanaan dan pembangunan teknologi hijau serta mengantarabangsakan potensi penggunaannya.

Misalnya, dalam Bajet 2010 kerajaan menstrukturkan semula Pusat Tenaga Malaysia menjadi Pusat Teknologi Hijau Negara. Pusat ini bertanggungjawab sepenuhnya dalam menyediakan

pelan tindakan pembangunan teknologi hijau dan berperanan sebagai agensi yang menetapkan piawaian dan mempromosi teknologi hijau.

Strategi mewujudkan persekitaran kondusif bagi pembangunan teknologi hijau juga penting. Strategi ini pastinya tidak berjaya dilaksanakan tanpa instrumen ekonomi yang inovatif. Strategi ini juga sukar dilaksanakan tanpa sebarang dana untuk menggalakkan usaha merencanakan promosi terutama untuk menarik pelaburan langsung asing dalam industri teknologi hijau dan merangsang pelaburan langsung domestik industri tempatan.

Strategi mewujudkan persekitaran kondusif ini penting dalam usaha menjadikan Malaysia pangkalan teknologi hijau serantau khususnya bagi tenaga yang boleh diperbaharui seperti teknologi solar fotovoltanik. Begitu juga galakan fiskal dan peruntukan bajet diperlukan untuk melaksanakan program latihan dan pendidikan bagi merangsang pembangunan modal insan dalam industri teknologi hijau.

Selain itu, dana juga diperlukan bagi menyediakan bantuan kewangan dan insentif untuk menggalakkan pelajar di institusi pengajian tinggi memilih bidang pengajian yang berkaitan dengan teknologi hijau.

Kejayaan DTHN turut dipengaruhi ketelusan dan kecekapan pentadbiran dan pengurusan pelaksanaan. Sehubungan itu, strategi membabitkan langkah memperkukuh rangka kerja pada peringkat institusi seperti kementerian, agensi, sektor swasta, dan pihak yang berkepentingan.

Untuk menjayakan strategi ini, kerajaan menubuhkan Majlis Teknologi Hijau yang bertujuan memastikan penyelarasan pada peringkat tertinggi bagi mengimplementasikan dasar yang cekap. Majlis ini dipengerusikan Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri secara bergilir-gilir. Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air pula memainkan peranan utama menyelaraskan dan mempermudah peranan semua pihak berkepentingan demi kejayaan pelaksanaan teknologi hijau.

Aplikasi Teknologi Hijau adalah selaras dengan konsep pembangunan mapan yang mana pembangunan dilaksanakan perlu memenuhi keperluan semasa tanpa menjejaskan keperluan generasi masa depan. Sehubungan itu, kita bertanggungjawab memastikan generasi akan datang dapat sekurang-kurangnya menikmati kualiti kehidupan yang kita peroleh sekarang atau kualiti lebih baik dari sekarang.

**NASKHAH
CALON**

BILANGAN 12
BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN
[30 MARKAH]

Perkembangan sains dan teknologi merujuk perubahan dalam penghasilan alat-alat yang memudahkan kehidupan manusia. Produk seperti kereta, komputer, televisyen dan telefon bimbit menjadi bukti perkembangan sains dan teknologi tersebut. Sesungguhnya, kemajuan dalam bidang ini mendatangkan banyak kebaikan kepada manusia.

Bincangkan.

PERKEMBANGAN SAINS DAN TEKNOLOGI

Sains dan teknologi dilihat sebagai satu perkara yang prima dalam kehidupan manusia sejak memasuki abad ke 21. Perkembangannya dilihat tumbuh ibarat cendawan selepas hujan apabila kos menggunakan teknologi semakin berpatutan dan dikomersialkan sesuai dengan kehidupan manusia. Mungkin kehadiran teknologi pada zaman dahulu tidak mempunyai ekosistem yang seimbang untuk disokong. Kini, perkembangan yang pesat dirai malah menjadi perlumbaan antara negara-negara maju seperti Amerika Syarikat dan Jepun. Pelbagai manfaat yang diperoleh kesan daripada perkembangan terhadap kehidupan manusia. Ada juga yang mendatangkan mudarat tetapi sebagai masyarakat yang berminda kelas pertama, kita perlu membuang yang keruh dan mengambil yang jernih. Oleh itu, wajar untuk kita bincangkan apakah kepentingan sains & teknologi dalam kehidupan manusia?

Isi 1

Antara kepentingannya adalah memudahkan komunikasi antara manusia. Dalam mendepani era globalisasi ini, kita dapat berhubung dengan semua manusia di segenap pelusuk dunia walaupun berbeza bahasa dengan adanya teknologi. Perbezaan bahasa yang sebelum ini perlu mengambil masa yang lama untuk dipelajari boleh diselesaikan dalam beberapa saat sahaja. Impaknya, pelbagai ilmu, budaya dan juga perkara-perkara lain dapat dikongsi dan dimanfaatkan bersama-sama. Selain itu, kita juga dapat berhubung antara satu sama lain tanpa mengira masa dan jarak pada hari ini dan kesannya bukan sahaja pada sektor ekonomi malah mengubah cara sosial masyarakat masa kini. Misalnya penggunaan aplikasi Whatsapp yang membolehkan kita menghantar mesej atau membuat panggilan video kepada kenalan kita hasil daripada ciptaan teknologi dan penggunaan sains yang difahami oleh manusia hari ini. Bak kata pepatah Melayu, lain dahulu lain sekarang. Intihannya, perkembangannya membuka ruang komunikasi antara manusia yang tidak pernah dibayangkan pada zaman dahulu.

Isi 2

Di samping itu, hasil perkembangannya telah menyumbang kepada kemajuan industri kesihatan secara global. Pelbagai ubat dan rawatan baharu yang dapat dihasilkan bagi merawat pesakit-pesakit yang menghadapi pelbagai jenis penyakit. Ia juga membantu dalam mencegah penyakit-penyakit berjangkit daripada menular dan mengorbankan ribuan nyawa manusia seperti zaman dahulu. Kini, ia telah menjadikan makmal perubatan sebuah institusi yang penting bagi manusia untuk mengkaji dan mencari penawar kepada penyakit-penyakit yang memudaratkan kehidupan manusia. Selain itu, kolaborasi antara sains & teknologi juga menyumbang kepada obeservasi kesihatan sendiri apabila jam tangan pintar berjaya dicipta. Pemakai jam tangan ini dapat melihat kadar degupan jantung yang memberi indikasi kepada tahap kesihatan seseorang individu. Sekiranya setiap individu dapat menggunakan jam ini dan menjaga kesihatan secara sendiri, ia pasti dapat melahirkan masyarakat yang sihat dan sejahtera. Izharnya, pelbagai manfaat dari sudut kesihatan yang kita peroleh hasil daripada perkembangan sains & teknologi. Kita hendaklah menyediakan payung sebelum hujan supaya tidak kesal dikemudian hari.

Isi 3

Kepentingan lain yang ketara hasil daripada perkembangan sains & teknologi adalah meningkatkan sektor pendidikan. Sebelum ini, pendidikan khususnya di peringkat tertiar menggunakan kaedah yang mengambil masa yang lama kerana pelajar perlu menelaah dan mentafsir buku-buku yang berkaitan untuk menghasilkan laporan atau menyiapkan tugas. Tetapi dengan kemudahan Internet, pelajar boleh menyediakan laporan atau menyiapkan tugas dalam tempoh masa yang lebih pantas. manakal bagi pelajar di peringkat rendah, pendidikan secara interaktif semakin diketengahkan supaya dapat menarik minat pelajar. Ia bukan sahaja memberi kesan terhadap ilmu dan pengetahuan pelajar malah membantu mereka untuk berfikir secara kreatif dan inovatif. Pada masa akan datang, tiada lagi pembelajaran yang membosankan dan kanak-kanak dapat menikmati ilmu dan pengetahuan dalam bentuk yang mereka sukai. Justifikasinya, dengan adanya perkembangan sains & teknologi maka pendidikan dapat ditambah baik dan memberi kesan yang positif serta efisien kepada masyarakat. Hal ini demikian kerana, laut yang ditimba tidak akan kering.

Isi 4

Pada waktu yang sama, pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar dapat direalisasikan dengan perkembangan sains & teknologi. Saban hari kita disiarkan dengan berita bencana alam yang menimpa kawasan tertentu seperti pembakaran hutan semulajadi, tanah runtuh, banjir kilat dan ribut yang luar biasa. Para saintis telah pun menyatakan sejak beberapa tahun dahulu bahawa ekosistem dunia menjadi tidak seimbang dek kerana ketamakan manusia mengejar pembangunan tanpa memikirkan kesannya. Perindustrian, pembuangan sampah dan pelbagai lagi masalah yang menyumbang kepada pemanasan global serta efek rumah hijau yang mengganggu ekosistem bumi. Maka, sains & teknologi adalah penyelamat kepada spesies manusia jika ingin terus menetap di muka bumi ini. Ciptaan teknologi yang mesra alam dan alternatif kepada sumber boleh diperbaharui perlu disokong supaya sumber alam yang tidak boleh diperbaharui, tidak dimusnahkan. Tamsilnya, penggunaan kereta elektrik yang mengurangkan penghasilan karbon serta menggunakan tenaga boleh diperbaharui. Tuntasnya, perkembangan sains & teknologi penting dalam mengekalkan khazanah alam yang kita miliki hari ini demi masa hadapan kerana generasi hari ini hanyalah menumpang sumber dan khazanah yang dimiliki generasi akan datang.

Penutup

Kesimpulan kepada perbincangan di atas, sains & teknologi adalah komponen yang mustahak dalam kehidupan manusia serta memainkan peranan yang penting dalam kelangsungan hidup manusia. Sinergi antara dua komponen ini dapat membawa ketamadunan manusia ke satu tahap yang lebih tinggi. Persis kata peribahasa Melayu, kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya. Namun begitu, dalam mengejar kemajuan diharapkan usaha untuk memastikan ia dimanfaatkan oleh segenap pelusuk manusia tanpa mengira darjat atau latar belakang juga diberi perhatian. Masih banyak negara yang ketinggalan dari segi aplikasi sains & teknologi. Sekiranya sains & teknologi tersebut penting untuk kebajikan manusia seperti penghasilan air bersih dan pertanian yang efisien maka ia wajar disokong serta diberikan secara percuma atas dasar kemanusiaan. Semoga sains & teknologi menjadi komponen yang dimanfaatkan oleh manusia untuk kebaikan dan bukannya kemudaratatan.

BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN
[30 *markah*]

NASKHAH CALON

(TEMA : SOSIAL)

Semangat kejiranan kian luntur dalam norma masyarakat kini. Masalah ini tidak boleh dipandang sepi kerana semangat ini mendatangkan pelbagai kebaikan dalam pembangunan Keluarga Malaysia.

Ulaskan pernyataan tersebut.

NASKHAH PENTAKSIR

(TEMA : SOSIAL)

Semangat kejiranan kian luntur dalam norma masyarakat kini. Masalah ini tidak boleh dipandang sepi kerana semangat ini mendatangkan pelbagai kebaikan dalam pembangunan Keluarga Malaysia.

Ulaskan pernyataan tersebut.

CADANGAN IDEA

Umumnya, jiran ialah orang yang tinggal berhampiran dengan rumah seseorang atau tetangga. Hidup berjiran memerlukan semangat kejiranan. Semangat kejiranan ini merujuk kepada tahap keakraban dalam hubungan sesama jiran. Sebagai rakyat Malaysia yang hidup dalam keadaan harmoni samangat berjiran perlu diamalkan kerana pelbagai kebaikan yang diperoleh.

Kebaikan semangat kejiranan ialah kita akan mudah mendapat bantuan jika kita menghadapi sesuatu masalah. Seperti yang kita sedia maklum bahawa kehidupan kita tidak dapat lari daripada perkara luar dugaan seperti kebakaran, kemalangan atau kematian. Jika kita menghadapi sesuatu bencana sudah tentunya jiranlah orang yang paling cepat dapat membantu kita. Begitu juga jika kita sakit, jiranlah yang kita harapkan untuk menghantar kita ke klinik atau hospital bagi mendapatkan rawatan.

Selain itu, semangat kejiranan yang terjalin akan menjamin keselamatan tempat tinggal kita. Semangat kejiranan akan mendorong jiran kita menjaga keselamatan tempat tinggal. Jika jiran mendapati ada orang yang tidak dikenali datang atau memasuki rumah sewaktu kita tiada di rumah, jiran pasti akan menghubungi kita. Contoh pada musim perayaan, jika kita pulang ke kampung untuk menziarahi rumah saudara-mara, jiranlah orang yang diharapkan dapat membantu menjaga rumah kita.

Kebaikan lain semangat kejiranan ialah jiran akan dapat membantu kita dalam menjayakan majlis keramaian. Majlis keramaian yang kita adakan kadang kala memerlukan bantuan jiran di sekeliling. Dengan adanya bantuan jiran, majlis tersebut menjadi ringan dan berjaya dilaksanakan. Semangat kejiranan yang terjalin juga membolehkan gejala negatif di tempat tinggal kita dicegah. Jiran yang baik, pastinya dapat mendidik dan menasihati anak mereka agar tidak melakukan perkara negatif yang boleh mengganggu ketenteraman membuat bising dan perkara berbahaya di kawasan kejiranan.

Di samping itu, semangat kejiwaan membantu memupuk semangat perpaduan dalam kalangan rakyat di kita. Perpaduan yang terjalin akan membolehkan rakyat hidup dalam keadaan aman dan damai. Nyatalah semangat kejiwaan banyak memberi manfaat baik kepada diri sendiri, penduduk setempat dan masyarakat umumnya. Manfaat yang lebih besar ialah semangat kejiwaan ini dapat mendorong terjalinnya hubungan baik antara kaum dan membawa kepada perpaduan.

**NASKHAH
CALON**

BILANGAN 8
BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN
[30 MARKAH]

Perpaduan dapat didefinisikan sebagai satu proses yang menyatupadukan seluruh masyarakat dan negara supaya setiap anggota masyarakat dapat membentuk satu identiti dan nilai bersama serta perasaan cinta dan banggakan tanah air. Perpaduan yang terjalin dalam kalangan masyarakat majmuk di negara kita akan dapat mewujudkan negara yang aman dan makmur.

Ulaskan.

PERPADUAN

Malaysia merupakan sebuah negara yang unik kerana terdiri daripada masyarakat berbilang kaum. Kaum-kaum utama seperti Melayu, Cina, India, Kadazan, Iban dan sebagainya dapat hidup dalam keadaan harmoni. Banyak negara di dunia menjadikan Malaysia sebagai negara yang patut dicontohi kerana masyarakat dapat hidup dalam keadaan aman walaupun berbilang bangsa, agama dan budaya. Hal ini demikian kerana kebijaksanaan pemimpin kita yang menjadikan perpaduan kaum sebagai keutamaan bagi membina sebuah negara bangsa yang maju menjelang tahun 2020 nanti. Pada pendapat saya, banyak kepentingan yang dapat diperoleh jika perpaduan kaum dapat dikukuhkan dalam kalangan masyarakat.

Masyarakat yang harmoni dapat dilahirkan jika kaum-kaum di Malaysia dapat menerima antara satu sama lain tanpa wujud prasangka dan pergeseran sehingga boleh menimbulkan konflik antara kaum. Pengalaman 13 Mei 1969 suatu ketika dahulu banyak mengajar kita supaya menjadikan perpaduan kaum sebagai keutamaan. Kini, masyarakat pelbagai kaum di Malaysia sudah hidup bersatu padu dan saling memerlukan antara satu sama lain. Mereka saling bekerjasama, menghormati dan bertolak ansur antara satu sama lain kerana tidak mahu pisang berbuah dua kali. Keterbukaan pemimpin negara dalam bidang pendidikan banyak menyumbang ke arah perpaduan kaum. Sebagai buktinya, di Malaysia wujud Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) yang masing-masing menggunakan bahasa ibunda, tetapi pada masa yang sama bahasa lain boleh dipelajari. Hal inilah yang menyebabkan semua kaum di Malaysia dapat hidup dalam keadaan harmoni kerana perasaan prejudis kepada kaum lain tidak wujud. Jelas menunjukkan bahawa masyarakat yang harmoni mampu diwujudkan jika perpaduan antara kaum dapat dikukuhkan.

Selain itu, ramai pelancong luar negara berkunjung ke Malaysia kerana tertarik dengan budaya masyarakat berbilang kaum yang terdapat di Malaysia. Banyak keunikan cara hidup masyarakat pelbagai kaum dapat ditonjolkan seperti kepelbagaian makanan, pakaian, rumah ibadat, kesenian dan sebagainya kepada pelancong asing. Keunikan inilah yang menyebabkan pelancong dari Eropah, Timur Tengah dan Asia Timur datang ke Malaysia untuk melihat dengan lebih dekat kebudayaan pelbagai kaum. Sebagai buktinya, pada tahun lalu seramai 25 juta orang pelancong asing datang ke negara kita hasil daripada usaha kerajaan yang bersungguh-sungguh mempromosikan keunikan yang terdapat di Malaysia khususnya kebudayaan pelbagai kaum yang terdapat di sini. Menteri pelancongan, Datuk Seri Ng Yen Yen menjelaskan bahawa usaha untuk menarik 30 juta pelancong asing ke Malaysia pada tahun 2012 sedang digiatkan dan fokus kementerian adalah menganjurkan festival

kebudayaan pelbagai kaum yang terdapat di negara kita. Jadi, perpaduan kaum yang kukuh di negara kita mampu menarik pelancong asing datang ke sini.

Di samping itu, perpaduan kaum juga secara tidak langsung mampu mengukuhkan ekonomi negara. Tidak dapat dinafikan bahawa antara sebab utama pelabur asing berani menanam modal di sesebuah negara adalah kerana kestabilan politik dan perancangan kerajaan yang mesra pelabur. Hal ini kerana mereka tidak mahu modal yang dilaburkan di sesebuah negara akan rugi akibat pergolakan yang berlaku di sesebuah negara. Malaysia bertuah kerana menjadi destinasi pelabur asing dari Amerika, Eropah, Jepun, China dan India. Baru-baru ini, pelabur dari China membawa modal sebanyak RM1.5 bilion untuk dilaburkan dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi di Cyberjaya kerana yakin dengan usaha kerajaan yang bersungguh-sungguh untuk memacu negara menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi pada tahun 2020 nanti. Sudah tentu modal yang dilaburkan itu mampu menjana pendapatan kepada negara sekali gus menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat. Pelabur ini berani menanam modal di sini adalah tidak lain dan tidak bukan kerana kestabilan politik negara ekoran daripada masyarakat yang hidup bersatu padu tanpa sebarang perbalahan. Jadi, sudah terang lagi bersuluh bahawa perpaduan kaum mampu mengukuhkan ekonomi negara.

Akhir sekali, perpaduan kaum dalam kalangan masyarakat Malaysia juga mampu meningkatkan imej negara di mata dunia. Memang tidak dapat dinafikan bahawa negara pada masa kini sudah berada di peta masyarakat antarabangsa ekoran daripada usaha kerajaan yang berterusan membina negara yang disegani di peringkat dunia. Kepimpinan yang ada pada mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamed menjadi perintis untuk meletakkan Malaysia sebaris dengan negara-negara maju yang lain. Ketokohan yang ada pada beliau telah menjadikan negara-negara dunia ketiga sebagai model dan orang yang boleh bersuara untuk membela nasib mereka di pentas dunia. Selain kepimpinan negara, Malaysia juga dikenali di pentas antarabangsa adalah kerana kestabilan masyarakat yang wujud di negara kita. Sebagai buktinya, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah mengiktiraf Malaysia sebagai negara yang ke-9 paling aman di dunia berdasarkan kajian yang dilakukan oleh sebuah badan bebas yang berpangkalan di Amerika Syarikat. Hal ini sangat jelas menunjukkan bahawa pengiktirafan sedemikian adalah kerana masyarakat Malaysia hidup bersatu padu sehingga keadaan menjadi aman dan harmoni.

Kesimpulannya, perpaduan merupakan anugerah yang tidak ternilai harganya. Banyak negara di dunia menghadapi konflik atau perang saudara kerana wujud prejudis antara masyarakat. Kita sering kali melihat atau mendengar melalui media massa sama ada media cetak atau media elektronik mengenai pertempuran yang berlaku sehingga mengorbankan banyak nyawa yang tidak berdosa seperti warga tua dan kanak-kanak. Keadaan ini tidak berlaku di Malaysia kerana masyarakat kita saling menghormati antara satu sama lain. Oleh itu, saya menyeru supaya kekalkanlah perpaduan yang telah kita bina ini agar aspirasi kepimpinan negara untuk menjadi negara maju dapat direalisasikan.

SULIT**27****1103/3****SET 1****ITEM BERTUTUR (Kumpulan)***[30 markah]*

Sebagai negara yang rakyatnya terdiri daripada berbilang kaum dan etnik, perpaduan serta integrasi nasional memainkan peranan utama untuk mewujudkan negara yang aman, harmoni dan makmur. Oleh hal yang demikian, semua pihak perlu menjalankan tanggungjawab untuk memastikan perpaduan dan integrasi nasional terus berkekalan. Marilah kita bersatu padu kerana hanya dengan perpaduanlah kita mampu duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan negara-negara maju.

Bincangkan usaha-usaha untuk memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat.

CADANGAN JAWAPAN

Peranan masyarakat mengadakan aktiviti kemasyarakatan di taman perumahan

- penduduk bekerjasama mengadakan aktiviti gotong-royong untuk membersihkan taman-taman perumahan.
- Penduduk setempat mengadakan sambutan Hari Keluarga, majlis rumah terbuka dan aktiviti Rukun Tetangga
- Dapat mengenali antara satu sama lain melalui perbualan, berinteraksi, dan bertukar-tukar pendapat tentang isu semasa atau hal kemasyarakatan.
- Penduduk setempat mengadakan program kitar semula di kawasan perumahan.

Peranan ibu bapa mengamalkan amalan kunjung mengunjung

- Menjadi suri teladan kepada anak-anak sejak kecil melalui jalinan hubungan yang rapat dengan jiran-jiran
- Mendorong anak-anak untuk menyertai aktiviti yang dapat mengukuhkan perpaduan antara kaum di sekolah.
- Mengajak anak-anak berkunjung ke rumah jiran tetangga yang berlainan bangsa sempena hari perayaan.
- Ibu bapa menjelaskan kepada anak-anak keadaan kehidupan masyarakat majmuk di Malaysia dan menceritakan cara tokoh-tokoh Malaysia daripada pelbagai kaum dapat memperjuangkan kemerdekaan bersama.
- Ibu bapa mendorong anak-anak menonton filem dan drama yang terdiri daripada tema perpaduan dan juga menonton filem dalam bahasa kaum lain untuk memupuk perpaduan antara kaum di Malaysia.

Peranan pihak sekolah mengadakan pelbagai program untuk memupuk perpaduan dalam kalangan murid

- Mengadakan program RIMUP
- Mengadakan sambutan hari perayaan pelbagai kaum
- Menggiatkan aktiviti kokurikulum
- Penerapan nilai perpaduan melalui subjek Pendidikan Moral
- Penggunaan dan penerapan bahasa rasmi negara iaitu Bahasa Melayu sebagai bahasa perantaraan di sekolah-sekolah turut membolehkan interaksi tanpa mengira kaum akan terhasil.

Peranan media massa

- Menggiatkan kempen-kempen bertemakan perpaduan yang dianjurkan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.
- Menyebarkan mesej dan maklumat positif untuk menggalakkan perpaduan
- Menyiarkan program yang berunsurkan perpaduan
- Memastikan program-program yang disiarkan menjaga sensitiviti, agama, dan budaya semua kaum
- Menggalakkan rakyat Malaysia menggunakan bahasa kebangsaan dalam komunikasi seharian untuk memupuk perpaduan

Peranan kerajaan dalam memupuk dan memperkukuh perpaduan negara.

- Kerajaan melancarkan Dasar Perpaduan Negara.
- Kerajaan mengadakan majlis rumah terbuka peringkat kebangsaan untuk menyambut perayaan kaum utama Malaysia.
- Kerajaan menubuhkan Sekolah Wawasan yang menempatkan tiga jenis sekolah, iaitu sekolah kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil.
- Kerajaan memberi penekanan kepada penghayatan Prinsip Rukun Negara
- Kerajaan mengadakan Kempen Kibar Jalur Gemilang untuk melahirkan rakyat Malaysia yang berjiwa patriotik yang secara tidak langsung dapat memupuk perpaduan.

**NASKHAH
CALON**

BILANGAN 28
BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN
[30 MARKAH]

Kesihatan amat penting dalam kehidupan kita sehari-hari. Dengan memiliki tubuh badan yang sihat, seseorang dapat melaksanakan aktiviti harian tanpa halangan. Anak-anak dapat ke sekolah untuk menimba ilmu dan ibu bapa dapat mencari rezeki untuk keluarga. Bagi sesetengah orang, nikmat kesihatan hanya disedari apabila mereka diserang penyakit. Mereka sanggup menghabiskan wang untuk membeli ubat dan makanan kesihatan untuk mengubati penyakit yang dihidapi.

Ulaskan pernyataan berikut.

memberikan keuntungan ekonomi melalui proses kitar semula dan sebagainya.

Justeru, melalui tindakan dan perubahan pemikiran ini akan dapat membawa masyarakat kita ke tahap lebih tinggi aras kesedaran, iltizam dan tindakannya.

KEPENTINGAN KESIHATAN

Dalam meniti arus kemodenan yang berteraskan sains dan teknologi maklumat, faktor kesihatan masyarakat pada hari ini berada pada tahap yang membimbangkan pihak berkuasa terutamanya Kementerian Kesihatan Malaysia. Semakin hari, masalah wabak pelbagai penyakit semakin menjalar dalam kalangan masyarakat tanpa mengira usia tua atau muda.

Jika dahulu masalah darah tinggi dan kencing manis merupakan penyakit yang sering dihadapi oleh golongan tua tetapi pada hari ini golongan kanak-kanak juga sering dihantui penyakit berkenaan. Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia pada tahun 2011, angka pesakit yang menghadapi masalah kesihatan telah meningkat sebanyak 200 000 orang pesakit melebihi bilangan pesakit pada tahun sebelumnya. Sebenarnya masalah kesihatan masyarakat mampu diatasi dengan pelbagai cara terutamanya dengan kemudahan prasarana berkaitan kesihatan semakin banyak disediakan oleh pihak kerajaan. Klinik desa, Klinik 1 Malaysia, Hospital Desa, Hospital Besar merupakan tempat masyarakat mendapat kemudahan rawatan kesihatan. Persoalannya, mengapakah kadar pertambahan bilangan pesakit yang tidak mengenal usia berlaku pada zaman sekarang? Bak kata pepatah, setiap penyakit ada ubatnya, setiap masalah pasti ada jalan keluarnya. Salah satu daripadanya adalah dengan mengamalkan gaya hidup sihat sebagaimana yang disarankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Bagaimanakah caranya untuk kita mengamalkan gaya hidup sihat?

Mari kita capahkan lensa perbincangan kita kepada skop yang lebih khusus di bawah kata kunci pengambilan makanan seimbang. Kebanyakan rakyat Malaysia menganggap pengambilan makanan seimbang ialah diet. Sebenarnya, tanggapan masyarakat mengenai perkara tersebut adalah salah sama sekali. Hal ini kerana pengambilan makanan seimbang bermaksud pengambilan makanan oleh seseorang individu yang mengandungi semua nutrien dan multivitamin yang diperlukan oleh tubuh badan secara seimbang. Jika kita merujuk piramid makanan, pembahagian pemakanan terbahagi kepada beberapa bahagian mengikut keperluan makanan berdasarkan seorang manusia normal. Bahagian bawah piramid makanan merupakan kumpulan makanan mengandungi karbohidrat, diikuti dengan kumpulan makanan yang mengandungi vitamin, mineral, dan serat, seterusnya kumpulan makanan yang mengandungi protin, dan terakhir bahagian atas ialah kumpulan makanan mengandungi lemak. Piramid makanan juga merupakan panduan kepada pengguna dengan mengurangkan pengambilan makanan berlemak di bahagian atas sekali, seperti lemak dan gula,. Oleh sebab itu, makanan berlemak hanya perlu kita ambil dalam kuantiti sedikit. Berbanding kandungan karbohidrat perlu diambil dalam kuantiti yang banyak kerana makanan seperti ini membekalkan kita tenaga untuk menjalani kehidupan seharian, contohnya nasi, roti, dan bijirin. Seorang ahli falsafah Yunani iaitu Socrates berkata " Aku makan untuk hidup, bukan hidup untuk makan. Sekiranya kita mengutamakan pemakanan yang sihat sudah pasti tubuh badan kita akan kekal sihat. Sebaliknya, mereka yang mengambil mudah soal pemakanan sudah pasti mereka akan mudah ditimpa penyakit." Tegasnya, kita boleh mengamalkan gaya hidup sihat dengan mengambil makanan seimbang setiap hari.

Seterusnya, mari kita lebarkan lensa perbincangan dengan memperkatakan gaya hidup sihat iaitu menjalankan aktiviti rekreasi. Sebagai mana yang kita sedia maklum, kegiatan rekreasi merupakan aktiviti yang berfaedah terutama untuk mengisi masa senggang, merehatkan minda dan mengelakkan stress, selain menyehatkan badan. Pada abad milenium ini, banyak tempat rekreasi, sama ada bertemakan air, alam sekitar dan sebagainya. Dengan adanya pusat rekreasi, anak muda atau remaja boleh menyertai aktiviti berkenaan dengan mendaftar diri dan menyertai program yang dianjurkan seperti kursus berkayak, mendaki

gunung, , menyelam, "jungle tracking" dan sebagainya. Bagaimana kegiatan rekreasi ini dapat menyihatkan tubuh badan? Aktiviti rekreasi merupakan aktiviti mencabar. Sebelum melakukan aktiviti berkenaan, peserta selalunya diminta untuk melakukan aktiviti regangan agar seluruh sendi dan sistem kardivaskular kita bersedia terlebih dahulu sebelum melakukan aktiviti berkenaan. Bahkan juga, dengan adanya aktiviti regangan dan pemanasan badan, kadar pengaliran darah dan pergerakan jantung akan stabil sebelum peserta melakukan aktiviti yang berat. Selain itu, kelenjar endokrin dan kelenjar adrenalina akan merembeskan peluh yang mengandungi toksin untuk disingkirkan daripada badan. Oleh sebab itu, badan kita akan menjadi sihat dan sukar untuk dijangkiti patogen-patogen penyakit. Kebiasaannya, seorang fasilitator akan memberi penerangan kepentingan melakukan regangan dan peringatan mengenai langkah-langkah menjaga keselamatan sepanjang program rekreasi diadakan untuk mengelak sebarang kemalangan atau kecederaan. Bak kata pepatah, malang tidak berbau dan sediakan payung sebelum hujan. Justeru, tahap keselamatan peserta lebih terjamin semasa melakukan aktiviti lasak tersebut. Hal ini jelas menunjukkan aktiviti berekreasi merupakan satu cara untuk kita mengamalkan gaya hidup sihat dalam kehidupan.

Mari kita meneruskan perbincangan menggunakan minda pelajar kelas pertama dalam membicarakan aktiviti sukan sebagai amalan gaya hidup sihat. Sebagaimana kita maklum, remaja tidak lari daripada melakukan aktiviti sukan dalam kehidupan mereka sejajar dengan usaha Kementerian Pelajaran Malaysia memperkenalkan pelaksanaan Program 1 Murid 1 Sukan yang mewajibkan pelajar sekurang-kurangnya menyertai satu aktiviti sukan di sekolah. Bahkan juga, Kementerian Pelajaran Malaysia juga telah 10% syarat kemasukan ke universiti berdasarkan pencapaian pelajar dalam bidang kokurikulum antaranya sukan permainan. Namun, pelaksanaan program ini belum mencapai objektifnya kerana sebilangan pelajar masih belum membudayakan diri mereka untuk bersukan dan penglibatan mereka dalam aktiviti berkenaan hanya sekadar untuk penyertaan bukan sebagai budaya. Sebenarnya, pucuk pangkal permasalahan berkenaan terus berlaku akibat masyarakat masih belum mengetahui akan manfaat dan kepentingan sukan dalam kehidupan mereka. Dengan bersukan, masyarakat akan mendapat manfaat iaitu selain menyihatkan badan, mereka juga akan dapat mencergaskan minda mereka. Hal ini kerana ketika bersukan oksigen akan diserapkan ke dalam badan dengan lebih cepat dan akan mengaktifkan sel-sel badan menjalankan proses respirasi, disamping aliran oksigen ke otak akan lebih aktif. Secara langsung neuron-neuron otak juga akan bersambung dan badan akan menerima cas-cas positif yang berfungsi untuk menyihatkan badan dan mencerdaskan otak. Kebaikannya kepada pelajar, mereka tidak akan mudah mengantuk semasa berada di dalam kelas dan sudah pasti proses pengajaran dan pembelajaran akan lebih bermakna. Pepatah Arab ada mengatakan bahawa minda cerdas lahir daripada badan yang sihat. Sekiranya kita mengamalkan gaya hidup sihat dengan menyertai aktiviti bersukan sudah pasti tubuh badan kita akan sihat. Justeru, kita boleh mengamalkan gaya hidup sihat dengan melakukan aktiviti bersukan.

Akhir sekali, sudah terang lagi bersuluh bahawa pemeriksaan dan rawatan kesihatan adalah penting dalam memastikan tahap kesihatan kita sentiasa berada di bawah paras bahaya. Masyarakat Malaysia perlu bersyukur kerana kerajaan terutamanya di bawah kelolaan Kementerian Kesihatan Malaysia amat mengambil berat dalam menyediakan

prasarana dan kemudahan kesihatan perkhidmatan bertaraf dunia. Hal ini boleh kita lihat di setiap pelusuk negara terdapat pusat rawatan sama ada klinik desa, Klinik 1 Malaysia, Hospital Desa dan Hospital Besar sentiasa terbuka untuk dikunjungi oleh rakyat yang sedar akan kepentingan kesihatan mereka. Tambahan pula Klinik 1 Malaysia menjadi kebanggaan rakyat Malaysia kerana perkhidmatan yang kesihatan yang disediakan pada setiap masa kecuali cuti umum. Bahkan juga, pengamal perubatan yang sedia merawat pesakit adalah lepasan universiti dikerah berkhidmat di pusat rawatan daerah, dan negeri agar setiap masyarakat mudah untuk mendapat perkhidmatan kesihatan yang berkualiti. Berbanding suatu ketika dahulu, pesakit yang memerlukan rawatan daripada seorang doktor hanya boleh mendapat perkhidmatan mereka di hospital desa atau hospital besar sahaja. Oleh sebab itu, rawatan kesihatan amat penting supaya setiap warganegara akan tahu tahap dan darjah kesihatan mereka dari semasa ke semasa. Apabila kita melakukan rawatan kesihatan secara berskala sekurang-kurangnya tiga bulan sekali perkembangan kesihatan kita boleh dipantau oleh pengamal perubatan atau doktor dengan sebaik-baiknya. Natiyahnya cukup positif kerana pengesanan penyakit secara awal akan memudahkan mereka mendapat rawatan yang sepatutnya. Secara langsung pengesanan awal boleh menyelamatkan nyawa kerana kadang kala penyakit menyerang tanpa disedari terutama penyakit tiga serangkai iaitu darah tinggi, kecing manis dan serangan jantung. Contohnya, sekiranya pesakit mengalami penyakit kencing manis para doktor berpengalaman akan menasihatkan pesakit mengawal kaedah pemakanan yang sesuai dan sekiranya pesakit mengalami masalah diabetes yang kronik suntikan insulin akan dilakukan supaya dapat mengawal paras gula dalam badan. Pepatah ada menyebut " mencegah lebih baik daripada merawat." Tegasnya mendapat pemeriksaan dan rawatan kesihatan adalah sangat penting dalam memastikan tahap kesihatan masyarakat dalam keadaan baik.

Kesimpulannya, pengamalan gaya hidup sihat merupakan inisiatif kita sendiri. Jika kita inginkan kesihatan kita sentiasa sihat, kita perlulah melibatkan diri dengan melakukan aktiviti-aktiviti yang boleh menyihatkan tubuh badan kita seperti pengambilan makanan seimbang, melakukan aktiviti rekreasi, menyertai aktiviti sukan dan mendapatkan rawatan kesihatan secara sempurna. Oleh itu, untuk menyokong kerajaan dalam merealisasikan Wawasan 2020, kita perlulah memastikan tahap kesihatan kita dalam keadaan terbaik kerana pekerja, pentadbir, dan pemimpin yang sihat jasmani, rohani, emosi dan inteleknya sahaja yang akan dapat membantu menggapai cita-cita pemimpin untuk memastikan Malaysia mampu untuk duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan negara maju yang lain. Justeru, kesihatan merupakan aset paling penting kepada kita sebagai warganegara Malaysia kerana bak kata pepatah, kesihatan itu lebih penting daripada wang ringgit yang menggunung.

**NASKHAH
CALON**

BILANGAN 2
BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN
[30 MARKAH]

Penyakit bawaan air dan makanan seperti Demam Kepialu (Typhoid), Taun / Kolera, Hepatitis A, Disentri dan keracunan makanan kerap berlaku semasa dan selepas kejadian banjir. Gejala penyakit ini seperti cirit-birit, muntah, demam, sakit perut, dan sakit kepala. Cara jangkitan penyakit ini adalah melalui meminum air atau memakan makanan yang telah dicemari oleh kuman-kuman penyakit tersebut. Penyakit ini sangat mudah berjangkit dan berbahaya. Setiap masyarakat perlu mengambil langkah berjaga-jaga untuk mengelakkan penularan wabak penyakit ini.

Ulaskan.

LANGKAH BERJAGA JAGA UNTUK MENGELAKKAN PENULARAN WABAK PENYAKIT

- Menjaga kesihatan diri. Contoh : Pemakanan seimbang,bersenam,mendapat vaksin,pemeriksaan kesihatan
- Menjaga kawasan persekitaran. Contoh : Masyarakat bergotong-royong membersihkan kawasan persekitaran
- Mengamalkan gaya hidup sihat. Contoh : Mengambil makanan seimbang, mendapatkan imunisasi
- Mematuhi arahan atau perintah kerajaan. Contoh: Masyarakat mengkuarantinkan diri, memakai pelitup muka

Penyakit terbahagi kepada dua kategori iaitu penyakit tidak berjangkit dan penyakit berjangkit. Penyakit berjangkit berlaku akibat transmisi agen penyakit atau produk toksinnya. Penyakit berjangkit boleh merebak melalui manusia, haiwan atau takungan lain-lain yang bersifat infektif. Penyakit boleh merebak secara langsung iaitu secara terus daripada pembawa kepada hos yang baharu atau merebak secara tidak langsung melalui peralatan, vector dan bahan-bahan lain yang menjadi perantara. Jenis-jenis penyakit berjangkit pula seperti penyakit bawaan air dan makanan, penyakit haiwan vektor dan penyakit bawaan udara.

Prinsip pencegahan penyakit berjangkit melibatkan tiga peringkat iaitu peringkat primer, peringkat sekunder dan peringkat tertier. Penularan penyakit berjangkit merupakan satu isu yang sering menjadi buah mulut masyarakat sejak akhir-akhir ini. Penularan penyakit berjangkit ini umpama duri dalam daging dan telah menyebabkan masyarakat dunia amnya dan masyarakat Malaysia khususnya berada dalam kebimbangan yang berterusan. Antara penyakit berbahaya yang pernah melanda negara kita dan negara-negara luar ialah wabak selesema burung, penyakit Sindrom Pernafasan Akut yang Teruk (SARS) dan yang terkini Covid-19. **Persoalannya, langkah-langkah pencegahan penyakit berjangkit dalam kalangan masyarakat?**

Menjaga kebersihan diri

Hasil yang besar bermula dari langkah yang kecil. Begitulah juga dalam menangani penularan penyakit berjangkit yang berbahaya dan boleh menyebabkan maut. Prakarsa utama dalam menghadapi isu penyakit berjangkit adalah tindakan setiap individu dalam masyarakat agar menjaga kebersihan diri. Kebersihan diri sangat dititikberatkan dalam setiap agama.

Kebersihan diri ialah nilai penting yang wajib diamalkan oleh masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana kekotoran ialah asbab pada penularan penyakit berjangkit. Setiap ahli masyarakat hendaklah mengutamakan kebersihan diri yang bermula dengan amalan yang paling mudah tetapi amat sukar untuk dilakukan iaitu amalan mencuci tangan. Amalan mencuci tangan adalah satu langkah yang paling mudah yang boleh dilakukan oleh masyarakat untuk mengelakkan jangkitan penyakit menerusi penyebaran bacteria, virus dan parasit. Antara penyakit yang tersebar melalui sentuhan seperti penyakit SARS, HFMD dan MERS-CoV.

Masyarakat perlulah menjaga kebersihan diri dengan kerap membasuh tangan menggunakan air dan sabun atau menggunakan sanitizer. Hal ini dikatakan demikian kerana tangan kita menjadi tempat persembunyian pelbagai jenis mikroorganisma yang menjadi punca penularan penyakit. Jangkitan merebak daripada individu kepada individu yang lain melalui tangan yang tidak dicuci bersih selepas menyentuh permukaan atau memegang peralatan yang telah tercemar dengan virus daripada batuk atau bersin pesakit. Jelaslah bahawa masyarakat hendaklah membudayakan amalan membasuh tangan agar dapat mencegah penularan penyakit berjangkit kerana mencegah itu lebih baik daripada mengubati.

Menjaga kawasan persekitaran

Selain menjaga kebersihan diri, masyarakat juga mestilah menjaga kawasan persekitaran di taman perumahan mereka. Ada penyakit berjangkit disebabkan oleh haiwan yang bermaharajalela di kawasan persekitaran yang tidak dijaga kebersihannya. Kawasan persekitaran yang kotor dan berbau busuk mengundang makhluk perosak.

Mari kita ambil contoh penyakit berjangkit seperti demam denggi. Demam denggi ialah sejenis penyakit jangkitan virus yang merebak melalui gigitan nyamuk *Aedes Aegypti* yang telah dijangkiti. Lebih 100 negara di Asia Selatan, Asia Tenggara, Afrika dan Amerika Timur mengalami masalah denggi. Untuk menangani penularan penyakit denggi masyarakat perlu menghapuskan tempat-tempat pembiakan nyamuk. Masyarakat hendaklah mengadakan aktiviti pembersihan secara gotong-royong sebulan sekali. Aktiviti-aktiviti yang boleh dijalankan seperti membersihkan longkang-longkang yang tersumbat, memusnahkan semua bekas yang boleh menampung air terutamanya di besen, tayar lama, bekas plastik dan tong yang terbiar.

Masyarakat juga boleh meletakkan ubat pembunuh jentik-jentik iaitu Abate 500 di kawasan takungan air untuk mematikan kitarannya. Jelaslah bahawa untuk mencegah penularan penyakit berjangkit yang disebabkan oleh haiwan, masyarakat hendaklah bergotong-royong membersihkan kawasan persekitaran supaya dapat menikmati kehidupan yang sifar penyakit. Janganlah sudah terhantuk baru tengadah. Apabila ada yang meninggal barulah hendak berubah.

Mengamalkan gaya hidup sihat

Cara lain untuk mencegah penyakit berjangkit ialah masyarakat mengamalkan gaya hidup sihat. Masyarakat yang inteligensia ialah masyarakat yang mempraktikkan gaya hidup sihat kerana masyarakat tersebut tahu manfaatnya yang besar bukan sahaja kepada masyarakat tetapi juga pada negara. Gaya hidup yang sihat merangkumi amalan pemakanan yang seimbang mengikut piramid makanan yang telah digariskan oleh Kementerian Kesihatan, mendapatkan suntikan atau imunisasi penyakit berjangkit untuk menjamin kesihatan masyarakat.

Melalui suntikan imunisasi ini, masyarakat akan lali terhadap penyakit-penyakit tertentu. Sebagai contohnya, suntikan imunisasi seperti suntikan B.C.G. dapat mencegah penyakit tibi, suntikan imunisasi hepatitis membolehkan kita menjauhi penyakit hepatitis yang disebabkan oleh makanan, khususnya makanan laut yang tercemar. Pencegahan penyakit berjangkit dapat dilakukan oleh masyarakat dengan pengambilan antibiotik seperti streptomisin, penisilin, dan kloromaisin. Masyarakat juga wajar menjalani pemeriksaan kesihatan secara berkala. Tindakan ini dapat mengelakkan diri kita daripada dijangkiti penyakit berjangkit.

Masyarakat boleh melakukan aktiviti riadah atau bersukan seperti berjoging, berenang dan bermain bola sepak. Aktiviti-aktiviti sebegini yang dilakukan oleh masyarakat pada masa lapang dapat menguatkan tahap imunisasi dalam badan secara semula jadi. Apabila tahap imunisasi dalam badan seseorang kuat, daya tahan tubuh dapat melawan jangkitan penyakit.

Masyarakat juga boleh melakukan jaringan dan jalinan bersama-sama pejabat kesihatan daerah seperti mengadakan ceramah atau pameran kesihatan untuk menyebarkan info berkaitan penyakit berjangkit dan langkah pencegahannya kepada masyarakat setempat. Secara tidak langsung dapat mendidik masyarakat supaya mementingkan penjagaan kesihatan dengan mengamalkan gaya hidup sihat. Oleh hal itu, langkah yang boleh dilakukan oleh masyarakat untuk mencegah penularan penyakit berjangkit dengan mengamalkan gaya hidup yang sihat.

Mematuhi arahan atau perintah kerajaan

Seterusnya, masyarakat hendaklah mematuhi peraturan atau perintah yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan. Kerjasama masyarakat dalam mematuhi perintah yang dikeluarkan oleh kerajaan dapat membendung penularan penyakit berjangkit. Sebagai contohnya, negara kita yang sedang berdepan dengan pandemik Covid-19. Kerajaan telah menetapkan mana-mana individu yang pulang dari luar negara diminta supaya mengkuarantinkan diri selama dua minggu untuk mengekang penularan wabak ini.

Malangnya, ada sikap segelintir masyarakat yang tidak akur pada arahan kerajaan. Mereka tidak mengkuarantinkan diri sebaliknya bebas menjalankan aktiviti seharian. Akibatnya sikap masyarakat yang sebegini telah mewujudkan beberapa kluster seperti yang berlaku di Kedah iaitu kluster Sivagangga. Masyarakat setempat telah dijangkiti penyakit Covid-19 dan perintah kawalan pergerakan terpaksa dijalankan. Masyarakat juga berlaku tidak jujur dengan tidak menyerah diri kepada pihak kesihatan untuk disaring tahap kesihatan mereka setelah pulang dari luar negara. Ada yang sanggup berbohong semasa memberikan maklumat. Sikap masyarakat yang tidak mengendahkan saranan kerajaan supaya memakai pelitup muka di tempat awam, mengelakkan tempat yang sesak dan kerap membasuh tangan juga merupakan penyumbang kepada peningkatan bilangan kes pesakit Covid-19 di negara Malaysia.

Masyarakat mestilah bertanggungjawab menjaga kesihatan diri sendiri dan orang lain. Masyarakat tidak sewajarnya mementingkan diri sendiri seperti enau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing sehingga menyusahkan kehidupan orang lain. Jelaslah bahawa masyarakat mestilah akur dengan arahan dan perintah kerajaan atau Kementerian Kesihatan agar penularan penyakit berjangkit ini dapat dibendung.

Kesimpulan Karangan Penyakit berjangkit

Kesimpulannya, terdapat pelbagai langkah yang wajar dilaksanakan untuk memastikan penyakit berjangkit dalam dibendung penularannya. Dalam hal ini, semua anggota masyarakat perlulah bekerjasama ibarat aur dengan tebing dan menjangkau sehabis tangan agar penyakit berjangkit dapat ditangani dengan berkesan. Kita tidak mahu menyesal akibat kelekaan kita mendatangkan implikasi buruk kerana menyesal dahulu pendapatan, menyesal kemudian tidak berguna. Kerjasama semua pihak sudah pasti akan melahirkan masyarakat Malaysia yang bebas daripada ancaman penyakit berjangkit yang berbahaya. Kesihatan merupakan aset penting bagi setiap insan yang bernafas di bumi Allah ini. Kekayaan tidak dapat membeli kesihatan mahupun nyawa seseorang.

BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN

[30 markah]

NASKHAH CALON**(TEMA : KESIHATAN DAN KEBERSIHAN)**

Kesihatan ialah nikmat dan harta yang sangat bernilai kepada manusia. Oleh itu, pelbagai usaha perlu dilaksanakan bagi membudayakan amalan gaya hidup sihat.

Bincangkan.

NASKHAH PENTAKSIR**(TEMA : KESIHATAN DAN KEBERSIHAN)**

Kesihatan ialah nikmat dan harta yang sangat bernilai kepada manusia. Oleh itu, pelbagai usaha perlu dilaksanakan bagi membudayakan amalan gaya hidup sihat.

Bincangkan.

CADANGAN IDEA

Gaya hidup sihat bolehlah ditakrifkan sebagai satu amalan kehidupan yang boleh membawa impak positif kepada diri seseorang, keluarga dan masyarakat. Apabila amalan ini dapat dibudayakan tentulah seseorang itu memiliki kehidupan yang penuh ceria tanpa mengalami sebarang masalah yang boleh menjejaskan kehidupannya untuk satu tempoh tertentu.

Usaha yang boleh dilaksanakan:

- | | |
|----------------------------|---|
| 1. Diri sendiri/individu – | Pemakanan sihat/seimbang |
| 2. Keluarga/Ibu bapa - | Mengutamakan kebersihan diri |
| 3. Masyarakat- | Persekitaran yang bersih |
| | Beriadah/Aktiviti senaman |
| | Atasi stres/tekanan |
| | Menjalani pemeriksaan kesihatan |
| | Rehat dan tidur yang secukupnya |
| | Membawa anak menziarahi orang sakit |
| | |
| 4. Sekolah- | Guru-guru menasihati murid |
| | Memastikan murid menyertai kegiatan sukan dan permainan |
| | Memastikan pengusaha kantin menjual makanan berkhasiat |
| | Kebersihan dan keceriaan sekolah terjaga |
| | |
| 5. Kerajaan- | (Kementerian Kesihatan) |
| | Mengadakan Kempen Gaya Hidup Sihat |
| | Menggalakkan masyarakat membuat pemeriksaan kesihatan |
| | Mengadakan ceramah kesihatan |
| | Mengadakan Pameran Kesihatan |
| | (Kerajaan) |
| | Pembinaan tempat-tempat rekreasi/riadah |

6. Media Massa/Media Sosial (Stesen televisyen/radio/Internet)
Menyiarkan program kesedaran membudayakan amalan gaya hidup sihat

**NASKHAH
CALON**

BILANGAN 4
BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN
[30 MARKAH]

Rekreasi merupakan kegiatan menyenangkan yang boleh menyegarkan kembali kesihatan badan dan melapangkan fikiran. Aktiviti berjoging, memancing, berkelah dan berbasikal antara aktiviti rekreasi yang banyak memberi manfaat kepada masyarakat.
Ulaskan.

MANFAAT AKTIVITI REKREASI

Pada era globalisasi ini, masyarakat seakan terlalu sibuk mengejar kemewahan duniawi lantas sering mengabaikan amalan gaya hidup sihat terutamanya amalan beriadah atau rekreasi. Hal ini demikian kerana mereka terlalu memandang enteng kepentingan aktiviti rekreasi. Tanpa mereka sedari, sebenarnya terdapat varia kepentingan rekreasi kepada masyarakat.

Antara masalah rekreasi kepada masyarakat adalah mampu mengeratkan hubungan sama ada hubungan dengan komuniti setempat mahupun dengan ahli keluarga sendiri. Hal ini demikian kerana melalui aktiviti rekreasi, individu akan bertegur sapa dengan individu lain di sekelilingnya, lantas mengeratkan hubungan silaturahim. Contohnya, melalui amalan rekreasi, kita dapat berbual mesra dengan jiran tetangga. Jelaslah bahawa, rekreasi mampu mengeratkan hubungan antara individu dengan individu lain.

Selain itu, aktiviti rekreasi juga mampu memberi ketenangan jiwa kepada anggota masyarakat. Hal ini demikian kerana melalui aktiviti riadah, masyarakat dapat menghayati keindahan alam sekitar yang saujana mata memandang. Contohnya, melalui aktiviti senaman seperti berjoging, masyarakat akan dapat menghirup dan menikmati angin sepoi-sepoi bahasa yang segar, seterusnya mampu memberi kedamaian jiwa. Oleh hal yang demikian, aktiviti rekreasi dilihat mampu menjadi landasan utama masyarakat bagi melapangkan fikiran.

Di samping itu, amalan rekreasi amat signifikan bagi menyihatkan badan. Amalan yang menyihatkan seperti berjoging, berkhemah mahupun sukan ekstrem seperti aktiviti terjunan udara mampu meningkatkan kadar kecergasan dan mengelakkan pelbagai penyakit koronari. Contohnya, melalui aktiviti terutamanya sukan ekstrem yang menjadi kegilaan pemuda pemudi, anggota masyarakat dapat meningkatkan kadar metabolisme yang baik untuk tubuh. Sudah terang lagi bersuluh, amalan rekreasi mampu menyihatkan badan bagi menjayakan visi Malaysia Cergas.

Akhir sekali, aktiviti rekreasi mampu menggalakkan pertukaran idea atau buah fikiran dalam kalangan masyarakat. Hal ini demikian kerana, pertukaran idea yang bernas mampu mematangkan tahap pemikiran masyarakat. Misalnya, melalui diskusi ringkas dalam kalangan masyarakat, semangat individualisme dapat dihapuskan dan semangat perpaduan yang ampuh dapat dilakar. Oleh hal yang demikian, jelaslah bahawa rekreasi mampu merangsang pertukaran idea dan mencegah sikap seperti enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing.

Kesimpulannya, aktiviti rekreasi dan riadah mempunyai banyak kepentingan tertentu yang dapat dimanfaatkan oleh setiap anggota masyarakat. Oleh hal yang demikian, kita perlulah mengutamakan dan mengamalkan aktiviti riadah dalam kehidupan seharian kerana sesungguhnya, minda yang cerdas terletak pada badan yang cergas.

**NASKHAH
CALON**

BILANGAN 30
BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN
[30 MARKAH]

Kenderaan merupakan sebahagian daripada keperluan hidup manusia dalam menghadapi kehidupan seharian. Teknologi berkaitan kenderaan sentiasa berubah dan semakin berkembang mengikut peredaran zaman. Pada masa hadapan, teknologi, reka bentuk, ciri, dan peranan kenderaan turut berubah .

Berikan ulasan anda.

PERKEMBANGAN TEKNOLOGI KENDERAAN

Perkembangan teknologi telah membantu pelbagai industri maju dari segi ciri-ciri produk. Industri automotif juga tidak terlepas daripada penggunaan teknologi yang membantu pemandu kenderaan dari segi keselamatan. Pelbagai sistem baharu telah digunakan untuk

meningkatkan sistem keselamatan kenderaan dari semasa ke semasa. Berikut disenaraikan antara beberapa teknologi keselamatan yang terdapat dalam kenderaan moden kini:

1) Amaran Mengantuk

Keletihan dan rasa mengantuk merupakan salah satu punca berlakunya kemalangan jalan raya. Kemajuan teknologi telah mendorong industri automotif dengan pengenalan sistem amaran mengantuk dalam kenderaan. Ia adalah satu sistem yang dibangunkan untuk mengesan sebarang gejala atau reaksi pemandu dengan penggunaan kamera dan sensor sebagai alat utamanya. Sekiranya terdapat gejala keletihan pada para pemandu, sistem ini akan mengeluarkan amaran bunyi atau mengetarkan kerusi atau stereng supaya pemandu terjaga.

2) Kamera 360-Darjah

Sistem kamera amat penting dalam kenderaan bagi membantu pemandu melihat dengan jelas semasa mengundur atau meletakkan kenderaan. Kini, banyak kereta moden dilengkapi kamera pandang keliling 360° bagi membantu pemandu memantau keadaan sekeliling sebelum memarkir kenderaan atau memasuki ruang sempit.

3) Bantuan Parkir

Sistem teknologi tinggi iaitu bantuan parkir telah dibangunkan untuk membantu para pemandu meletakkan kenderaan di petak parkir selari. Bantuan parkir yang menggunakan sensor dan kamera sekeliling amat memudahkan pemandu yang kurang cekap dalam urusan masuk parkir selari. Dengan hanya menekan satu butang, kenderaan anda secara automatik akan menghala dan bergerak ke petak kosong. Tetapi pemandu perlu sentiasa ingat bahawa anda masih perlu mengawal kenderaan dengan membreknya jika perlu.

4) Sistem Amaran Pelanggaran

Sistem amaran pelanggaran dalam kenderaan akan mengesan dan memberi amaran kepada pemandu untuk berwaspada sebelum berlakunya sebarang pelanggaran. Menerusi kombinasi kamera video, lidar dan radar, sistem ini akan memberi amaran menerusi bunyi penggera kepada pemandu supaya mereka boleh mengambil langkah pencegahan.

5) Brek Proaktif

Sistem brek proaktif ini berfungsi untuk menghadkan kemampuan kereta dengan mengaktifkan brek tanpa memerlukan input pemandu. Dengan wujudnya sistem ini, ia dapat membantu pemandu untuk mengekalkan jarak selamat dengan objek lain. Penggunaan teknologi radar dan kamera video akan bantu kereta mengesan sebarang objek dan mengaktifkan tekanan ke atas brek untuk mengurangkan masa hentian.

6) Kamera imej malam (night vision)

Kamera imej malam adalah satu sistem mengesan kelibat objek di atas jalan raya yang sukar di lihat oleh mata kasar pemandu. Sistem keselamatan ini menggunakan dua jenis kamera

iaitu kamera aktif di mana ia mengesan manusia atau haiwan dan kamera pasif menggunakan inframerah untuk pencahayaan. Sistem ini membantu pemandu mengesan sesuatu ketika mereka memandu di kawasan gelap dan mencegah sebarang insiden tidak diduga berlaku. Buat masa ini, sistem ini hanya terdapat pada kenderaan model mewah.

**NASKHAH
CALON**

BILANGAN 20
BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN
[30 MARKAH]

Negara kita merupakan antara negara yang mempunyai angka kematian akibat kemalangan jalan raya yang tinggi. Oleh itu, pelbagai pihak haruslah memainkan peranan bagi mengurangkan kadar kemalangan jalan raya.

Ulaskan pernyataan tersebut.

LANGKAH MENGURANGKAN KADAR KEMALANGAN JALAN RAYA

Kemalangan jalan raya yang berlaku telah menyebabkan kecederaan, kematian serta kerosakan kenderaan yang terbabit. Oleh itu, sewajarnya langkah-langkah yang efektif perlu dilakukan untuk mengurangkan kadar kemalangan jalan raya di Malaysia.

Antara langkah utama dalam mengurangkan kadar kemalangan jalan raya ialah memperbaiki sikap pemandu itu sendiri. Semua pemandu yang berada di jalan raya hendaklah mematuhi peraturan jalan raya. Para pemandu hendaklah memandu mengikut had laju yang ditetapkan oleh pihak kerajaan. Sikap pemandu yang gemar melanggar lampu isyarat merah mestilah dielakkan kerana ia boleh membawa kepada kemalangan dan kesesakan jalan raya. Di samping itu, pemandu juga tidak dibenarkan memotong di garisan berkembar kerana ia boleh membahayakan pengguna jalan raya yang lain.

Pihak keluarga juga boleh memainkan peranan dalam mengurangkan kadar kemalangan jalan raya. Ibu bapa perlu menasihati anak-anak supaya mematuhi peraturan jalan raya semasa memandu. Anak-anak juga boleh menasihati ibu bapa yang memandu supaya tidak memandu terlalu laju dan sentiasa bertolak ansur ketika berada di jalan yang sesak. Jika anak-anak melihat ibu bapa memotong barisan atau memotong jalan dengan menggunakan lorong kecemasan, anak-anak perlulah menegur sikap ibu bapa. Amalan nasihat-menasihati dalam hal keselamatan jalan raya pasti akan dapat mengelakkan kemalangan berlaku.

Pihak kerajaan juga boleh mengambil tindakan untuk mengurangkan kadar kemalangan jalan raya. Hal ini kerana pihak kerajaan mempunyai sumber kewangan dan peruntukan bagi membina satu sistem jalan raya yang selamat kepada pengguna jalan raya. Pihak kerajaan juga boleh membina jalan raya yang lebih lurus dan ada laluan khas untuk motosikal. Pihak kerajaan juga perlulah memperbaiki kemudahan pengangkutan awam supaya lebih ramai rakyat menggunakan pengangkutan awam terutama semasa hari perayaan. Dengan tindakan yang proaktif daripada pihak kerajaan pasti kesesakan dan kemalangan jalan raya dapat dikurangkan.

Pihak penguatkuasa undang-undang jalan raya juga perlu bertindak dalam mengurangkan kadar kemalangan jalan raya. Pihak polis mestilah bertugas dengan baik dan membuat pemantauan yang berterusan terhadap sikap pemandu kenderaan. Pemandu yang melanggar peraturan jalan raya hendaklah disaman dan didakwa di mahkamah untuk dijadikan pengajaran kepada orang lain. Pihak Jabatan Pengangkutan Jalan juga boleh memainkan peranan dengan menahan kenderaan yang tiada cukai jalan atau membawa muatan yang berlebihan. Jika pihak penguatkuasa undang-undang jalan raya dapat memainkan peranan dengan berkesan, maka kemalangan dapat dikurangkan dan ia pastinya menguntungkan banyak pihak.

Pihak media massa juga boleh memainkan peranan untuk mengurangkan kadar kemalangan jalan raya. Peranan media massa dalam mempengaruhi sikap pengguna jalan raya memang tidak dapat dinafikan. Contohnya, kempen-kempen keselamatan jalan raya boleh dibuat dengan menggunakan media massa. Pihak kerajaan yang memiliki stesen RTM boleh menggunakan stesen televisyen dan radio ini sebagai tempat untuk menyampaikan kempen keselamatan jalan raya. Sewajarnya kempen-kempen keselamatan jalan raya dibuat secara berterusan di media massa supaya dapat memberi kesan yang mendalam kepada orang ramai khususnya pengguna jalan raya.

BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN
[30 markah]

NASKHAH CALON

(TEMA : PENDIDIKAN)

Isu kemalangan jalan raya sukar untuk diatasi, namun kerajaan perlu mengambil langkah yang efektif bagi mengurangkan kadar kemalangan jalan raya.

Ulaskan pernyataan tersebut.

NASKHAH PENTAKSIR

(TEMA : PENDIDIKAN)

Isu kemalangan jalan raya sukar untuk diatasi, namun kerajaan perlu mengambil langkah yang efektif bagi mengurangkan kadar kemalangan jalan raya.

Ulaskan pernyataan tersebut.

CADANGAN IDEA

Kemalangan jalan raya bukanlah satu perkara baru di negara kita, malahan sejak sekain lama kemalangan jalan raya yang berlaku di negara ini merupakan antara yang tertinggi di dunia. Kemalangan tersebut telah banyak menyebabkan kehilangan nyawa, terutamanya kemalangan yang melibatkan bas. Oleh itu, kerajaan perlu mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi mengurangkan kemalangan jalan raya di negara ini.

Antara langkah yang patut dilakukan ialah undang-undang keselamatan jalan di jalan raya perlu diperketat supaya kemalangan jalan raya dapat dikurangkan. Syarat kelulusan bagi ujian kelas memandu juga haruslah dinaikkan. Selain itu, para pemandu diwajibkan menduduki peperiksaan setiap dua tahun untuk memahirkan mereka dengan kemahiran yang diajarkan di kelas memandu dahulu.

Pihak kerajaan juga haruslah mewajibkan pemeriksaan kenderaan dilakukan pada setiap tahun dan mengenakan denda terhadap mereka yang mengingkarinya. Hal ini dikatakan demikian kerana keadaan kenderaan seperti tidak berlampu dan sistem brek yang rosak merupakan salah satu penyumbang utama kemalangan di jalan raya. Langkah ini akan menggalakkan para pemandu sentiasa memastikan kenderaan mereka dalam keadaan selamat sebelum digunakan, khususnya untuk perjalanan yang jauh.

Kemalangan jalan raya yang kerap berlaku sejak belakangan ini berpunca daripada sikap pemandu yang suka memandu melebihi had laju yang ditetapkan. Dalam hal ini, had laju yang sedia ada wajar dikurangkan, khususnya di kawasan lebuhraya. Walaupun sesetengah pemandu sememangnya tidak bersetuju dengan cadangan ini, tetapi apabila suatu peraturan itu telah ditetapkan, mereka harus mematuhi.

Denda juga harus dikenakan terhadap pengguna yang memandu melebihi had yang ditetapkan. Jika seseorang pemandu itu didapati melakukan kesalahan yang sama lebih daripada dua kali, maka lesen memandu mereka perlu digantung. Tindakan ini sudah pasti akan dapat membuka mata pengguna-pengguna lain. Sikap tidak mengambil peduli akan keselamatan di jalan raya dalam kalangan pengguna selama ini pasti akan terhakis apabila amaran menggantung lesen memandu mereka dikeluarkan.

Pengguna juga perlu disedarkan tentang tanggungjawab mereka ketika berada di jalan raya melalui kempen-kempen keselamatan jalan raya oleh pihak tertentu, bak kata pepatah, janganlah sudah terhantuk baru hendak tengadah kerana apabila sesuatu kecelakaan sudah berlaku, tiada guna menyesalinya lagi, kerana nasi sudah menjadi bubur.

**NASKHAH
CALON**

BILANGAN 16
BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN
[30 MARKAH]

Perkhidmatan E-Panggilan yang telah dikuatkuasakan di Malaysia pada 12 Julai 2018 telah merancakkan lagi kegiatan ekonomi di negara kita. Melalui perkhidmatan ini anda boleh menempah kenderaan, makanan dan barangan dengan mudah dan cepat.

Persoalannya, adakah perkhidmatan ini benar-benar sesuai pada masa kini.

Bincangkan?

PERKHIDMATAN E-PANGGILAN

Perkembangan teknologi kini telah membawa perubahan besar terhadap gaya hidup manusia.

Isu yang hangat diperkatakan pada masa kini ialah persaingan di antara teksi dan e-panggilan. Kekecohan timbul apabila Perdana Menteri telah mengadakan dialog dengan pemandu teksi di Langkawi pada 21 Oktober 2018 baru-baru ini. Pemandu teksi telah mendesak pihak kerajaan untuk membatalkan perniagaan e-panggilan kerana menurut mereka pihak ini telah mencuri pelanggan mereka. (BH online 21/10/2018)

E-panggilan ini sebenarnya memberikan nafas baru pada ribuan orang yang telah diberhentikan kerja. Jika sekiranya seseorang itu diberhentikan kerja, apakah yang mereka perlu buat untuk terus menjana pendapatan? Mereka tidak mempunyai modal untuk menjalankan perniagaan, mereka tiada kemahiran khusus untuk ditawarkan dan umur mereka juga yang agak sukar untuk diterima bekerja semula. Jadi, langkah pertama yang mereka fikirkan bagi mencari rezeki ialah untuk membuat e-panggilan.

Jika kita melihat pula komen daripada netizen mengapa mereka memilih e-panggilan maka dapat kita simpulkan kepada 5 sebab utama.

Pertama ialah harga bagi perkhidmatan e-panggilan adalah munasabah berbanding dengan teksi yang menggunakan meter dan seringkali berlaku pemandu teksi yang tidak mahu menggunakan meter dengan alasan jalan sesak. Ini adalah berbeza dengan e-panggilan kerana caj tambang tidak boleh ditipu menggunakan aplikasi yang wajib diakses oleh pemandu dan pelanggan.

Kedua, kenderaan e-panggilan adalah lebih selesa memandangkan syarikat aplikasi itu menetapkan tahun kenderaan tidak boleh melebihi lapan tahun.

Ketiga penggunaan e-panggilan adalah di hujung jari sahaja. Tempahan boleh dibuat pada bila-bila masa sahaja dengan menggunakan aplikasi.

Keempat, e-panggilan menarik pelanggan dengan mengadakan promosi. Sebagai contoh e-panggilan menawarkan harga tambah serendah RM1 bagi 5km yang pertama.

Kelima, pemandu e-panggilan ini tidak boleh memilih pelanggan. Mereka perlu hantar ke destinasi yang telah pun ditetapkan oleh sistem aplikasi. Berlainan dengan teksi yang mana mereka boleh menolak permintaan pelanggan.

Keenam ialah inisiatif, jika pelanggan tidak tahu bagaimana hendak pergi ke tempat yang hendak dituju, kebiasannya pemandu e-panggilan akan menggunakan aplikasi Waze atau Google Maps untuk membawa pelanggan tetapi jarang sekali kita melihat pemandu teksi mempunyai inisiatif sebegitu. Kebanyakan mereka akan menolak dan menyuruh pelanggan mengambil teksi yang lain. Oleh sebab itu, pelancong asing masa kini lebih memilih e-panggilan daripada teksi.

Menurut sumber kementerian yang berkenaan, pemberian lesen teksi kini diberikan terus kepada pemandu teksi dan tidak lagi diberikan kepada syarikat-syarikat yang mengaut keuntungan atas angin. Kerajaan sebelum ini mengamalkan sistem pajak di mana hasil mereka akan ditolak untuk kereta sewa, sewa permit atau membayar secara harian kepada syarikat dan sebagainya. Setelah mereka mempunyai permit sendiri mereka hanya perlu membayar ansuran kereta sahaja.

Sistem yang diperkenalkan ini secara tidak langsung telah menghapuskan orang tengah yang telah mengaut keuntungan. Sesetengah syarikat ini menjana pendapatan hanya dengan menyewakan permit teksi tetapi kini pemandu telah mempunyai permit teksi sendiri atau mereka telah beralih kepada e-panggilan. Maka perkara ini telah memberi tamparan hebat kepada orang tengah. Sekiranya satu permit disewa kepada pemandu teksi sebanyak RM40 sehari dan syarikat tersebut mempunyai sebanyak 400 permit maka kita boleh bayangkan berapakah pendapatan orang tengah ini sebulan.

Bila kita memperkatakan mengenai teknologi aplikasi ini saya ingin memetik ucapan Tun Dr Mahathir pada 12 Disember 1983 berkaitan dengan halangan budaya terhadap pemindahan teknologi semasa Simposium Antarabangsa tentang Teknologi, Kebudayaan dan Pembangunan di Kuala Lumpur.

Tun Dr Mahathir telah menyentuh mengenai kebudayaan yang sering dilupakan apabila kita berurusan dengan teknologi. Akibatnya kemasukan teknologi dan konsep pembangunan luar negara sering mengecewakan banyak negara membangun. Walaupun pengaruh teknologi, kebudayaan dan pembangunan boleh menjadi pelengkap, namun ia juga boleh memporak-perandakan masyarakat.

Pemindahan teknologi tidak mungkin dapat dilakukan kerana mereka masih mengekalkan cara lama dan menutup pintu untuk menerima perubahan. Sikap ini menghalang pemindahan teknologi kerana penerimaan teknologi baru memerlukan satu tahap disiplin dan keinginan untuk berubah dan peningkatan diri.

Sebelum sesuatu teknologi itu dapat dipindahkan dengan jayanya halangan budaya mestilah diatasi. Sekiranya halangan budaya ini tidak diatasi maka mereka akan berterusan mendesak kerajaan agar ditamatkan teknologi baru tersebut.

Sepatutnya, masyarakat kita bukan setakat menerima teknologi yang baru semata-mata tetapi menambahbaik aplikasi tersebut agar sesuai dengan agama dan budaya setempat. Sebagai contoh kita memperkenalkan aplikasi syarikat seperti GrabCar yang patuh syariah yang mana penumpang wanita yang bersendirian diberikan pemandu wanita oleh sistem aplikasi tersebut.

Kesimpulannya, pada era revolusi industri seterusnya kenderaan tanpa pemandu pula akan diperkenalkan bagi menggantikan teksi atau sistem transportasi seperti GrabCar untuk pergi ke sesuatu destinasi. Kesemuanya akan digerakkan oleh sistem robotik yang disediakan di dalam kenderaan tersebut

**NASKHAH
CALON**

BILANGAN 2
BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN
(30 Markah)

Permainan elektronik e-Sukan semakin mendapat tempat setelah pelbagai usaha dan program dilakukan bagi mengiktiraf permainan teknologi ini. E-Sukan bukan sahaja memberikan manfaat kepada golongan belia tetapi juga kanak-kanak.

Ulaskan pernyataan tersebut.

E-SUKAN

PENDAHULUAN :

E-Sukan merupakan satu bentuk permainan elektronik yang melibatkan interaksi secara langsung dan maklum balas visual dipaparkan di TV atau skrin. Industri permainan video yang semakin pesat telah berjaya menarik minat pelbagai lapisan masyarakat dalam eSukan. Pada masa dahulu, permainan video hanyalah dianggap sebagai aktiviti yang "membuang masa" dan "tidak matang". Kini, permainan video dan pertandingan eSukan dianggap sebagai aktiviti lumayan, dan ganjaran tertinggi di serata dunia. Di Malaysia, eSukan semakin popular dan Negara kita telah melahirkan atlet eSukan yang berdaya saing pada peringkat antarabangsa.

KEBAIKAN PERMAINAN VIDEO :

Mengajar kemahiran menyelesaikan masalah dan pemikiran kritis

Setiap permainan video direka untuk mencabar minda untuk mengasah pemikiran kritikal si pemain. Permainan video mendorong anda untuk berfikir dan menyusun strategi dalam situasi yang tertekan dengan pantas. Sekiranya gagal, permainan video boleh mendorong semangat kecekalan dan daya tahan diri untuk terus mencuba dan belajar dari kesilapan sebelumnya.

Meningkatkan kemahiran sosial

Permainan video merupakan aktiviti sosial yang mementingkan kerjasama dalam mencapai sesuatu matlamat. Kemahiran berkomunikasi amatlah diperlukan untuk menyelesaikan misi permainan bersama. Pada masa yang sama, sekiranya dalam pasukan berlawanan, haruslah ingat bahawa menang kalah adat pertandingan, dan pemain perlulah mempunyai kawalan emosi dan semangat kesukanan yang tinggi.

Mengurangkan stres

Permainan video terbukti memberikan kesan positif terhadap kesihatan mental, di mana ianya mampu mengurangkan stres. Hal ini kerana permainan video adalah menarik, dan memberikan kepuasan yang tinggi apabila berjaya menyelesaikan cabaran.

KEBURUKAN PERMAINAN VIDEO :**Ketagihan Permainan Video**

Namun begitu, permainan video haruslah dimain secara sederhana. Ketagihan permainan video dikenalpasti sebagai penyakit mental dan didefinisikan sebagai "penggunaan permainan video yang berlebihan dan bermasalah yang mengakibatkan impak signifikan terhadap kegiatan harian pada jangkan sama yang lama". Antara tanda-tanda ketagihan permainan video adalah seperti kerap berfikir tentang permainan video, berasa tidak senang hati jika tidak dapat bermain, memerlukan masa yang banyak untuk berasa puas hati apabila bermain permainan video, tidak dapat berhenti bermain, hilang minat untuk melakukan aktiviti atau hobi lain, kekal bermain permainan video walaupun kelakuan tersebut menyebabkan masalah dalam pekerjaan, pendidikan, mahupun hubungan, berkelakuan tidak jujur dalam menyatakan jumlah waktu bermain, dan bergantung kepada permainan video sahaja untuk mengurangkan perasaan tidak senang.

Pada jangka masa pendek, ketagihan permainan video akan menyebabkan keletihan, kurang tidur, kurang makan, isolasi dan kurang aktiviti sosial. Sekiranya berterusan akan merosakkan prestasi akademik dan pekerjaan, serta menimbulkan masalah hubungan dan kewangan.

**NASKHAH
CALON**

BILANGAN 30
BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN
[30 MARKAH]

Kebelakangan ini, banyak diperkatakan isu melibatkan amanah dan integriti, terutamanya dalam kalangan penjawat awam. Integriti berkait rapat dengan etika seperti sifat jati diri terpuji, ikhlas, jujur, dan amanah. Oleh itu, pelbagai usaha dapat dilakukan bagi memastikan integriti menjadi pegangan utama dan sentiasa diamalkan oleh rakyat Malaysia.

Ulas pernyataan tersebut.

INTEGRITI

Perkhidmatan awam Malaysia sering menjadi rujukan negara sedang membangun kerana tahap efisien dan integriti tinggi, namun kebanggaan rakyat sedikit luntur akibat kes rasuah serta salah laku yang sering dilaporkan di media massa.

Diakui pelbagai usaha sudah dilaksanakan untuk mengukuhkan nilai integriti kakitangan awam termasuk penubuhan Institusi Integriti Malaysia (IIM), Pelan Integriti Nasional (PIN) dan Pelan Antirasuah Nasional (NACP), selain kewujudan unit integriti dan governan di semua jabatan serta syarikat berkepentingan kerajaan. Malah, usaha itu turut membabitkan transformasi Badan Pencegah Rasuah (BPR) kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sendiri.

Walaupun usaha ini mengurangkan kes rasuah dan isu integriti dalam perkhidmatan awam, sejak akhir-akhir ini berlaku peningkatan kes membabitkan salah laku kakitangan awam terutama rasuah.

Menurut SPRM, lebih separuh penangkapan dibuat agensi itu setiap tahun membabitkan kakitangan awam. Punca utama berlaku rasuah adalah pekerja tidak mempunyai integriti apabila terdedah dengan peluang dan kuasa.

Walaupun kakitangan awam terbabit dengan amalan rasuah dan salah laku diambil tindakan pihak berkuasa, masih banyak kes rasuah berlaku tetapi tidak dilaporkan.

Perbuatan tidak melaporkan tawaran, pemberian, permintaan atau penerimaan rasuah tetap satu kesalahan menurut Seksyen 25(2) dan Seksyen 25(4) Akta SPRM 2009 dan boleh dipenjara atau didenda sekiranya didapati bersalah.

Justeru, komitmen mengurangkan rasuah bukan hanya terletak pada SPRM atau Polis Diraja Malaysia (PDRM), sebaliknya semua pihak bertanggungjawab untuk melaporkan jenayah itu.

Kerajaan sendiri menyediakan ganjaran kewangan kepada mana-mana penjawat awam melaporkan rasuah di tempat kerja dengan sejumlah RM803,816 diberikan setakat ini kepada individu berbuat demikian.

Ini tentunya antara lain disebabkan tahap kepercayaan rakyat kepada kerajaan menjadi elemen penting dalam memastikan sesuatu dasar dirangka dapat dilaksanakan secara berkesan. Hakikat yang tidak dapat dinafikan adalah kepercayaan rakyat berkait rapat keyakinan terhadap perkhidmatan awam.

Kepercayaan dan keyakinan rakyat akan bertambah jika sekiranya perkhidmatan awam mempunyai imej berintegriti, berdaya saing serta efektif.

Jika imej perkhidmatan awam tercalar akibat pelbagai salah laku dan rasuah, kepercayaan dan keyakinan terhadap kerajaan juga akan menurun.

Justeru, pembasmian rasuah hingga akar umbi mestilah dijadikan agenda utama dalam kerajaan. Ini selaras saranan bekas Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Mohd Khairul Adib Abd Rahman yang bersara wajib semalam, agar setiap pihak berusaha keras menangani gejala rasuah supaya tidak berleluasa hingga mencemar imej perkhidmatan awam.

Bagaimanapun dalam konteks semasa, cabaran terkini dihadapi kerajaan dalam membendung jenayah rasuah ialah penggunaan teknologi secara licik untuk melepaskan diri daripada dikenakan sebarang tindakan.

Dahulu, cara mengesan seseorang terbabit dalam aktiviti rasuah adalah dengan melihat gaya hidupnya. Namun hari ini, walaupun gaya hidup seseorang cukup untuk dijadikan asas untuk mengesyakinya terbabit dengan jenayah rasuah, pihak berkuasa perlu mempunyai bukti cukup kuat untuk mendakwanya di mahkamah.

Walaupun jelas seseorang dilihat mempunyai kehidupan mewah kerana terbabit dengan elemen salah guna kuasa atau rasuah, mereka masih tidak dapat didakwa di mahkamah kerana kesukaran membuktikan kesalahan.

Pada masa sama, kurang kerjasama daripada mereka yang bersedia menjadi saksi dalam aktiviti rasuah juga menjadi halangan besar kepada SPRM dalam mendakwa pihak terbabit ke mahkamah.

Berdasarkan realiti inilah, banyak pihak mahu kerajaan mengkaji semula hukuman kepada pesalah rasuah. Hukuman sedia ada seolah-oleh tidak menjadi penghalang kepada mana-mana individu termasuk penjawat awam daripada melakukan amalan rasuah dan salah laku.

Malah, ada pihak mencadangkan hukuman mati dikenakan terhadap pesalah rasuah seperti di China. Walaupun cadangan itu dianggap ekstrem, ia timbul akibat kekecewaan masyarakat terhadap perkhidmatan awam yang masih lagi dibelenggu rasuah.

Pada masa sama, Akta 694 Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 menetapkan hukuman penjara kepada pesalah rasuah tidak melebihi 20 tahun, tetapi ia tidak mengandungi hukuman minimum.

Kadangkala individu terbabit dalam rasuah mengambil peguam hebat yang pintar dalam selok-belok undang-undang hingga hukuman dikenakan sangat minimum berbanding rakyat biasa tidak mampu mengupah peguam hingga akhirnya menerima hukuman agak berat.

Sebenarnya, senario sebeginilah yang sering menimbulkan persepsi negatif terhadap kerajaan kerana seolah-olah wujudnya perbezaan antara dua darjat. Jika sekiranya ada hukuman penjara minimum seperti 5 hingga 10 tahun terhadap pesalah rasuah, ia pasti akan menimbulkan ketakutan kepada bakal pelaku rasuah.

Hakikatnya, integriti kakitangan awam penting dalam memastikan kerajaan mendapat kepercayaan penuh masyarakat. Setiap penjawat awam perlu menjauhkan diri daripada terbabit dalam sebarang rasuah dan salah laku.

Penjawat awam bukan sahaja perlu bebas daripada rasuah, bahkan perlu dilihat bersih daripada elemen salah laku itu.

Penjawat awam berintegriti akan membantu meningkatkan imej perkhidmatan awam dan imej perkhidmatan awam baik akan membantu meningkatkan kepercayaan serta keyakinan masyarakat terhadap kerajaan.

SULIT**47****1103/3****SET 10****ITEM BERTUTUR (Kumpulan)***[30 markah]*

Integriti sangat penting. Namun begitu, integriti tidak lahir dengan sendirinya dalam diri setiap individu. Integriti perlu dipupuk sejak kecil melalui institusi kekeluargaan secara turun-temurun. Oleh hal yang demikian, apabila seseorang individu mulai memasuki alam pekerjaan, integriti telah pun mendarah daging . Hal ini akan memudahkan mereka menyesuaikan diri dengan budaya kerja positif dan cemerlang di tempat kerja masing-masing selain mengurangkan risiko untuk terjebak dalam aktiviti salah laku di tempat kerja.

Bincangkan kepentingan integriti kepada negara.

SULIT**48****1103/3****CADANGAN JAWAPAN**

- Mengurangkan gejala rasuah, penyelewengan dan salah laku kuasa secara berkesan
- Meningkatkan kecekapan dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam dan mengatasi karenah birokrasi
- Meningkatkan tadbir urus korporat dan etika perniagaan
- Memantapkan institusi keluarga
- Meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat

NASKHAH PENTAKSIR TAMAT

**NASKHAH
CALON**

BILANGAN 14
BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN
[30 MARKAH]

Pengaruh teknologi maklumat dan komunikasi yang semakin berkembang pesat menyebabkan modus operandi penjenayah siber juga semakin canggih. Kini, jenayah digital yang menggunakan telefon bimbit sebagai saluran modus operandi semakin berleluasa dan masalah ini perlu dibanteras segera.

Bincangkan.

JENAYAH SIBER

Punca jenayah siber berlaku

Pada era moden ini, kemunculan teknologi yang canggih adalah seperti "Cendawan tumbuh selepas hujan". Pelbagai jenis peralatan moden telah dicipta dan dikeluarkan ke dalam pasaran global. Peralatan canggih ini bersamaan dengan Internet sememangnya membawakan manfaat yang banyak kepada manusia dalam kehidupan seperti komunikasi, perdagangan dan perniagaan. Namun, peralatan canggih tersebut telah disalahgunakan oleh sesetengah orang untuk melakukan jenayah siber. Fenomena ini telah mencetuskan kebimbangan masyarakat kita. Persoalannya, apakah punca-punca jenayah siber berlaku?

Penjenayah siber sukar untuk dikenalpasti

Antara salah satu punca jenayah siber berlaku ialah sukar untuk dikenalpasti siapakah penjenayahnya. Perbuatan mereka seperti menggodam, mencuri maklumat, menyebarkan virus, menghantar mesej sampah dan pencerobohansukar untuk dikenalpasti. Pihak yang berkuasa tidak dapat membezakan ancaman siber seperti ancaman fizikal kerana **susah untuk menentukan siapa yang menyerang sistem kita**, mengapa, bagaimana, dan dari mana. Umur penjenayah siber biasanya adalah golongan berpengetahuan ataupun profesional. Berkemungkinan kawan kita, mungkin pelajar, ataupun profesor atau siapa sahaja. Mereka akan melakukan jenayah siber terhadap institusi pesaing atau mereka diupah oleh pihak tertentu, dan biasanya mereka susah untuk ditangkap.

Sikap manusia yang sukar dikawal

Sikap manusia memang sesuatu yang sukar dikawal. Kita tidak boleh mengubah kelakuan seseorang melainkan orang itu sendiri mengubahnya. Jenayah siber sering dilakukan oleh **manusia yang mempunyai kelakuan yang negatif**. Penjenayah menyerang sistem disebabkan perasaan suka-suka dan hanya sekadar untuk main-main ataupun ingin menggunakan ilmu yang baru mereka pelajari. Antaranya perbuatan ialah mereka cipta program-program pemusnah atau virus komputer untuk tujuan memusnahkan pangkalan data pihak lain. Kebanyakan mereka ini adalah remaja ataupun dalam golongan umur 20-an. Golongan remaja ini mahir tentang komputer tetapi mempunyai sikap yang sukar diramal. Mereka belum cukup matang untuk berfikir tentang akibat jenayah yang mereka lakukan. Lebih malang kerana kecanggihan teknologi gagal mengenal pasti penceroboh.

Peningkatan penggunaan internet

Peningkatan penggunaan internet merupakan salah satu punca berlakunya jenayah siber dan berleluasa di negara kita. Peningkatan **pengguna internet sebagai alat komunikasi** terkini telah mendorong ramai pengguna internet menyalahgunakan maklumat dalam internet untuk pelbagai tujuan tanpa mengira betul atau salah. Pengguna internet akan menggunakan pelbagai maklumat dalam internet untuk tujuan penipuan dan aktiviti tidak sihat. Contohnya, kegiatan "Penipuan Bungkusan" didalangi warga Afrika.

Sifat ketamakan manusia

Tambahan pula, **sifat ketamakan manusia** juga punca tersebut. Antaranya keinginan untuk menjadi kaya dalam masa yang singkat dengan menggunakan kaedah alternatif. Berjuta-juta laman web yang memaparkan pelbagai jenis maklumat yang tidak kira sama ada benar atau salah telah menjadi penjenayah siber ini mengendalikan internet untuk mencari mangsa. Sesetengah manusia hanya mementingkan hasilnya dan mereka tidak ambil peduli akan cara mereka mendapat hasil tersebut. Oleh itu mereka sanggup melakukan jenayah siber semata-mata untuk mendapatkan hasil dengan cepat kerana jenayah siber tidak perlu melibatkan tenaga fizikal seperti jenayah merompak.

Selain itu, penggunaan perbankan online secara meluas telah diperkenalkan kepada pengguna. Perbankan Internet yang menjimatkan masa dan tenaga juga fleksibel telah menyebabkan ramai pengguna beralih arah menggunakan aplikasi ini. Terdapat pihak-pihak yang mengambil kesempatan dengan mencipta laman web perbankan palsu dan menggunakan taktik phishing untuk mempengaruhi pengguna awam. Pengguna yang tertipu akan memasukkan kata laluan di laman web palsu ini dan maklumat ini akan diperoleh oleh penjenayah siber. Penjenayahsiber juga menyalahgunakan kepakaran mereka dalam bidang siber untuk menggodam sistem-sistem keselamatan bank, menyebarkan virus dan sebagainya.

Kekurangan pengetahuan dalam pengendalian komputer

Jenayah siber berlaku kerana masyarakat kita yang kekurangan pengetahuan dalam pengendalian komputer. Manakala kebanyakan penjenayah siber ini adalah golongan berpengetahuan ataupun professional dalam pengendalian computer. Orang ramai sering menjadi sasaran golongan penjenayah siber ini kerana mereka **tidak ketahui cara-cara untuk mengelak diri daripada ancaman jenayah siber**. Kejadian yang sering berlaku ialah penjenayah siber membuat laman web atau aplikasi telefon pintar tiru dan pengguna yang tidak mahir dalam komputer dan Internet sering ditipu. Selain itu, mereka yang tidak sedar akan risiko di sebalik perkongsian peribadi melalui media sosial seperti Facebook, Instagram, Twitter dan lain-lain juga menjadi faktor jenayah siber berlaku.

Penutup Karangan Jenayah Siber

Teknologi telah menyediakan kapasiti kepada bakal penyerang atau penceroboh untuk melakukan penerobosan yang lebih pantas dengan kesan yang sangat luas dan mendalam, yang sukar dijejak. Masalah siber jenayah yang semakin membimbangkan dan pelbagai langkah tertentu perlu diambil untuk mengawalinya. Pihak kerajaan haruslah meningkatkan keupayaan untuk menghadapi jenayah siber. Kita perlu menjemput pakar-pakar dari luar negara untuk bekerjasama berkongsi maklumat dengan pakar negara kita. Undang-undang negara kita juga perlu dikaji keberkesanan oleh penggubal undang-undang supaya sesuai untuk masalah moden ini. Dengan pelbagai persediaan oleh kerajaan, barulah rakyat Malaysia mempunyai kemudahan siber yang selamat untuk digunakan.

SULIT**39****1103/3****SET 7****ITEM BERTUTUR (Kumpulan)***[30 markah]*

Dalam konteks kita hari ini yang berdepan dengan bahaya pandemik Covid-19, kita melalui Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk kali pertamanya dalam sejarah, iaitu pada Mac 2020 dan seterusnya sekali lagi, PKP 2.0, sehingga menyebabkan sesi persekolahan secara bersemuka tidak lagi dapat diadakan. Pilihan yang ada hanyalah sesi pengajaran dan pembelajaran dalam talian.

Ulaskan pernyataan tersebut.

Cadangan Jawapan :

Kekangan /Masalah / Cabaran :

1. Murid lebih seronok tidak perlu lagi bangun di awal pagi untuk ke sekolah secara bersemuka dan lebih seronok berjaga hingga ke larut malam serta dapat bangun lewat.
2. Tidak boleh memberikan fokus 100 peratus jika guru mengajar secara dalam talian dalam tempoh 30 hingga 40 minit mengikut jadual kelas biasa.
3. Murid sudah lelah dan penat mengadap skrin komputer atau gajet masing-masing.
4. Kaedah pengajaran guru kurang berkesan kerana kurang selari dengan tahap kebolehan dan pembelajaran murid.
5. Kemahiran guru menggunakan peralatan IT pula hanya sekitar 50 hingga 60 peratus. Manakala hanya 40 hingga 50 peratus sahaja guru yang mahir mempelbagaikan pengajaran secara dalam talian.
6. Peralatan /peranti yang terhad dalam kalangan murid-murid.
7. Kemudahan Internet /Data
8. Komunikasi murid dan guru melalui PdPR sangat terbatas.
9. Guru memberikan terlalu banyak latihan kepada murid hingga membebankan ibu bapa kerana terpaksa membantu anak-anak membuat latihan.
10. Keluhan ibu bapa adalah jadual belajar yang padat serta lambakan kerja sekolah. Ibu bapa yang tidak mempunyai latar pendidikan tinggi juga berasa terbeban untuk membantu anak-anak mereka menyiapkan kerja rumah atau projek yang diberikan.
11. Medium pembelajaran yang berubah-ubah, dari aplikasi Zoom ke Google Meet dan panggilan video, platform WhatsApp, kemudian bertukar Telegram.

Langkah :

1. Bagi meningkatkan perhatian dan kehadiran murid ketika pembelajaran dalam talian, guru boleh menyediakan bahan pembelajaran yang menarik dan sesuai, sama ada dalam bentuk video, lembaran kerja, animasi dan sebagainya.
2. Kandungan pelajaran yang banyak juga boleh dipecah kecil bagi memudahkan murid memproses maklumat dan mengurangkan masa pembelajaran mereka.
3. Aktiviti permainan dalam talian juga dapat meningkatkan tumpuan murid dan pemberian ganjaran bagi setiap aktiviti atau soalan yang dapat dijawab oleh murid boleh meningkatkan motivasi untuk belajar.
4. Guru juga harus sedia merakam pengajaran yang dilaksanakan secara sinkronus bagi mengelak murid tercicir
5. Ibu bapa juga perlu menyediakan kemudahan asas untuk mereka belajar di rumah seperti talian internet, komputer atau telefon pintar dan ruang pembelajaran selesa.
6. Ibu bapa juga perlu bersedia memainkan peranan sebagai fasilitator serta memberi galakan dan motivasi kepada anak, mewujudkan jadual pembelajaran yang khusus di rumah juga membantu anak mengurus aktiviti pembelajaran mereka, sama ada secara dalam talian atau sendiri.
7. Anugerah khas galakan kepada guru dan murid yang terampil dalam pembelajaran dalam talian boleh dipelbagaikan menerusi kategori berbeza dengan menjadikannya satu daripada acara tahunan, sama ada pada peringkat sekolah, daerah, negeri mahupun kebangsaan

Kepentingan :

1. PdPR atau konsep pembelajaran dari rumah ialah pembelajaran secara atas talian yang menggunakan pelbagai aplikasi antaranya Google Meet, Zoom ataupun WhatsApp Video. Kaedah pembelajaran ini sebenarnya memberi pencerahan dari aspek pembelajaran secara moden dan boleh mengaplikasikan kemudahan teknologi pada masa ini. Ini antara salah satu kelebihan PdPR yang mana membantu murid-murid membuat penerokaan pembelajaran secara atas talian dalam norma baharu. Hal ini juga dapat membantu murid-murid lebih celik akan teknologi.
2. Kedua, kelebihan PdPR dapat dilihat daripada aspek perkembangan murid-murid pada pandangan ibu bapa. Sebelum ini, perkembangan murid-murid hanya mendapat penilaian daripada guru-guru yang mengajar, namun apabila pembelajaran daripada rumah, penilaian ibu bapa dapat dilihat secara terus setakat mana kemampuan anak-anak dalam pembelajaran.
3. Ketiga, hubungan ibu ayah dengan anak-anak dapat dieratkan dengan lebih ketat. Mengapa erat? Kebanyakan kelas pengajaran anak-anak di sekolah banyak melibatkan aktiviti pergerakan dan aktiviti bersama. Justeru apabila sesi pembelajaran berlaku, ibu bapa akan turut serta menolong dan menjalankan aktiviti bersama-sama anak-anak.
4. Di samping itu, guru-guru bersedia membantu murid-murid agar tidak ketinggalan dalam pelajaran. Murid-murid boleh bersoal jawab bersama guru-guru secara dalam talian bagi lebih memahami sesuatu topik yang dibincangkan.

Peranan :

Pihak kerajaan/NGO menyediakan kemudahan kepada murid-murid peruntukkan seperti komputer, laptop, tablet, telefon pintar kepada mereka yang memerlukan bagi murid yang berkongsi peranti / atau keluarga B40

Sejumlah 40,290 unit komputer riba telah diserahkan kepada murid di seluruh negara hasil sumbangan daripada sektor korporat dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC). Guru-guru kaunseling amat diperlukan untuk memperbaiki situasi yang timbul.

Projek bantuan komputer riba kepada murid dan penambahbaikan akses capaian internet di kawasan luar. Insentif khas kepada warga guru dengan pemberian data internet tambahan untuk proses pengajaran secara digital, penambahbaikan sistem jalur lebar dan kos pembelian alat bantu mengajar secara digital perlu juga diberikan perhatian sewajarnya oleh pihak kerajaan. Perkhidmatan rangkaian jalur lebar terbaharu yang disediakan oleh anak syarikat Tenaga Nasional Berhad (TNB) iaitu Allo Technology Sdn Bhd.

Sekolah perlu memastikan semua murid dapat mengikuti PdPR berdasarkan keperluan dan kesediaan mereka. Guru perlu mengenal pasti kaedah PdPR yang sesuai supaya murid dapat menguasai kandungan mata pelajaran yang ditetapkan. Guru hendaklah meneroka cara yang berbeza dan bersesuaian untuk kelangsungan dan peningkatan penglibatan murid dalam pengajaran

SULIT**42****1103/3**

Peranan ibu bapa/penjaga untuk:

- (i) Membantu anak/anak jagaan mendapat maklumat berkaitan sesi PdPR ataupun arahan/tugasan/kerja rumah yang diberikan guru; dan
- (ii) membantu anak/anak jagaan mengakses DELIMa, TV Pendidikan, EduwebTV (koleksi video) dan Cikgootube.

SOALAN KBAT UJIAN KEMAHIRAN BERTUTUR

TEMA	SOALAN	ANDAIAN JAWAPAN
Amalan rumah terbuka	Bagaimanakah amalan rumah terbuka dapat mengukuhkan perpaduan kaum?	<ul style="list-style-type: none"> ● Semua kaum akan berpeluang berkunjung ke rumah jiran atau kawan-kawan yang menyambut perayaan. ● Ketika menjamu selera, kita boleh berbual-bual dengan tetamu yang hadir. ● Mengetahui adat resam kaum lain dan menghormati amalan tradisi mereka - nilai toleransi mewujudkan perpaduan.
	Adakah amalan rumah terbuka boleh dijadikan sebagai produk pelancongan?	<ul style="list-style-type: none"> ● Ya, sebagai daya tarikan pelancongan. ● Pelancong luar teruja dengan cara dan budaya sesuatu kaum di negara kita menyambut perayaan. ● Kementerian Pelancongan boleh menjadikan rumah terbuka sebagai program utama pelancongan dan dicatat dalam kalender pelancongan negara. ● Pihak terlibat dalam industri pelancongan boleh menyediakan pakej menarik ketika musim perayaan sesuatu kaum.
Industri Pelancongan	Nyatakan tempat pelancongan yang menarik di negara kita. Apakah keistimewaan tempat tersebut?	<ul style="list-style-type: none"> ● Berikan contoh tempat menarik yang anda kunjungi dan berikan keistimewaan tempat tersebut. ● Contoh - Tanah Tinggi Cameron - cuaca sejuk seperti luar negara, hotel murah dan selesa - banyak tempat boleh dilawati spt ladang teh & menikmati teh segar dari ladang - melawat dan makan strawberry segar - membeli bunga segar , kektus dal sebagainya.
	Apakah faktor yang mampu menarik rakyat tempatan dan pelancong asing melancong di Malaysia?	<ul style="list-style-type: none"> ● Banyak tempat menarik untuk dilawati/ laut/pantai yang bersih seperti di Pulau Sipadan/Pelau perhentian, tanah tinggi seperti di Cameron highland, Bukit Tinggi, Bukit Fraser/ gunung Jerai, Kundasang, Gua Niah dsbnya ● Kemudahan infrastruktur yang baik - jalan raya/perhotelan/ restoran dsb. ● Kemudahan pengangkutan yang selesa- sistem pengangkutan awam/ perkhidmatan teksi/grab/basa pelancongan dsbnya. ● Kemudahan penginapan yang banyak dan selesa - hotel, homestay ● Kemudahan restoran/kedai yang menyediakan pelbagai menu menarik ● Promosi / tawaran pakej pelancongan yang murah
	Apakah kepentingan Industri pelancongan di negara kita?	<ul style="list-style-type: none"> ● Menjadi sumber ekonomi/ pendapatan negara. - berlaku pengaliran masuk mata wang asing - membantu meningkatkan nilai ringgit Malaysia. ● Menjadi sumber pendapat rakyat/masyarakat yang terlibat dalam industri pelancongan -(pekerja di hotel/homestay, pemandu teksi/grab/ pengusaha/pekerja restoran/ penyedia bot/ dsb.) ● Memajukan sesuatu kawasan pelancongan - kemudahan jalan bertambah baik - kemudahan infrastruktur lebih baik dan selesa.- rakyat juga mendapat manfaatnya. ● Meningkatkan imej negara kita - keramahan penduduk, kebersihan kawasan dsbnya.
	Bagaimanakah bangunan bersejarah/ tempat bersejarah boleh dijadikan daya tarikan pelancongan?	<ul style="list-style-type: none"> ● Contoh bangunan bersejarah - A' Famosa/ Gereja St. Pauls/bangunan Merah di Melaka, Istana, Bangunan Sultan Abdul samad di Kuala Lumpur , Fort Margherita di Sarawak, Bangunan Stesen Kereta Api di Ipoh Perak, Masjid Sultan Abu Bakar di Johor , Fort Cornwallis di Pulau Pinang dsbnya. ● Pelancong ingin mengetahui sejarah penjajahan di negara kita ● Menjadi daya tarikan kepada pelancong yag meminati bidang sejarah. ● Menjadi destinasi pelancongan pilihan ibu bapa untuk mendedahkan kesan sejarah kepada anak-anak.
	Bagaimanakah memajukan industri pelancongan kesihatan?	<ul style="list-style-type: none"> ● Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pelancongan mengadakan kempen untuk menggalakkan pelancongan berkunjung ke negara kita sambil mendapatkan rawatan kesihatan - seperti rawatan pergigian, kecantikan, rawatan secara tradisional dsbnya. ● Pihak Kerajaan memberikan bantuan dana/kewangan kepada hospital / klinik untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan. ● Pihak Hospital/klinik menyediakan pakar yang mampu meyakinkan pelancong luar untuk mendapatkan rawatan ke negara kita. ● Pihak hospital/klinik menyediakan pakej rawatan yang menarik kepada para pesakit.
	Apakah ciri hotel atau homestay yang boleh menarik lebih ramai pelancong menginap di situ?	<ul style="list-style-type: none"> ● Keadaan bilik yang selesa dengan kemudahan TV, peti sejuk mini, talian Internet dsb. ● Kelengkapan bilik berfungsi dengan baik ● Persekitaran yang luas dan cantik - hiasan/ bunga ● Keselamatan terjamin ● Parkir kenderaan yang disediakan selamat ● Ada fasiliti/kemudahan tambahan - spt kolam mandi, tempat Gym, bilik SPA ● Penyediaan menu makanan yang pelbagai dan lazat ● Terletak berhampiran lokasi perlancongan yang menarik. ● Pakej penginapan yang murah.
	Gaya Hidup Sihat	Apakah kesan jika individu tidak menjaga kesihatan?

BERUSAHA, BERDOA DAN BERTAWAKKAL - Cikgu Asnah Ismail SMKKB Pulau Pinang

	<p>Bincangkan cara-cara menjaga kesihatan diri?</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Menjaga kebersihan diri - mandi, berpakaian bersih dll ● Menjaga kebersihan persekitaran - kawasan yang bersih -udara segar - kesihatan diri lebih baik ● Mendapat tidur/rehat secukupnya mengikut peringkat umur ● Mengamalkan pemakanan seimbang ● Melakukan aktiviti riadah/ bersukan ● Mendapat rawatan doktor secara berkala ● Sentiasa berfikiran positif
<p>Perubatan tradisional</p>	<p>Mengapakah perubatan tradisional semakin kurang popular dalam kalangan generasi muda?</p> <p>Atau</p> <p>Mengapakah perubatan tradisional kian dipinggirkan oleh masyarakat?</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Saingan perubatan moden- hospital/klinik yang menyediakan doktor bertauliah dan kemudahan peralatan perubatan yang canggih. ● Banyak hospital/klinik - mudah untuk mendapatkan rawatan pada bila-bila masa kecemasan. ● Tidak semua orang yang berkemahiran dalam perubatan tradisional - menyukarkan pesakit untuk mendapatkan rawatan jika berlaku kecemasan. ● Perubatan moden menyediakan rawatan bagi pelbagai penyakit - perubatan tradisional terhad kepada penyakit tertentu sahaja. ● Kesukaran mendapatkan bahan perubatan- akar kayu, pucuk daun herba, dsbnya ● Kesukaran untuk menyediakan ubat - perlu direbus, dikeringkan dsbnya ● Kurang keyakinan terhadap jaminan kualiti penyediaannya secara tradisional. ● Kurang keyakinan terhadap keberkesannya - tidak mendapat kelulusan KKM ● Takut terjebak dengan perkara khurafat yang menyalahi ajaran agama ketika melakukan ritual perubatan tradisional. ● Takut tertipu dengan pengamal perubahan/bomoh palsu. ● Waris generasi muda juga lebih memilih perubatan moden.
	<p>Apakah langkah yang sesuai agar Perubatan Tradisional ini tidak pupus?</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Pihak kerajaan boleh menyediakan program khusus di Institusi Pendidikan untuk individu yang berminat untuk mempelajari perubatan tradisional. ● Pihak kerajaan mengiktiraf /memberi sijil kepada individu yang terlibat sebagai pengamal perubatan tradisional supaya masyarakat lebih yakin. ● Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia(KKM) memberi kelulusan terhadap ubat-ubatan tradisional yang telah melalui ujian tapisan keselamatan. ● Ibu bapa boleh membawa anak-anak untuk mendapatkan rawatan secara tradisional untuk penyakit yang ringan seperti urutan badan. ● Pihak kerajaan mengambil tindakan tegas jika terdapat Individu yang menipu sebagai pengamal perubatan tradisional. ● Pihak media massa boleh mempromosikan kmanfaat perubatan tradisional kepada orang ramai seperti perubatan untuk rawatan kecantikan, urutan badan tradisional/ jus minuman akar kayu yang telah mencapai kelulusan KKM.
<p>Integriti (Gejala Rasuah)</p>	<p>Apakah punca-punca berlakunya gejala rasuah?</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Kurangnya keimanan dalam diri - terpedaya dengan nafsu apabila melihat tawaran wang yang banyak @ barangan mewah ● Keinginan untuk hidup mewah ● Masalah kesempitan wang - ambil jalan mudah menerima rasuah ● Terpaksa menerima rasuah - ancaman daripada pemberi rasuah yang berpengaruh.
	<p>Apakah cara berkesan untuk mengatasi masalah rasuah?</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Individu perlu memantapkan keimanan diri. ● Sentiasa berpegang teguh kepada ajaran agama yang melarang rasuah ● Membuat laporan di SPRM jika terdapat cubaan memberi rasuah oleh pihak tertentu. ● Pihak kerajaan menguatkuasakan undang-undang yang lebih ketat kepada pemberi dan penerima rasuah. ● Pihak kerajaan memberikan ganjaran kepada sesiapa sahaja yang memberi maklumat berkaitan urusan yang melibatkan rasuah. ● Kempen kesedaran berkaitan ancaman gejala rasuah kepada diri dan negara.
<p>Sukan dan Rekreasi/ Aktiviti riadah</p>	<p>Bagaimanakah sukan dapat mengukuhkan perpaduan kaum?</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Penglibatan pelbagai kaum dalam satu pasukan - bola sepak, ragbi, hoki, bola jaring dsbnya. ● Semua kaum akan memberi sokongan secara padu bagi menyokong pasukan negara contoh ketika Kejohanan Piala Thomas - semua rakyat memberi sokongan kepada Dato Lim Chong Wei. ● Sekiranya pasukan negara mendapat kemenangan - semua kaum akan berdiri dan menyanyikan lagu Negaraku dengan penuh semangat- secara tidak langsung memupuk perpaduan.
	<p>Huraikan kepentingan dasar 1Murid 1Sukan kepada pelajar?</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Menggalakkan murid terlibat dalam aktiviti sukan ● Mengasah/mengembangkan bakat murid dalam sesuatu sukan ● Menyemai nilai-nilai murni dalam kalangan murid - nilai bertanggungjawab, bekerjasama, bertoleransi dsb. ● Meningkatkan imej sekolah - jika murid mewakili sekolah dan memenangi acara sukan peringkat Daerah, Negeri atau Kebangsaan. ● Mengelakkan murid membuang masa tanpa berfaedah - lebih baik menghadiri latihan sukan pada waktu petang/ hari Sabtu
	<p>Huraikan langkah untuk meningkatkan mutu sukan di negara kita?</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Pihak sekolah perlu mengenal pasti bakat murid sejak di bangku sekolah rendah lagi. ● Pihak Sekolah boleh menghantar murid berbakat mewakili sekolah dalam acara sukan ● Pihak Kememnterian Pendidikan perlu mengetengahkan lagi bakat murid di peringkat antarabangsa. ● Pihak kerajaan perlu menyediakan kemudahan peralatan sukan di kelab-kelab sukan di setiap Daerah/ Negeri. ● Pihak Kerajaan melalui Kementerian Belia dan Sukan boleh menyediakan insentif yang sesuai kepada para atlet yang berjaya memenangi sesuatu pertandingan di peringkat antarabangsa.

BERUSAHA, BERDOA DAN BERTAWAKKAL - Cikgu Asnah Ismail SMKKB Pulau Pinang

	Mengapakah masyarakat sekarang kurang gemar melakukan aktiviti riadah?	<ul style="list-style-type: none"> ● Tiada masa - terlalu sibuk dengan pekerjaan ● Tidak minat aktiviti luar/ beriadah di luar rumah - lebih suka duduk di dalam rumah-menonton TV, layan gajet dsbnya. ● Tidak suka terdedah kepada cuaca panas/ tidak suka badan berpeluh ● Anggap aktiviti riadah sebagai aktiviti yang meletihkan badan.
	Apakah ciri-ciri keselamatan yang perlu diberi perhatian sebelum bersukan (terutamanya sukan lasak)?	<ul style="list-style-type: none"> ● Memastikan tubuh badan yang sihat untuk melakukan aktiviti sukan lasak - dapatkan nasihat doktor terlebih dahulu. ● Memastikan stamina/tenaga yang mencukupi - dapatkan rehat secukupnya sebelum melakukan aktiviti sukan. ● Mesti memakai peralatan keselamatan yang betul - seperti topi keselamatan, jaket keselamatan, pelapik lutut dsbnya. ● Mesti sentiasa mengikut arahan jurulatih/jurupandu bagi sesuatu sukan lasak. ● Memastikan keadaan cuaca yang baik untuk melakukan aktiviti suka - elakkan hujan lebat, mendung/ terlalu panas
	Adakah aktiviti sukan dan riadah ini dapat membentuk keluarga bahagia?	<ul style="list-style-type: none"> ● Ya, ahli keluarga dapat menghabiskan masa bersama-sama ketika beriadah.. ● Ketika beriadah anak-anak boleh menceritakan pengalaman atau masalah mereka di sekolah. ● Anak-anak beranggapan ibu bapa ambil peduli terhadap anak dan menyayangi mereka. ● Berlaku komunikasi mesra antara ibu bapa dan anak-anak dan antara adik-beradik.
Keselamatan - kemalangan - ancaman dadah - gejala sosial	Apakah punca-punca berlakunya kemalangan jalan raya?	<ul style="list-style-type: none"> ● Faktor sikap pemandu - tidak berhati-hati, sombong dengan kehebatan diri ketika memandu/tidak bersabar/mementingkan diri ingincepat sampai destinasi ● Faktor kenderaan - dalam keadaan tidak selamat untuk dipandu seperti brek rosak, lampu signal pecah, tayar botak, cermin depan retak dsbnya. ● Faktor keadaan jalan raya - berlubang-lubang, sempit, licin ketika hujan, jalan berselekoh/jalan sempit ● Faktor lampu isyarat rosak. ● Faktor kesesakan - terlalu banyak kenderaan di atas jalan raya.
	Apakah kesan-kesan kemalangan jalan raya kepada individu/ mangsa terlibat?	<ul style="list-style-type: none"> ● Boleh menyebabkan kematian -keluarga kehilangan orang tersayang. - mengganggu emosi ahli keluarga terutamanya anak-anak. ● Kecederaan yang serius - terpaksa menanggung kos rawatan ● Kehilangan punca rezeki - jika mengalami kecacatan akibat kemalangan/ atau mendapat rawatan dalam tempoh yang panjang. - hidup susah ● Terpaksa mengeluarkan kos membaiki kenderaan - kos guaman jika didakwa di mahkamah.
	Mengapakah usaha kerajaan membanteras penyalahgunaan dadah dianggap kurang berkesan?	<ul style="list-style-type: none"> ● Bilangan penagih dadah cepat bertambah. ● Kekurangan kakitangan untuk menangkap penagih dadah ● Sikap masyarakat yang tidak ambil peduli dengan ahli masyarakat yang menghisap dadah (selagi tidak melibatkan ahli keluarga sendiri) ● Penagih dadah pandai menyembunyikan diri jika ada operasi membanteras penagihan dadah di sesuatu kawasan. ● Terdapat segelintir ibu bapa sayang atau tidk mahu menanggung malu jika orang lain anaknya terlibat dadah - lebih suka mendiamkan diri tidak buat laporan kepada pusat pemulihan dadah.
	Apakah peranan ibu bapa untuk mengelakkan anak-anak terlibat dalam gejala sosial?	<ul style="list-style-type: none"> ● Ibu bapa memberikan kasih -sayang, nasihat dan bimbingan kepada anak-anaknya ● Ibu bapa sentiasa mengawasi pergaulan anak-anaknya dengan rakan-rakan luar. ● Ibu bapa tidak memberikan sejumlah wang yang banyak kepada anak-anak sebagai wang saku mereka. ● Ibu bapa perlu kerap meluangkan masa bersama-sama anak untuk mendengar masalah mereka. ● Ibu bapa memberi didikan agama secukupnya supaya anak-anak mempunyai benteng keimanan yang kukuh. ● Ibu bapa boleh menghantar anak-anak menyertai kem motivasi atau kem pembentukan jati diri.
Kewangan	Apakah kesan-kesan yang terjadi jika seseorang itu tidak mempunyai wang simpanan?	<ul style="list-style-type: none"> ● Tidak mempunyai wang simpanan untuk digunakan ketika waktu kecemasan - ahli keluarga jatuh sakit, kereta rosak dsb. ● Tidak boleh menggunakan wang untuk membiayai pelajaran anak-anak ke universiti. ● Tidak boleh berbelanja untuk membeli barang-barang yang diperlukan dengan segera. ● Tidak boleh membantu ibu bapa atau ahli keluarga yang kesempitan wang.
	Bagaimanakah cara pengurusan wang saku yang berkesan?	<ul style="list-style-type: none"> ● Berbelanja dengan berhemah ● Membeli barang yang diperlukan sahaja ● Membuat senarai barangan yang hendak dibelisebelu keluar berbelanja ● Membuat perbandingan harga bagi sesuatu barang. ● Menyimpan lebihan wang saku ke dalam tabung. ● Tidak berbelanja mengikut hawa nafsu semata-mata.
	Bagaimanakah cara untuk menangani isu pencemaran air?	<ul style="list-style-type: none"> ● Pihak kerajaan menguatkuasakan undang-undang yang ketat terhadap pihak yang membuat pencemaran air. ● Memastikan pengusaha ternakan dan pertanian di pinggir sungai tidak membuang najis binatang atau sisa baja tamanam ke dalam sungai. ● Memagar kawasan sungai yang menjadi sumber bekalan air . ● Pihak media menyiarkan maklumat berkaitan kesan pencemaran air.

BERUSAHA, BERDOA DAN BERTAWAKKAL - Cikgu Asnah Ismail SMKKB Pulau Pinang

Pencemaran	Apakah kesan jika masyarakat kurang kesedaran tentang kepentingan sumber air?	<ul style="list-style-type: none"> Masyarakat akan membuang sampah sesuka hati ke dalam sungai - menimbulkan bau busuk. Masyarakat tidak ambil peduli walaupun menyaksikan pihak kilang membuang sisa toksik ke dalam sungai. Kehidupan akuatik di sungai tercemar akan mati dan pupus - menjejaskan sumber pendapatan penduduk yang punca rezekinya melalui tangkapan ikan. udang di sungai. Kesihatan masyarakat juga terjejas jika meminum air sungai yang tercemar.
	Mengapakan kita perlu mengelakkan berlakunya pencemaran? (kesan pencemaran)	<ul style="list-style-type: none"> Mendapatkan udara yang segar - bebas jerebu Mendapatkan sumber bekalan air yang bersih sebagai sumber minuman Menjadikan kawasan kediaman bersih dan selesa untuk didiami. Menjamin kualiti kesihatan yang baik. Negara yang bersih boleh menjadi daya tarikan pelancong. Mengelakkan berlakunya bencana alam seperti banjir kilat - akan berlaku jika buang sampah dilongkang/ parit/sungai.
Perhutanan	Mengapakah kejadian tanah runtuh boleh berlaku di negara kita?	<ul style="list-style-type: none"> Penebangan hutan/pembalakan secara tidak terkawal. Tiada akar pokok untuk mencengkam tanah terutamanya ketika hujan lebat menyebabkan tanah mudah tergelongsor/runtuh. Pokok yang ditebang menyebabkan tiada "payung" yang melindungi tanah ketika hujan lebat. Hal ini menyebabkan air hujan terus jatuh ke tanah sehingga menjadikan tanah runtuh dengan mudah.
Kemasyarakatan (bergotong-royong, sukarelawan)	Apakah faktor yang menyebabkan remaja sekarang tidak suka melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan?	<ul style="list-style-type: none"> Pengaruh Gajet - terlalu leka sehingga tidak mepedulikan hal-hal yang berlaku di sekeliling mereka. Anggap aktiviti kemasyarakatan tidak berfaedah kepada mereka - kerana tiada bayaran/upah. Malas bersosial kerana tidak suka bergaul dengan orang tidak dikenali - tidak berkeyakinan untuk bersosial. Tidak mahu menyusahkan diri - anggap aktiviti ini memenatkan badan, megotorkan pakaian dsb. Tiada galakkan daripada ibu bapa - mereka sendiri tidak terlibat dalam aktiviti kemasyarakatan. Ibu bapa tidak membenarkan kerana bimbang akan keselamatan anak-anak ketika melakukan aktiviti kemasyarakatan.
	Bagaimanakah cara untuk menggalakkan remaja terlibat dalam program sukarelawan/khidmat sosial?	<ul style="list-style-type: none"> Ibu bapa mesti terlibat dan megajak anak-anak untuk turut serta dalam program sukarelawan/khidmat sosial ini. Kempen untuk menyedarkan generasi muda berkenaan kebaikan menyertai program sebegini. Pihak Jawatankuasa Perumahan perlu mengadakan aktiviti yang sesuai supaya dapat menarik minat remaja untuk turut serta dalam program ini.
	Apakah kebaikan jika kita menyertai progrm kemasyarakatan/sukarela/ khidmat sosial ini?	<ul style="list-style-type: none"> Dapat merapatkan hubungan silaturahim antara penduduk atau ahli kumpulan Dapat melatih diri bersosial dengan semua orang. Dapat menimba pengalaman dengan rakan-rakan baharu. Dapat mengurangkan tekanan - bekerja, belajar, berniaga dsbnya. Dapat meningkatkan jati diri sebagai ketua kumpulan . Dapat meningkatkan keyakinan diri - membuang sifat malu untuk berkomunikasi dengan orang lain.
Pembentukan Jati Diri	Apakah cabaran yang dihadapi oleh murid untuk membentuk jati diri yang baik?	<ul style="list-style-type: none"> Cabaran Pendarasan rakan sebaya yang berakhlak buruk Cabaran keluarga - ibu bapa atau ahli keluarga juga berakhlak buruk - bercakap kasar, sering berkelahi. Cabaran Terpengaruh dengan paparan gajet - mengikut tingkah laku watak-watak atau percakap kasar mereka dalam filem atau game. Cabaran ibu bapayang tidak mendidik anak-anak berkelakuan baik. Membiarkan tanpa teguran jika anak-anak bercakap kasar atau berkelakuan biadap.
	Bagaimanakah pihak sekolah berpenar dalam pembentukan jati diri murid?	<ul style="list-style-type: none"> Menganjurkan Kem kepimpinan atau kem bina jati diri. Menjemput penceramah/pakar motivasi luar Mengadakan program yang dapat meningkatkan jati diri seperti sambutan kemerdekaan, melafazkan ikrar Rukun Negara dan memahaminya.
Sejarah dan warisan	Apakah usaha-usaha untuk mempopularkan permainan tradisional?	<ul style="list-style-type: none"> Diri - belajar untuk bermain permainan tradisional Ibu bapa - bermain bersama-sama anak - membelikan alat permainan tradisional Sekolah - menubuhkan kelab permainan tradisional/ mengadakan aktiviti pertandingan permainan tradisional. Kerajaan - mengadakan kempen kesedaran atau menganjurkan karival permainan tradisional di setiap negeri. Media - memaparkan iklan atau menyiarkan dokumentari berkaitan permainan tradisional.
	Apakah kebaikan permainan tradisional?	<ul style="list-style-type: none"> Dapat memupuk nilai murni - spt nilai toleransi/ betolak ansur mengikut giliran permainan/kesabaran. Mengasah minda lebih bijak - perlu berfikir strategi permainan / strategi mengalahkan pihak lawan Menyihatkan tubuh badan - berlaku pergerakan fizikal/ mengeluarkan peluh - spt permainan sepak raga/ wau/ galah panjang Memupuk perpaduan - semua kaum boleh bermain bersama-sama Mengisi masa lapang dengan berfaedah. Menambah kenalan baru - ketika terlibat dalam permainan tradisional.
	Apakah faktor yang menyebabkan warisan tradisi nenek moyang kita kian dilupakan?	<ul style="list-style-type: none"> Pengaruh Gajet/ telefon bimbit - generasi muda terpengaruh dengan budaya moden yang terpapar di skrin telefon bimbit.- contoh warisan pakaian tradisi/ makanan tradisi/ permainan tradisi sudah tidak diminati. Warisan ini tidak diturunkan atau diajar kepada generasi muda oleh datuk/nenek Ibu bapa sendiri sudah tidak mengamalkan warisan tradisi - ikut acuan moden Generasi muda anggap warisan tradisi sudah kolot dan ketinggalan zaman.

BERUSAHA, BERDOA DAN BERTAWAKKAL - Cikgu Asnah Ismail SMKKB Pulau Pinang

	Mengapakah kita perlu menjaga dan memulihara bangunan bersejarah?	<ul style="list-style-type: none"> ● Menjadi daya tarikan pelancong luar negara dan tempatan ● Memupuk semangat patriotik kepada generasi supaya menjaga kedaulatan negara supaya tidak terjajah lagi ● Mempunyai nilai sejarah yang tinggi - dibina sejak zaman penjajahan ● Menjadi sumber ilmu pengetahuan baharu bagi penggemar sejarah. ● Untuk mengekalkan keunikan reka bentuk sesebuah bangunan.
	Apakah usaha-usaha untuk memulihara dan memulihara bangunan bersejarah?	<ul style="list-style-type: none"> ● Kepajaan memberikan peruntukan dana bagi mengekalkan bangunan bersejarah. ● Kerajaan mewartakan bangunan bersejarah sebagai warisan negara - tidak boleh dirobohkan begitu saja. ● Pihak terlibat mengusahakan agar kawasan sekitar bangunan sejarah itu cantik dan bersih - boleh menarik perhatian pengunjung ● Menjadikan bangunan bersejarah sebagai muzium yang menempatkan pelbagai artifak peninggalan sejarah. ● Pihak kerajaan boleh mengadakan promosi untuk menjadikan bangunan bersejarah sebagai daya tarikan pelancongan. ● Ibu bapa/ pihak sekolah boleh mengadakan lawatan ke tempat-tempat bersejarah.
Alam Kerjaya / pekerjaan	Bagaimanakah anda membuat perancangan untuk menceburi kerjaya yang anda minati?	<ul style="list-style-type: none"> ● Membuat kajian awal- seperti syarat2 kelayakan, kos pendidikan di universiti yang menawarkan bidang kerjaya tersebut. ● Memberi tumpuan dalam mata pelajaran yang diperlukan dalam SPM - spt kerjaya doktor perlukan subjek teras sains, akauntan perlukan subjek matematik dan prinsip akaun dsbnya. ● Mendapat keputusan peperiksaan yang baik diperingkat Sekolah menengah atau universiti. ● Bertanya kepada mereka/pekerja yang berpengalaman dalam kerjaya tersebut.
	Apakah persediaan-persediaan yang perlu dilakukan sebelum menghadiri temu duga sesuatu kerjaya?	<ul style="list-style-type: none"> ● Berpakaian yang kemas/berkasut/bertali leher dsb ● Membawa segala dokumen yang lengkap - , kad pengenalan/ sijil-sijil yang berkaitan ● Menyediakan resume yang lengkap ● Tidur awal supaya dapat datang awal ke tempat temu duga. ● Menjaga Adab ketika bertutur ● Dapatkan info lanjut semua perkara yang ada kaitan dengan kerjaya yang dipohon. ● Menjawab setiap persoalan dengan penuh keyakinan.
	Apakah pandangan anda terhadap sikap sesetengah individu yang suka memilih kerjaya?	<ul style="list-style-type: none"> ● Boleh - ikut minat kita - kalau tidak minat sukar untuk bekerja dengan ikhlas dan bersungguh./ ikut kemampuan diri kita ● Tak boleh memilih - peluang perkerjaan yang tipis/ berebut pe,uang dengan mereka yang juga sedang mencari pekerjaan. ● Boleh dapatkan pengalaman terlebih dahulu/ menambah kemahiran/ pengetahuan sebelum bertukar keada kerjaya yang kita minati. ● Boleh belajar sambil bekerja.
Semangat Patriotik	Bagaimanakah pihak sekolah boleh menyemai semangat patriotik dalam kalangan murid?	<ul style="list-style-type: none"> ● Pihak sekolah boleh mengadakan program seperti sambutan bulan kemerdekaan ● Mewajibkan semua pelajar menyanyikan lagu Negaku dengan penuh semangat. ● Mengadakan kuiz berkaitan semangat patriotik. ● Mengadakan karnival berkaitan patriotik dengan kerjasama pihak luar seperti muzium. ● Mengadakan lawatan sambil belajar ke tempat-tempat bersejarah ● Guru menekankan semangat patriotik dalam subjek sejarah.
	Bagaimakah cara kita sebagai rakyat menunjukkan semangat patriotik kepada negara?	<ul style="list-style-type: none"> ● Menghayati rukun negara ● Menghormati lagu Negaraku ● Melakukan perkara/ aktiviti yang boleh mengharumkan nama negara - spt terlibat kejohanan sukan ● Mengamalkan pepaduan - mewujudkan keharmonian rakyat / kestabilan politik ● Mematuhi Undang-undang negara ● Tidak memburukkan nama negara - melalui media sosial ● Memberi sokongan kepada program negara
	Bagaimanakah semangat patriotik dapat menjamin kedaulatan negara?	<ul style="list-style-type: none"> ● Rakyat akan bersatu untuk menjamin kedaulatan negara ● Rakyat akan menghormati perlembagaan negara ● Rakyat akan mematuhi prinsip-prinsip Rukun Negara ● Rakyat akan mengamalkan perpaduan kaum ● Rakyat akan mematuhi undang-undang negara ● Rakyat akan mengharumkan/menjaga nama baik negara.
Bahasa	Apakah kesan-kesan penggunaan bahasa rojak?	<ul style="list-style-type: none"> ● Martabat bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan tercemar. ● Menjejaskan indentity bahasa kebangsaan ● Menjejaskan penguasaan bahasa Melayu ● Menjejaskan imej negara
	Bagaimanakah cara ibu bapa untuk mendidik anak-anak menggunakan bahasa Melayu yang betul?	<ul style="list-style-type: none"> ● Ibu bapa mesti bertutur menggunakan bahasa Melayu yang betul ● Membelikan anak-anak buku bahasa Melayu ● Membaca buku cerita bahasa Melayu bersama-sama anak ● Menghantar anak ke kelasa tuisyen jika mereka masih belum menguasai bahasa Melayu dengan baik ● Menggalakkan anak-anak menonton video yang mengajar bahasa Melayu
	Bagaimanakah bahasa Melayu dapat menjadi bahasa perpaduan?	<ul style="list-style-type: none"> ● Bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan kaum - bahasa perantaraan ketika komunikasi antara kaum.

BERUSAHA, BERDOA DAN BERTAWAKKAL - Cikgu Asnah Ismail SMKKB Pulau Pinang

	<p>Bagaimanakah cara untuk memartabatkan Bahasa Melayu?</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Diri - perlu menggunakan bahasa Melayu dengan betul. ● Ibu bapa - bertutur dalam bahasa Melayu yang betul ketika bercakap dengan anak-anak. ● Pihak sekolah menganjurkan aktiviti berkaitan bahasa -seperti program Minggu Bahasa - adakan kuiz/ deklamasi sajak/ pertandingan menulis essei/ dsb ● Pihak kerajaan mengadakan karnival "Cintai Bahasa Kita" dengan penglibatan pihak yang berkaitan bahasa Melayu - seperti DBP, Perpustakaan Negara dsbnya. ● Pihak media juga seharusnya mengalakkan pengacara program menggunakan bahasa Melayu dengan betul.
<p>Pengangkutan Awam</p>	<p>Apakah kepentingan pengangkutan awam di negara kita?</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Memajukan sektor ekonomi disesuatu kawasan - memudahkan pekerja pergi bekerja menggunakan pengangkutan awam. ● Mengurangkan kesesakan jalan terutamanya di bandar atau kawasan perindustrian. ● Mengurangkan pencemaran udara apabila kurangnya bilangan kenderaan di jalan raya ● Membantu pengguna yang tidak mampu membeli kenderaan sendiri ● Menjimatkan masa perjalanan ke sesuatu tempat. ● Memajukan sistem pengangkutan negara. ● Membangunkan sesuatu kawasan yang menjadi laluan pengangkutan awam - stesen LRT, Komuter, bas , terminal lapangan terbang dsbnya. ● Menjadi sumber pendapatan bagi mreka yang terlibat dengan pengangkutan awam - spt pemandu. Penjaga kaunter, dsb
	<p>Apakah langkah-langkah untuk menggalakkan orang ramai menggunakan pengangkutan awam?</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Menyediakan ruang penumpang yang lebih selesa ● Meletakkan Harga tiket yang berpatutan ● Memberi Potongan harga kepada warga emas/ pelajar / OKU ● Menyediakan Kad bayaran bulanan -dengan potongan harga tiket ● Media memaparkan iklan untuk memberi kesedaran kepada penduduk supaya menggunakan kemudahan awam
<p>Sains dan Teknologi</p>	<p>Apakah kebaikan dan keburukan Internet?</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Kebaikan- ➢ Sebagai alat perhubungan dengan pantas dan melangkaui batas dunia ➢ Memudahkan pencarian sesuatu maklumat dengan pantas - maklumat di hujung jari ➢ Memudahkan urusan perbankan/ pembayaran bil/ - hanya secara online ➢ Memudahkan urusan perniagaan - melalui googemeet/ usahawan tidak perlu pergi ke tempat rakan niaga. ➢ Dapat mengetahui berita perkembangan dunia dengan cepat. ● Keburukan ➢ Melalaikan diri - contoh remaja asyik dengan permainan di Internet/ telefon bimbit ➢ Remaja tidak suka bersosial dengan orang luar ➢ Pemaparan unsur-unsur negatif spt filem porno menjejaskan minda pelajar ➢ Generasi muda terpengaruh dengan paparan negatif melalui Internet
	<p>Apakah langkah untuk membendung penipuan Alam Siber? (SCAMMER)</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Pihak berwajib (Suruhanjaya Multimedia) membuat tapisan terhadap laman sesawang yang berunsur penipuan. ● Pihak kerajaan mengambil tindakan yang tegas terhadap individu yang terlibat dalam aktiviti penipuan Internet. ● Pihak berwajib mesti mengambil tindakan yang cepat terhadap apa-apa aduan orang ramai berkenaan lawan sesawang yang berunsur penipuan. ● Kempen kesedaran kepada penggunaan Internet supaya lebih berhati-hati terhadap maklumat yang dilayari. ● Individu dinasihatkan supaya tidak mendedahkan maklumat peribadi kepada individu yang tidak dikenali atau baru dikenali melalui Internet. ● Individu boleh memasang kod keselamatan pada alat peranti seperti kata laluan yang sukar diceroboh. ● Tidak menggunakan Internet atau talian awam semasa melakukan urusan kewangan - perlu guna Internet sendiri. ● Tidak mendedahkan kata laluan atau nombor transaksi perbankan kepada mana-mana pihak. ● Ibu bapa memberi nasihat/mengawasi anak-anak terutamanya anak perempuan supaya tidak mudah terpedaya dengan kata-kata kenalan di Internet.
	<p>Bagaimanakah teknologi moden dapat memajukan sektor pertanian di negara kita?</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Penggunaan dron - untuk membaja tanaman ● Penciptaan pelbagai jentera moden - untuk memudahkan kerja-kerja pertanian seperti untuk membajak, menanam, membaca atau menuai hasil tanaman. ● Boleh menggantikan kaedah lama seperti menggunakan kerbau tenggala. ● Membantu saintis mengkaji kualiti biji benih dan penghasilan baja tanaman yang mesra alam- membantu penghasilan tanaman lebih berkualiti ● Meningkatkan kuantiti hasil pertanian - spt skrg padi ditanam 3 kali setahun. Pokok buah-buahan boleh mengeluarkan hasil yang banyak. ● Menjimatkan kos pertanian - penggunaan jentera/ dron dapat mengurangkan upah buruh. ● Menjimatkan masa petani - boleh menggunakan masa untuk aktiviti pertanian yang lain

BERUSAHA, BERDOA DAN BERTAWAKKAL - Cikgu Asnah Ismail SMKKB Pulau Pinang

Pertanian, penternakan, perikanan	Apakah langkah yang perlu diambil untuk memajukan bidang pertanian, penternakan dan perikanan negara? (soalan umum utk semua)	<ul style="list-style-type: none">● Pihak kerajaan melalui agensi terlibat menyediakan kemudahan pinjaman kewangan dengan kadar pinjaman yang rendah - supaya petani/penternak/nelayan dapat mengembangkan usaha mereka - seperti membeli peralatan moden/menyediakan kandang penternakan/sangkar ikan/tempat tanaman yang moden.● Pihak kerajaan melalui agensi terlibat boleh menganjurkan Karnival seperti MAHA pada setiap tahun untuk memberi peluang kepada para pengusaha mempromosikan hasil produktiviti mereka.● Pihak kerajaan melalui agensi terlibat menjalankan penyelidikan untuk menghasilkan benih tanaman atau ternakan yang lebih berkualiti.● Pihak kerajaan melalui agensi terlibat membantu petani/penternak/nelayan memasarkan hasil keluaran yang lebih luas di dalam negara dan juga ke luar negara.● Pihak kerajaan melalui agensi terlibat boleh menganjurkan kursus atau bengkel supaya mereka yang terlibat dalam sektor ini mempunyai ilmu pengetahuan dan berkemahiran yang tinggi untuk mengusahakan sektor yang diusahakan.● Pihak kerajaan boleh menyediakan anugerah khas kepada petani, nelayan atau penternak yang telah berjaya.● Pihak media massa membuat dokumentari berkaitan bidang pertanian/penternakan/perikanan supaya lebih ramai generasi muda berminat menceburi bidang ini.● Pihak kementerian terbabit boleh menjadikan Program Perlancongan Pertanian @Agropelancongan sebagai daya tarikan pelancong dan meningkatkan sumber pendapatan petani/penternak/nelayan.
---	--	--

Peringatan ya anak-anak pelajar yang dikasihi, setiap soalan yang dibina adalah berdasarkan andaian cikgu semata-mata. Banyak lagi bentuk soalan yang boleh diajukan ketika sesi ujian lisan berlangsung. Setiap perkara yang ditulis, hanyalah sebagai panduan. Semoga memberi manfaat kepada anda semua.

**** pelajar boleh menonton video di laman YT untuk mengetahui kaedah bertutur dengan lancar, teratur dan bertatsusila.**

Moga Kejayaan Menjadi Milik Anda.....

Asnah Ismail

